JABATAN
PERKHIDMATAN
AWAM

# LAPORAN TAHUNAN

# 2019

ANNUAL REPORT

# KANDUNGAN

CONTENTS


01 **PETIKAN UCAPAN KSN & KPPA**
*SPEECH QUOTES*

02 **PERUTUSAN KPPA**
*FOREWORD FROM DGPS*

03 **PROFIL KORPORAT**
*CORPORATE PROFILE*

- Carta Organisasi
  *Organisational Chart*
- Visi, Misi & Slogan
  *Vision, Mission & Slogan*
- Piagam Pelanggan
  *Client's Charter*

04 **PEMBAHARUAN PERKHIDMATAN AWAM**
*CIVIL SERVICE REFORM*

05 **PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) JPA TAHUN 2019**
*JPA'S KEY PERFORMANCE INDICATOR (KPI) ACHIEVEMENTS FOR YEAR 2019*

06 **JPA @ 2019**

- Pelaksanaan Program dan Aktiviti
  *Implementation of Programmes and Activities*
- Anugerah dan Pengiktirafan
  *Awards and Recognitions*
- Prestasi Kewangan dan Audit
  *Financial Performance and Audit*
- Pameran dan Media
  *Media and Exhibitions*
- Senarai Penerbitan
  *Publications*
- Kajian dan Penyelidikan
  *Researches*

07 **DIARI KORPORAT JPA**
*JPA'S CORPORATE DIARY*

08 **SENARAI PEKELILING, SURAT PEKELILING DAN SURAT EDARAN 2019**
*CIRCULARS, CIRCULAR LETTERS AND CIRCULATED LETTERS 2019*

09 **PUNCA KUASA**
*PROVISIONS*




# PETIKAN UCAPAN

SPEECH QUOTES




# PETIKAN UCAPAN KETUA SETIAUSAHA NEGARA

## MESSAGE FROM CHIEF SECRETARY TO THE GOVERNMENT

**"Pembaharuan ke arah mensejahterakan perkhidmatan awam dan rakyat amnya amat perlu dilaksanakan dalam sektor awam demi menambah baik kualiti penyampaian perkhidmatan. Pemisahan kuasa antara badan pemerintah, perundangan dan kehakiman perlu diutamakan dalam memastikan integriti perkhidmatan awam tidak dipertikaikan."**

*"Reformation towards prospering the civil service and the Rakyat in general is a neccessity within the government sector to improve service delivery. Separation of power between executive, legislative and the judiciary is paramount to ensure that the integrity of the public service is undisputed."*

**"Demi mencapai kecemerlangan di peringkat antarabangsa dan memberikan perkhidmatan terbaik kepada Rakyat, perkhidmatan awam perlu bebas daripada rasuah. Penjawat Awam juga akan sentiasa bersama-sama dan terus menyokong dalam menjayakan agenda anti rasuah negara ini."**

*"In order to achieve excellence internationally and provide the best service to the Rakyat, the public service must be free of corruption. Civil servants will band together and continue to support the country's anti-corruption agenda."*

**"Saya ingin menyeru kepada semua penjawat awam agar melaksanakan tugas, penjawat awam hendaklah mempamerkan sikap tegas, berani, adil dan sanggup mengambil risiko bagi menentukan integriti dan governans tidak dikompromikan."**

*"I would like to urge all civil servants to perform their duties, civil servants should be firm, courageous, and fair whilst willing to take risks to ensure integrity and governance are not compromised."*

**YBHG. TAN SRI DR ISMAIL BIN HJ. BAKAR**
**KETUA SETIAUSAHA NEGARA**
CHIEF SECRETARY TO THE GOVERNMENT

Majlis Pelancaran Pelan Anti Rasuah Nasional
*National Anti-Corruption Plan Launching Ceremony*

# PETIKAN UCAPAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM

## MESSAGE FROM DIRECTOR GENERAL OF PUBLIC SERVICE

**“Penyampaian perkhidmatan perlu ditambah baik secara komprehensif dengan mengambil kira cabaran dan perubahan semasa, sama ada di peringkat global atau domestik.”**
*“Service delivery needs to be comprehensively improved taking into account current challenges and changes, whether globally or domestically.”*

**“Penjawat awam perlu berfikir secara kreatif dan inovatif bagi menambah baik proses kerja sedia ada dalam memberi penyampaian perkhidmatan yang efisien serta efektif, pada masa yang sama perlu sentiasa mendukung prinsip integriti dan ketelusan dalam setiap perkara kerja.”**
*“Civil servants need to think creatively and innovatively to improve the existing work processes in providing efficient and effective service delivery, while at the same time continously upholding the principles of integrity and transparency in every aspect of their work.”*

**YBHG. DATUK MOHD KHAIRUL ADIB BIN ABD RAHMAN**
**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**
DIRECTOR GENERAL OF PUBLIC SERVICE

Majlis Perhimpunan Bulanan JPA
*JPA Monthly Assembly*






# PERUTUSAN KPPA

FORWARD FROM DGPS

# PERUTUSAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM

DIRECTOR GENERAL OF PUBLIC SERVICE'S MESSAGE

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-Sebelas, antara lain, memberi penekanan dan penegasan terhadap kepentingan Mereformasi Perkhidmatan Awam bagi memperkukuhkan kapasiti pentadbiran dan menambah baik tadbir urus. Natijah penegasan ini adalah untuk mengembalikan kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap Perkhidmatan Awam.

*The Eleventh Malaysia Plan Review, among others, highlights and emphasize the importance of Public Service Reform to strengthen the administrative capacity and improve governance. Central to this is to restore the rakyat's trust and confidence in the Public Service.*

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sebagai PENERAJU PEMBAHARUAN, PENGGERAK PERUBAHAN pengurusan dan pembangunan sumber manusia perkhidmatan awam telah menggerakkan agenda reformasi untuk membangunkan kepimpinan yang *"agile"* dan *"holocracy"*, modal insan yang *"mobile"*, *"multi-tasking"*, *"multi-talented"* dan kreatif, organisasi yang digital, *"hybrid"* dan kendiri, budaya kerja yang berfokuskan pelanggan, fleksibel, berinovasi dan terbuka serta penyampaian perkhidmatan yang berintegriti dan profesional. Melalui kerangka agenda reformasi ini adalah diharapkan perkhidmatan awam akan menjadi sebuah entiti yang bersatu dan boleh dipercayai untuk menyampai dan menzahirkan agenda nasional Kerajaan.

*The Public Service Department (PSD) as the pioneer; 'LEADING REFORM, DRIVING CHANGE' in human resource management and development for public service has driven the reform agenda to develop an agile and holocratic leadership, mobile, multi-tasking, multi-talented and creative, digital organisation; while a hybrid and self-sufficient, customer-focused, flexible, innovative and open-minded as well as professional and trustworthy service delivery. Through this reform agenda framework it is hoped that public service will be a unified and reliable entity to deliver and express the Government's national agenda.*

Saya mengucapkan ribuan terima kasih dan merakamkan penghargaan khususnya kepada mantan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam yang ke-23, YBhg. Tan Sri Borhan bin Dolah dan juga seluruh warga JPA atas segala usaha serta komitmen yang telah diberikan pada sepanjang tahun 2019 dalam menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan negara. Keberhasilan komitmen yang cemerlang ini diabadikan dalam Laporan Tahunan JPA 2019 sebagai wadah tatapan untuk dijadikan sumber inspirasi kearah pencapaian yang lebih gemilang di tahun tahun mendatang.




*I would like to express my thanks and gratitude especially to the former 23rd Director General of Public Service, YBhg. Tan Sri Borhan bin Dolah and the rest of the JPA family for all the efforts and commitments made during 2019 in providing the best service for the rakyat and the nation. The outcome of this outstanding commitment is immortalised in this 2019 JPA Annual Report and serves as a source of inspiration for much greater achievements in the following years to come.*

SAYA YANG MENJALANKAN AMANAH
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

**YBHG. DATUK MOHD KHAIRUL ADIB BIN ABD RAHMAN**
**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**
DIRECTOR GENERAL OF PUBLIC SERVICE




# PROFIL KORPORAT

CORPORATE PROFILE

# CARTA ORGANISASI

## ORGANISATION CHART

**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE

**TIMBALAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM (PEMBANGUNAN)**
Deputy Director-General of Public Service (Development)

- **PENGARAH BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN**
  Director of Human Capital Development Division
- **PENGARAH BAHAGIAN SARAAN**
  Director of Remuneration Division
- **PENGARAH BAHAGIAN PEMBANGUNAN ORGANISASI**
  Director of Organisational Development Division
- **PENGARAH BAHAGIAN PERKHIDMATAN**
  Director of Service Division

**TIMBALAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM (OPERASI)**
Deputy Director-General of Public Service (Operations)

- **PENGARAH BAHAGIAN PENGURUSAN PSIKOLOGI**
  Director of Psychology Management Division
- **PENGARAH BAHAGIAN PASCA PERKHIDMATAN**
  Director of Post-Service Division
- **PENGARAH BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN MAKLUMAT STRATEGIK**
  Director of Development and Management of Strategic Information Division
- **PENGARAH BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN**
  Director of Management Service Division

- **PENGARAH INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN)**
  Director of National Institute of Public Administration
- **PENGARAH BAHAGIAN PENYELIDIKAN, PERANCANGAN DAN DASAR**
  Director of Research, Planning and Policy Division
- **KETUA UNIT AUDIT DALAM**
  Head of Internal Audit Unit
- **PENASIHAT UNDANG-UNDANG**
  Legal Advisor
- **KETUA UNIT INTEGRITI**
  Head of Integrity Unit
- **KETUA UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
  Head of Corporate Communications Unit

**BERKUATKUASA SEHINGGA 31 DISEMBER 2019**

# VISI, MISI DAN SLOGAN

## VISION, MISSION AND SLOGAN

### VISI
VISION

**Perkhidmatan Awam yang berprestasi tinggi, berintegriti, dinamik dan berjiwa rakyat**
*High performing, integrity, dynamic and people-centric Public Service*

### MISI
MISSION

**Memacu dan Meneraju Pembangunan Sumber Manusia Perkhidmatan Awam**
*Leading the Development of Public Service Human Resource*

### SLOGAN
SLOGAN

**Peneraju Pembaharuan Penggerak Perubahan**
*Leading Reform, Driving Change*

- **Menambah baik tadbir urus, mendukung akauntabiliti dan ketelusan dalam pentadbiran Kerajaan. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berperanan sebagai penggerak utama dalam pembaharuan keseluruhan perkhidmatan awam supaya lebih cekap dan efektif dari segi pembangunan dan pengurusan sumber manusia yang diyakini dan dipercayai rakyat.**
  *Improving governance, upholding accountability and transparency in Government administration, the Public Service Department (PSD) serves as the central agency in reforming the overall public service towards greater efficiency and effectiveness in both development and human resource management that inspire confidence and trust in the civil service among the people(Rakyat).*



# PERKHIDMATAN TERAS JPA

## CORE SERVICES OF JPA




**DASAR PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA**
HUMAN RESOURCES DEVELOPMENT POLICIES

**DASAR PERKHIDMATAN**
SERVICE POLICIES

**PEMBANGUNAN ORGANISASI**
ORGANISATIONAL DEVELOPMENT

**PENAJAAN PENDIDIKAN**
EDUCATIONAL SPONSORSHIP

**PERSARAAN**
RETIREMENT

**GAJI, ELAUN DAN KEMUDAHAN**
SALARY, ALLOWANCE AND PERQUISITE

**LATIHAN**
TRAINING

**KHIDMAT PENGURUSAN**
MANAGEMENT SERVICE

**PENGURUSAN PSIKOLOGI**
PSYCHOLOGY MANAGEMENT

**SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT SUMBER MANUSIA**
HUMAN RESOURCE MANAGEMENT INFORMATION SYSTEM - (HRMIS)

# FUNGSI BAHAGIAN JPA

## JPA DIVISION AND FUNCTIONS

### BAHAGIAN PENYELIDIKAN, PERANCANGAN DAN DASAR
RESEARCH, PLANNING AND POLICY DIVISION

- **Melaksanakan perancangan dasar pengurusan sumber manusia sektor awam melalui penyelidikan, penyelarasan dasar dan jalinan kolaborasi strategik antara Agensi Tempatan dan Antarabangsa**
  *Coordinate the implementation of human resources policies and the development of public sector organisations through effective collaboration between the Ministries / Agencies, locally and globally.*

### BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN
HUMAN CAPITAL DEVELOPMENT DIVISION

- **Merancang, menggubal dan menyelaras dasar-dasar dan program-program penajaan dan latihan.**
  *Plan, formulate and coordinate policies and programmes, sponsorship and training;*

- **Melaksanakan program-program penajaan dan program-program latihan berikut:**
  *Implement sponsoring programmes and training programmes including:*
  - **Latihan Sebelum Perkhidmatan**
    *Pre-Service Training*
  - **Latihan Dalam Perkhidmatan**
    *In-Service Training;*
  - **Dasar Pandang ke Timur**
    *Look East Policy*
  - **Mengurus kutipan balik pinjaman dan tuntutan gantirugi**
    *Manages loan repayments and claims*

### BAHAGIAN SARAAN
REMUNERATION DIVISION

- **Menggubal, mengkaji, melaksana dan memantau Dasar Gaji, Dasar Elaun dan Dasar Kemudahan dan Dasar Hubungan Majikan Pekerja.**
  *Manages researches, drafts and implementations on Salary, Allowance and Perquisite Policies and Employer-Employee Relations Policy.*

### BAHAGIAN PERKHIDMATAN
SERVICE DIVISION

- **Menggubal dan melaksanakan segala urusan yang berkaitan strategi serta dasar perkhidmatan;**
  *Formulate and implement service policies and strategy;*

- **Mengurus Sumber Manusia Perkhidmatan Gunasama; dan**
  *Manage Shared Service Human Resources; and*

- **Melaksana Urusan Tatatertib, Peperiksaan, Kenaikan Pangkat dan Laluan Kerjaya Perkhidmatan Awam.**
  *Administer Public Service Disciplinary, Examination, Career Advancement matters.*

### BAHAGIAN PEMBANGUNAN ORGANISASI
ORGANISATIONAL DEVELOPMENT DIVISION

- **Menggubal dan memberi khidmat nasihat berkenaan dasar perjawatan dan perskiman.**
  *Formulate and provide advice on structure and staffing policies.*

### BAHAGIAN PASCA PERKHIDMATAN
POST SERVICE DIVISION

- **Bertanggungjawab dalam penggubalan dan pemantauan pelaksanaan dasar faedah persaraan; dan**
  *Responsible for drafting and monitoring the implementation of retirement benefits policies; and*

- **Meluluskan faedah persaraan dan faedah pemberhentian perkhidmatan bagi anggota Perkhidmatan Awam, Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan, Hakim, Ahli Parlimen, Anggota Pentadbiran dan Setiausaha Politik.**
  *Approval of retirement benefits and termination benefits for members of the Public Service, Statutory and Local Authorities, Judges, Members of Parliament, Members of the Administration and Political Secretaries.*

### BAHAGIAN PENGURUSAN PSIKOLOGI
PSYCHOLOGY MANAGEMENT DIVISION

- **Menggubal, menyemak, menyelaras, menyediakan dan memantau pelaksanaan dasar dan garis panduan perkhidmatan psikologi dan kaunseling dalam perkhidmatan awam.**
  *Formulate, review, coordinate and monitor the implementation of policies and guidelines for psychology and counselling services in the Public Service.*

## BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN MAKLUMAT STRATEGIK

STRATEGIC INFORMATION DEVELOPMENT AND MANAGEMENT DIVISION

- **Bertanggungjawab untuk memastikan HRMIS dilaksanakan di semua Agensi dalam Perkhidmatan Awam selaras dengan visi sumber manusia Perkhidmatan Awam dan matlamat Kerajaan Elektronik.**
  *Responsible for ensuring implementation of HRMIS in all public service Agencies in accordance with the Civil Service Human Resources Vision and the Electronic Government objective*

## BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

MANAGEMENT SERVICE DIVISION

- **Menguruskan urusan pentadbiran, kewangan, perolehan dan sumber manusia di JPA.**
  *Manage administrative, financial, procurement and human resources at JPA*

- **Menguruskan aktiviti Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-anggota Kerajaan Wilayah Persekutuan (MAKSWIP) dan Kelab JPA.**
  *Managing the activities of the Federal Government Employee's Welfare and Sports Council (MAKSWIP) and JPA's Club.*

## INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN)

NATIONAL INSTITUTE OF PUBLIC ADMINISTRATION (INTAN)

- **Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) adalah sebuah pusat latihan awam di bawah JPA yang berperanan untuk melaksanakan latihan ke arah pembangunan sikap, pengukuhan kemahiran dan pemerkasaan pengetahuan pegawai awam serta melaksanakan aktiviti-aktiviti penyelidikan, konsultasi dan penerbitan bagi melengkapkan pegawai awam dengan bakat, kebolehan dan pemikiran yang konstruktif.**
  *National Institute of Public Administration is a centre with the role of implementing training that focuses implement training that focuses on developing attitudes, enhancing skills and empowering knowledge of public servants, whilst carrying out research, consultation and publication activities to complement public servants with talent, ability and constructive thinking.*

## PENASIHAT UNDANG-UNDANG

LEGAL ADVISOR

- **Memberi nasihat undang-undang berkenaan dengan perkara yang dirujuk kepadanya oleh Kerajaan.**
  *Provides legal advice in respect of matters referred to by the Government.*

## UNIT AUDIT DALAM

INTERNAL AUDIT UNIT

- **Memberi nasihat dan pandangan mengenai kawalan dalaman terhadap semua sistem termasuk sistem ICT; dan**
  *Provide advices and views on the internal governance and systems, including ICT systems; dan*

- **Melaporkan kepada Ketua Eksekutif hasil pengauditan dan mengambil tindakan susulan terhadap perkara yang dibangkitkan.**
  *Report audit findings to the Chief Executive and follows up with neccesary actions on raised issues.*

## UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

CORPORATE COMMUNICATIONS UNIT

- **Melakukan fungsi sebagai *'focal point'* Jabatan dalam penyampaian dan penyaluran maklumat di peringkat Jabatan, Nasional dan Global.**
  *Function as the Department's focal point in delivering and channelling information at Departmental, National and Global levels.*

## UNIT INTEGRITI

INTEGRITY UNIT

- **Mengesan dan mengesahkan aduan salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil dan melaporkan salah laku jenayah kepada Agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab.**
  *Identify and verifies complaints of criminal misconduct and violations of the organisation's code of conduct and ethics and ensures appropriate action is taken as well as reports criminal misconduct to responsible law enforcement agencies.*

# PIAGAM PELANGGAN JPA

## JPA CLIENT'S CHARTER

### KAMI BERJANJI

WE PROMISE TO

- **Menyediakan perkhidmatan kaunseling individu kepada anggota perkhidmatan awam persekutuan dalam tempoh tiga (3) hari bekerja dari tarikh penerimaan permohonan tertakluk kepada persetujuan klien.**
  *Provide individual counseling services to federal civil service members within three (3) working days from the date of application subject to clients approval.*

- **Melaksanakan penawaran penajaan dalam tempoh 14 hari selepas kelulusan Pengurusan.**
  *Implement the sponsorship offer within 14 days of Management's approval.*

- **Memberi konsultansi penyusunan semula organisasi dan pengukuhan perjawatan dalam masa empat (4) minggu dari tarikh permohonan diterima.**
  *To provide consultation for organisational restructuring and posts consolidation within four (4) weeks from date of application.*

- **Memastikan urusan hal ehwal perkhidmatan - pelantikan secara kontrak, pertukaran sementara, peminjaman dan pertukaran tetap, perakuan kenaikan pangkat / tatatertib (penentuan Pengerusi) diselesaikan dalam tempoh satu (1) bulan dan urusan pemangkuan bagi pegawai-pegawai Gunasama dalam tempoh dua (2) bulan dari tarikh pemakluman / iklan dikeluarkan.**
  *Ensuring service affairs - contractual appointments, temporary exchanges, secondment and permanent transfer, promotion / disciplinary certification (determined by the Chairman) are completed within one (1) month and acting appointments of Shared Service officers are exercised within two (2) months from the date the notification / notice issued.*

- **Menguruskan sesi libat urus di peringkat kebangsaan melalui Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) dan bersama Kepimpinan Persatuan / Kesatuan Sekerja Sektor Awam 1 kali setahun.**
  *Conducting nationwide engagement sessions through the National Joint Council (MBK) and jointly with the leaderships of Public Sector Workers' Associations / Unions at least once a year.*

- **Memastikan sekurang-kurangnya 80% kursus / latihan yang dilaksanakan di INTAN memberi impak positif kepada peserta berasaskan skor purata penilaian 5.5 pada skala 1-7 daripada penilaian mereka di ITIMS.**
  *Ensuring that at least 80% of courses / training conducted at INTAN have a positive impact on participants based on an average score of 5.5 on a scale of 1-7 from their assessment at ITIMS.*

- **Memastikan tahap ketersediaan aplikasi maklumat sumber manusia, tahap ketepatan data penjawat awam sekurang-kurangnya 95% dan tahap ketersediaan capaian portal JPA sekurang-kurangnya 97%.**
  *Ensuring availability level of human resource information applications, civil service data accuracy level is at least 95% and PSD portal accessibility level is at minimum 97%.*

- **Memastikan sekurang-kurangnya 95% daripada keseluruhan tuntutan dan bayaran bil dibayar dalam tempoh 7 hari dari tarikh dokumen lengkap diterima.**
  *Ensure that at least 95% of all claims and bill payments are paid within 7 days from the receiving date of the completed document.*

- **Memastikan fail permohonan Pemberian Taraf Berpencen (PTB) yang lengkap diproses dan diluluskan dalam tempoh 21 hari daripada tarikh penerimaan tertakluk kepada telah genap tempoh selama tidak kurang daripada tiga (3) tahun perkhidmatan yang boleh diambil kira.**
  *Ensure that the completed Pensionable Status Provision (PTB) application is processed and approved within 21 days from the date of receipt subject to due period of not less than three (3) years of relevant service.*

- **Semua aduan yang diterima diberi Akuan Penerimaan dalam masa satu (1) hari bekerja dan dikemukakan maklum balas dalam masa tujuh (7) hari bekerja.**
  *All complaints are given Proof of Receipt within one (1) working day and a feedback within seven (7) working days.*




# PEMBAHARUAN PERKHIDMATAN AWAM

CIVIL SERVICE REFORM

# PEMBAHARUAN PERKHIDMATAN AWAM

## PUBLIC SERVICE REFORM

### 6 TONGGAK DASAR

KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS

KEUTAMAAN DAN PENEKANAN BAHARU, 2018-2020




**Kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) memberi keutamaan dan penekanan baharu berasaskan enam tonggak, di mana salah satu tonggak tersebut tertumpu kepada mereformasi tadbir urus dan menambah baik penyampaian perkhidmatan awam. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) selaku peneraju pengurusan sumber manusia perkhidmatan awam telah mengetuai beberapa inisiatif untuk melaksanakan perubahan dalam pentadbiran awam bagi merealisasikan hasrat menjadikan Malaysia lebih bersih, telus, berintegriti dan produktif serta memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Antara inisiatif utama yang dilaksanakan ialah:**
*The Public Service Department (JPA) as the leading organisation of public service human resource management has spearheaded several initiatives to bring about changes in public administration to realise the goal of making Malaysia cleaner, more transparent, integrative and productive as well as providing the best service to the people. Some of the key initiatives implemented are:*

- **Pelaksanaan Tahap Pengamalan dan Pemantapan Nilai Penjawat Awam;**
  *Implementation of Public Servants' Level of Practice and Improvement of Values;*
- **Kawalan Saiz Perkhidmatan Awam (KSPA);**
  *Public Service Rightsizing;*
- **Kajian Rasionalisasi Pemetaan Kementerian (RPPK);**
  *Rationalisation Review of Ministry Mapping;*
- *Digital Government Competency and Capability Readiness **(DGCCR);***
- **Pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi (WBF) di Agensi Kerajaan Persekutuan (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2019); dan**
  *Implementation of Flexible Working Hours at the Federal Government Agencies (Service Circular No. 5 of 2019); and*
- **Dasar Pembangunan Sumber Manusia Perkhidmatan Awam (DPSM).**
  *Public Service Human Resource Development Policy.*

**Inisitif ini merupakan usaha pembangunan modal insan melibatkan anggota perkhidmatan awam bagi menyokong pelaksanaan dasar yang digubal oleh kerajaan khususnya di bawah enam tonggak dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11).**
*This initiative is a human capital development effort involving members of the public service to support the implementation of policies formulated by the government, specifically under the six pillars of the Eleventh Malaysia Plan (11MP).*

# TONGGAK 1

MEREFORMASI TADBIR URUS KE ARAH MENINGKATKAN KETELUSAN DAN KECEKAPAN PERKHIDMATAN AWAM

Bidang Keutamaan A

**MENAMBAH BAIK TADBIR URUS** PADA SEMUA PERINGKAT

STRATEGI A1
Memperkukuh mekanisme semak dan imbang

STRATEGI A2
Menambah baik hubungan antara Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan

STRATEGI A3
Mereformasi sistem politik

Bidang Keutamaan B

MENINGKATKAN **INTEGRITI DAN AKAUNTABILITI**

STRATEGI B1
Memperkukuh agenda pencegahan rasuah

STRATEGI B2
Meningkatkan ketelusan

STRATEGI B3
Memupuk nilai murni dan amalan kerja beretika

Bidang Keutamaan C

MENGUATKUASAKAN **PELAKSANAAN PENGURUSAN KEWANGAN** SECARA BERHEMAT

STRATEGI C1
Mempertingkat sistem belanjawan

STRATEGI C2
Menambah baik pengurusan perolehan

STRATEGI C3
Memperkukuh rangka kerja pengurusan prestasi, pemantauan dan penilaian

Bidang Keutamaan D

MEMPERKUKUH **PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM**

STRATEGI D1
Mereformasi institusi sektor awam

STRATEGI D2
Memperkemas semula perkhidmatan yang disediakan

STRATEGI B3
Memperkasa pihak berkuasa tempatan

## PELAKSANAAN TAHAP PENGAMALAN DAN PEMANTAPAN NILAI PENJAWAT AWAM

IMPLEMENTATION OF PUBLIC SERVANTS' LEVEL OF PRACTICE AND IMPROVEMENT OF VALUES

**JPA bertindak sebagai 'caretaker' dalam pelaksanaan Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) bagi keseluruhan penjawat awam dari segi pelaksanaan, penggubalan dasar baharu, dan pemantauan. Pelaksanaan SPAN ini bertujuan untuk memastikan pelaksanaan program-program penerapan nilai dilaksanakan dengan berkesan dan mencapai matlamatnya; membolehkan suatu kajian impak yang lebih berkesan dibuat, pemantauan berterusan dilakukan dan kelemahan yang dikenal pasti dapat diperbaiki; dan menyeragamkan pelan bertindak ke arah memastikan keberkesanan pelaksanaan penerapan, penghayatan dan seterusnya pengamalan nilai.**

*JPA serves as caretaker in the implementation of the Audit of Values Management System (SPAN) for all civil servants in terms of its implementation, formulation of new policies, and monitoring. The implementation of SPAN aims to ensure that implementation of value inculcation programmes are done effectively and achieves its goals; enables a more effective impact study, continuous monitoring and identified weaknesses are improved; and standardise action plans towards ensuring effective implementation of inculcation, appreciation and subsequently practice of values.*

**Perkhidmatan Awam telah melaksanakan beberapa siri penilaian pengurusan audit nilai secara menyeluruh sejak tahun 2014 hingga sekarang. Penilaian yang diperoleh dalam tempoh empat tahun menunjukkan indeks komposit bagi setiap tahun yang dinilai berada dalam kategori "Perlu Penambahbaikan Dengan Pemantauan". Hasilnya, pada tahun 2019, SPAN telah dijadikan sebagai KPI kepada pegawai TIER 1 dan pendekatan *follow-up* dan *follow-through* dilaksanakan bagi memastikan objektif SPAN tercapai.**

*The Public Service has been conducting a series of comprehensive values audit management assessments since 2014 to date. The ratings obtained over the four years show the composite index for each year evaluated fall under the "Need for Improvement with Supervision" category. As a result, in 2019, the SPAN was adopted as a KPI to TIER 1 officers and a follow-up and follow-through approach was implemented to ensure the SPAN objectives were met.*




## KAWALAN SAIZ PERKHIDMATAN AWAM (KSPA)

PUBLIC SERVICE RIGHTSIZING

**Melalui dasar KSPA ini, Kerajaan akan dapat mengawal perbelanjaan; mengelakkan pembaziran; dan mengoptimumkan penggunaan sumber manusia; serta meningkatkan produktiviti perkhidmatan awam.**
*Through this policy, the Government will be able to control spending; avoid wastage; and optimising the use of human resources; as well as increase the productivity of the public service.*

**Kawalan saiz perkhidmatan awam bagi tempoh tiga (3) tahun mulai 2019 hingga 2021 tidak akan melibatkan pemberhentian penjawat awam (pengisian sedia ada). Ia hanya akan melibatkan jawatan yang tidak diisi (perjawatan) melebihi tempoh 2 tahun.**
*The control of the size of the public service for a three (3) year period starting from 2019 to 2021 will not involve the termination of civil servants (occupied posts). It will only apply to positions that are vacant for more than 2 years.*

**Pelaksanaan kaedah kawalan saiz perkhidmatan awam adalah melalui:**
*The methods of public service size control are:*

- **Penswastaan**
  *Privatisation*
- **Penyusunan semula perjawatan**
  *Redeployment*
- **Serah urus fungsi**
  *Outsourcing*
- **Penyampaian perkhidmatan alternatif**
  *Alternative Service Delivery*
- **Automasi**
  *Automation*
- **Pengisian jawatan secara berhemah mengikut keperluan**
  *Filling vacancies responsibly and matches demand*

**Pelaksanaan tersebut <u>tidak memberi implikasi pengisian jawatan bagi sektor kritikal seperti kesihatan, pendidikan dan keselamatan.</u> Selain itu, proses penggantian pegawai yang berpencen masih diteruskan. Kawalan Saiz Perkhidmatan Awam dilaksana bagi memastikan sumber manusia dapat dioptimumkan.**
*The implementation has **<u>no implications for occupied posts in critical sectors such as health, education and safety</u>**. In addition, the process of replacing retired employees will still continue. The size control of the civil service is implemented to ensure that human resources are optimised.*

## NEW STRAITS TIMES (ONLINE): 2 DISEMBER 2018

# Change in sign-off phrase helps restore confidence in public servants - PSD DG



Public Service director-general Datuk Borhan Dolah said the move was in line with the government's aspiration for civil servant to understand that every order, task and responsibility is a trust that should be carried out as best as possible. (NSTP/HAIRUL ANUAR RAHIM)

**By Bernama (/authors/bernama) - December 2, 2018 @ 2:33pm**

JOHOR BARU: The change in the sign-off phrase in official government letters, from "saya yang menurut perintah" (I who obey orders) as used by the previous administration to "saya yang menjalankan amanah" (I who carry out the trust"), is expected to restore the glory and trust of the public to civil servants in the country.

Public Service director-general Datuk Borhan Dolah said the move was in line with the government's aspiration for civil servant to understand that every order, task and responsibility is a trust that should be carried out as best as possible.

"The government is very serious in efforts to establish a service that is fair, transparent, corruption-free and power abuse-free.

"We have to restore the people's confidence so that the services in the government administration will be more sustainable, like in 1982 with the slogan 'Clean, Efficient, Trustworthy," he said in his address to staff of Universiti Teknologi Malaysia (UTM) in Skudai here today.

Borhan said civil servants were an important element in the governance of a country.

"Our Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad has always said that public servants are important and they are the backbone of the country's administration.

"Therefore, being trustworthy is the basic value that every civil servant has to have to ensure that every work or service done is of high quality. I hope, by working together, we can rectify and start afresh to uplift the civil servants," he added. – BERNAMA

158 reads

## THE STRAITS TIMES (ONLINE): 3 DISEMBER 2018

# Malaysia to introduce Public Service Act that separates power between civil servants and political administration




PUBLISHED DEC 3, 2018, 10:17 AM SGT

JOHOR BARU (THE STAR/ASIA NEWS NETWORK) - The Malaysian government will introduce the Public Service Act which will pave the way for a separation of power between civil servants and the political administration, said Public Service Department director-general Borhan Dolah.

The Bill was being finalised and would likely be tabled in the next Parliament session in March 2019, he said.

"One of the major changes that would be introduced under the Bill is the separation of power between the civil servants and the political administration.

"Malaysia is the only country in the world that has no Public Service Act... The Bill will also incorporate all new initiatives that will enhance the civil service," said Datuk Seri Borhan during a gathering with Universiti Teknologi Malaysia staff on Sunday (Dec 2).

He said the separation of power was crucial to ensure smooth implementation of public services that would not be hindered by political power.

"We want civil servants to be apolitical and at the same time strive to achieve the goals of the new government," he said.

Mr Borhan also said that changes and improvements in the civil service would take some time because civil servants had become too comfortable with the ways of the previous government.

"After 61 years under the previous government, any changes to the civil service will be a little slow. The current government is still new while the civil service is set in its ways, so there is a need for patience for us to change and adapt," he said.

Mr Borhan said the efforts to improve the civil service was in line with the policy to ensure civil servants implement all duties and responsibilities without political influence.

"Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad has said that civil servants are an important element and the backbone of the country's administration," he said.

"Therefore, they have to give the highest commitment based on honesty, honour and loyalty to maintain the trust of the government and the people in the civil service."

## KAJIAN RASIONALISASI PERMETAAN KEMENTERIAN (RPPK) 2019

2019 RATIONALISATION REVIEW OF MINISTRY MAPPING (RPPK)

**Kajian semula struktur dalam perkhidmatan awam bertujuan untuk meningkatkan kecekapan keseluruhan perkhidmatan awam. Melaluinya, peruntukan sumber manusia terlatih sedia ada dapat digunakan secara optimum. Di samping itu, aspek *deployment* (pengagihan sumber manusia, aset dan logistik) antara kementerian / jabatan / agensi dapat dilaksanakan dengan secara berkesan melalui penglibatan sumber manusia yang lebih efisien. Selain itu, inisitif ini dapat memberi faedah dalam aspek:**

*The review of the structure in the public service aims to enhance the overall efficiency of the public service. Through it, the allocation of available trained human resources can be optimally utilised. In addition, aspects of deployment (distribution of human resources, assets and logistics) between ministries / departments / agencies can be effectively implemented through more efficient human resource engagement. In addition, these initiatives can benefit in many ways:*

- **Fungsi utama semua Kementerian dapat dipastikan dan program-program yang berupa *cross-cutting* di antara Kementerian-kementerian tidak bertindih. Ini akan membolehkan penggunaan sumber-sumber secara optimum; dan**
  *The main functions of all Ministries can be identified and cross-cutting programmes between Ministries are not overlapping. This will result in optimum use of resources; and*

- **Agihan bantuan kerajaan dapat diselaras dan disalur kepada kumpulan sasaran secara lebih tepat. Ketirisan bantuan dapat dikurangkan.**
  *The distribution of government aid can be better coordinated and channeled to target groups. Leakage of aid can be reduced.*

BERITA HARIAN: 8 JANUARI 2019. M/S: 4



ROMBAKAN KETUA SETIAUSAHA TIGA KEMENTERIAN

# Tiada campur tangan politik

Ubah suai dibuat kerana menteri rayu mengikut pengkhususan kerja

Oleh Luqman Arif Abd[illegible] Karim
luq[illegible]arif@bh.com.my

Kuala Lumpur

Perubahan 'saat akhir' dalam senarai rombakan ketua setiausaha membabitkan tiga kementerian bukan campur tangan politik, sebaliknya ia bersandarkan keperluan berkaitan pengkhususan kerja dan percaturan dasar yang bakal dilaksanakan pada tahun ini.

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Datuk Borhan Dolah, berkata senarai penempatan ketua setiausaha di setiap kementerian pada asalnya dimuktamadkan pada Khamis lalu dan mendapat persetujuan Perdana Menteri.

Bagaimanapun, katanya, beberapa pengubahsuaian terpaksa dilakukan terhadap senarai itu yang dikendalikan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam (LKPPA) selepas menteri berkaitan memfailkan rayuan bersandarkan skop kepentingan kerja kepada Tun Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, Borhan berkata, perubahan kecil dilaksanakan pada Jumaat lalu yang menyaksikan ketua setiausaha di tiga kementerian mengalami perubahan berbanding senarai rombakan asal.

"Ada rayuan supaya Datuk Seri Alwi (Ibrahim) yang pada asalnya ditempatkan di Kementerian Kerja Raya dikekalkan di Kementerian Dalam Negeri, justeru Datuk Dr Mohd Gazali Abas tidak boleh mengambil alih tempat Alwi.

"Oleh itu, kita (lembaga) kekalkan Mohd Gazali di Kementerian Pendidikan, manakala kekosongan yang wujud di Kementerian Kerja Raya susulan penyandangnya, Datuk Seri Zohari Akob tamat kontrak perkhidmatan, perlu diisi.

"Maka, Datuk Dr Syed Omar Sharifuddin (Syed Ikhsan) yang sebelum ini Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis ditempatkan di Kementerian Kerja Raya walaupun pelan asal adalah untuk meletakkan beliau di Kementerian Dalam Negeri," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Borhan Dolah

### Kekang budaya negatif

Borhan berkata, inisiatif untuk merombak dan mengadakan sistem penggiliran dalam jawatan ketua setiausaha berupaya mengekang pelbagai budaya negatif, selain meningkatkan keberkesanan serta daya inovatif kementerian ke arah merencana dasar bersesuaian.

Walaupun tidak melakar kejayaan sepenuhnya, beliau berkata, pencapaian pada kadar menjangkau 90 peratus berbanding senarai rombakan awal perlu diperakui sebagai titik mula perubahan positif, sekali gus memacu kualiti perkhidmatan kerajaan untuk manfaat rakyat.

"Kalau nak dibandingkan dulu, kita langsung tidak membuat sebarang penggiliran dan rombakan mengikut tempoh tertentu melainkan individu berkaitan tamat tempoh perkhidmatan, justeru ini satu permulaan yang baik.

"Menteri mungkin merasakan wujud keperluan untuk mengekalkan ketua setiausaha di kementerian berkaitan kerana mereka memerlukan khidmat segelintir individu dalam membantu dan merencana dasar.

"Ingin saya tegaskan, tiada campur tangan politik atau pertimbangan, selain bersifat profesional yang diambil kira terhadap percaturan semula senarai rombakan ini, seiring prinsip pengasingan kuasa dalam jentera pentadbiran kerajaan.

"Contohnya, kita tidak akan ambil kira rayuan yang bersifat kenegerian atau gender bagi mengekalkan ketua setiausaha di kementerian berkaitan, berbanding atas prinsip profesional seperti keperluan skop kerja," katanya.

Mengakui wujud keperluan untuk semakan semula senarai penugasan, Borhan berkata, LKPPA akan sentiasa mengemukakan cadangan untuk pertimbangan Perdana Menteri demi memacu kualiti perkhidmatan awam.


TREND PERJAWATAN (2009-2018) BAGI SEKTOR PERKHIDMATAN UTAMA
PECAHAN BILANGAN JAWATAN
Pendidikan 523,226
(30.49%)
Lain-lain 670,443
(39.07%)
Kesihatan 240,745
(14.03%)
Tentera 152,957
(8.91%)
Polis 128,536
(7.49%)
Tahun
PECAHAN BAGI JAWATAN LAIN-LAIN
Perkhidmatan Sosial 2.43%
Kejuruteraan 2.6%
Kewangan 3.013%
Kemahiran 5.45%
Pentadbiran dan Sokongan 15.06%
MAKLUMAT PERJAWATAN TAHUN 2018 DAN NISBAH PERBANDINGAN
7.09%
121,613
Kekosongan
92.91%
1,594,294
Pengisian
JUMLAH PERJAWATAN 1,715,907
NISBAH PERBANDINGAN MENGIKUT DEFINISI PERKHIDMATAN AWAM
Tidak termasuk polis & tentera
1:59
1:41
1:23
Tidak termasuk sektor kesihatan & pendidikan
1:40
1:19
Mengambil kira Perkhidmatan Awam Persekutuan sahaja
1:143
1:21
NISBAH AMBIL KIRA SEMUA SEKTOR PERKHIDMATAN AWAM
1:49
1:23
1:20
1:14
1:13
SASARAN RMKE-11 – 1:20
SKIM PERKHIDMATAN
31 SEPADU
79 IJAZAH
62 STPM/ DIPLOMA
56 SPM
11 PMR
5
4
3
2
1
239 SKIM
Syarat-syarat lantikan
21 Klasifikasi PERKHIDMATAN
kelayakan masuk
skop fungsi tugas
nama skim perkhidmatan berdasarkan fungsi tugas

**BERITA HARIAN: 14 MAC 2019. M/S: 5**

KAWALAN SAIZ PERKHIDMATAN AWAM

# Tak jejas sektor kritikal

➔ Pelaksanaan untuk jawatan tidak diisi lebih dua tahun

**Oleh Mohd Azrone Sarabatin dan Zanariah Abd Mutalib**
bhnews@bh.com.my

▸ **Putrajaya**

Kawalan saiz perkhidmatan awam bagi tempoh tiga tahun mulai 2019 hingga 2021, tidak akan membabitkan pemberhentian penjawat awam atau pengisian sedia ada.

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Datuk Seri Borhan Dollah, berkata pelaksanaan kawalan saiz perkhidmatan itu hanya akan membabitkan jawatan yang tidak diisi melebihi tempoh dua tahun.

"Pelaksanaan kaedah kawalan saiz perkhidmatan awam adalah melalui penswastaan, penyusunan semula perjawatan dan serah urus fungsi. Selain itu, ia turut dilakukan melalui penyampaian perkhidmatan alternatif, automasi dan pengisian jawatan secara berhemah mengikut keperluan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Borhan berkata, pelaksanaan kawalan saiz perkhidmatan awam itu juga tidak memberi implikasi pengisian jawatan bagi sektor kritikal seperti kesihatan, pendidikan dan keselamatan.

**Optimumkan sumber manusia**

"Selain itu, proses penggantian pegawai yang berpencen masih diteruskan. Kawalan saiz perkhidmatan awam dilaksana bagi memastikan sumber manusia dapat dioptimumkan," katanya.

Kelmarin, Tun Dr Mahathir Mohamad dilaporkan berkata, kerajaan boleh menswastakan beberapa jabatan dan kakitangan sedia ada akan diberi pilihan menyertai entiti yang diswastakan itu dalam proses pengecilan saiz perkhidmatan awam negara, sekali gus tidak bermaksud akan berlaku pengurangan peluang pekerjaan.

Perdana Menteri memberi contoh, menerusi pengenalan dasar penswastaan pada 1983, kerajaan bukan sahaja berjaya mengurangkan bebanan kewangannya, tetapi meningkatkan kecekapan dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi serta pembangunan sumber secara cekap.

**Reda kebimbangan kakitangan kerajaan**

Sementara itu, Presiden CUEPACS, Datuk Azih Muda, berkata pengumuman oleh JPA itu meredakan kebimbangan kakitangan kerajaan yang dilanda kebimbangan sebaik isu pengecilan saiz perkhidmatan awam diumumkan kerajaan.

"Sebelum ini, ramai kakitangan menghubungi pihak kesatuan untuk mendapatkan penjelasan dan menyuarakan kebimbangan. CUEPACS bersetuju dengan pengumuman (JPA) itu, apatah lagi, ia membabitkan masa depan penjawat awam. Ini bermakna tiada pemberhentian pekerja akan dilakukan kerajaan.

"Sebenarnya, kawalan saiz perkhidmatan perjawatan yang tidak diisi melebihi tempoh dua tahun seperti diumumkan JPA adalah jawatan lama yang tiada kaitan dengan pemberhentian pekerja," katanya kepada *BH*, semalam.



## NEW STRAITS TIMES: 14 MAC 2019. M/S: 10

PSD ASSURANCE

# 'NO PLANS TO LAY OFF GOVT SERVANTS'

Civil service size control exercise only involves posts not filled for over 2 years

HASHINI KAVISHTRI KANNAN
**PUTRAJAYA**
news@nstp.com.my



*Civil servants taking their oath of loyalty to the government at a monthly gathering. (Inset) Datuk Seri Borhan Dolah.* FILE PIX

THE Public Service Department (PSD) said the three-year civil service size control exercise that began last year does not involve laying off workers in existing positions.

Its director-general, Datuk Seri Borhan Dolah, said the exercise involved only posts that had not been filled and utilised for more than two years.

He said the implementation of the exercise would include privatisation, redeployment, outsourcing, alternative service delivery, automation and filling of vacancies based on needs.

"The implementation does not have any implication on the filling of positions in critical sectors, such as health, education and security. The process of replacing officers who have retired will be continued. The civil service size control was implemented to ensure the optimising of human resources."

On Tuesday, Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad was reported as saying that several government departments may be privatised to house staff members who will be removed from the civil service.

This, he had said, was among options being looked into to help sustain jobs for these former civil servants. He was commenting on the need to trim the number of workers in the civil service work force, said to be bloated at 1.7 million employees.

## KOSMO: 14 MAC 2019. M/S: 6

# Kakitangan kerajaan sedia ada tidak diberhentikan



**PUTRAJAYA** – Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menegaskan bahawa kawalan saiz perkhidmatan awam bagi tempoh tiga tahun mulai 2019 hingga 2021 tidak akan melibatkan pemberhentian penjawat awam atau pengisian sedia ada.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Borhan Dolah (**gambar**) berkata, ia hanya akan melibatkan jawatan yang tidak diisi melebihi tempoh dua tahun.

Menurutnya, pelaksanaan kaedah kawalan saiz perkhidmatan awam adalah melalui enam cara termasuklah penswastaan, penyusunan semula perjawatan, serah urus fungsi, penyampaian perkhidmatan alternatif, automasi dan pengisian jawatan secara berhemah mengikut keperluan.

"Pelaksanaan tersebut tidak memberi implikasi pengisian jawatan bagi sektor kritikal seperti kesihatan, pendidikan dan keselamatan.

"Selain itu, proses penggantian pegawai yang berpencen masih diteruskan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Tambahnya, kawalan saiz perkhidmatan awam dilaksanakan bagi memastikan sumber manusia dapat dioptimumkan.

*Kosmo!* semalam melaporkan saiz perkhidmatan awam yang terlalu besar akan meningkatkan perbelanjaan mengurus kerajaan sekali gus mengecilkan peruntukan perbelanjaan pembangunan negara.

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dipetik berkata, sekiranya jumlah penjawat awam seramai 1.7 juta ketika ini tidak dikawal, kos perbelanjaan mengurus akan mengambil sebahagian besar belanjawan negara setiap tahun.

**UTUSAN MALAYSIA: 14 MAC 2019. M/S: 1, 4**

# Tiada pemberhentian dalam sektor awam

“Pelaksanaan tersebut tidak memberi implikasi pengisian jawatan bagi sektor kritikal seperti kesihatan, pendidikan dan keselamatan.

**DATUK BORHAN DOLLAH**
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam



BERITA DI MUKA 4

# Tiada pemberhentian sehingga 2021 - JPA

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
pengarang@utusan.com.my

■ **PUTRAJAYA 13 MAC**

JABATAN Perkhidmatan Awam (JPA) menegaskan, kawalan saiz perkhidmatan awam bagi tempoh tiga tahun mulai tahun ini hingga 2021 tidak akan melibatkan pemberhentian kakitangan kerajaan.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Borhan Dollah (**gambar**) berkata, ia hanya akan melibatkan jawatan yang tidak diisi (perjawatan) melebihi tempoh dua tahun.

"Pelaksanaan kaedah kawalan saiz perkhidmatan awam adalah melalui penswastaan, penyusunan semula perjawatan, serah urus fungsi, penyampaian perkhidmatan alternatif, automasi dan pengisian jawatan secara berhemah mengikut keperluan.

"Pelaksanaan tersebut tidak memberi implikasi pengisian jawatan bagi sektor kritikal seperti kesihatan, pendidikan dan keselamatan," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.



Borhan menambah, selain itu, proses penggantian pegawai yang berpencen masih diteruskan.

Katanya, kawalan saiz perkhidmatan awam dilaksana bagi memastikan sumber manusia dapat dioptimumkan.

Semalam, Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, saiz perkhidmatan awam yang terlalu besar akan meningkatkan perbelanjaan mengurus kerajaan sekali gus mengecilkan peruntukan perbelanjaan pembangunan negara.

Katanya, sekiranya jumlah penjawat awam seramai 1.7 juta ketika ini tidak dikawal, kos perbelanjaan mengurus akan mengambil sebahagaian besar belanjawan negara setiap tahun.

HARIAN METRO: 14 MAC 2019. M/S: 24



Putrajaya

## Tiada pemberhentian penjawat awam

Kawalan saiz perkhidmatan awam bagi tempoh tiga tahun mulai tahun ini hingga 2021 tidak membabitkan pemberhentian penjawat awam (pengisian sedia ada).

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Borhan Dollah berkata, pelaksanaan kawalan saiz perkhidmatan itu hanya membabitkan jawatan yang tidak diisi (perjawatan) melebihi tempoh dua tahun.

"Pelaksanaan kaedah kawalan saiz perkhidmatan awam adalah melalui penswastaan, penyusunan semula perjawatan dan serah urus fungsi.

"Selain itu, ia turut dilakukan melalui penyampaian perkhidmatan alternatif, automasi dan pengisian jawatan secara berhemah mengikut keperluan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Kelmarin, Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan boleh menswastakan beberapa jabatan dan kakitangan sedia ada akan diberi pilihan menyertai entiti yang diswastakan itu dalam proses pengecilan saiz perkhidmatan awam negara.

Dr Mahathir berkata, pengecilan saiz perkhidmatan awam itu tidak bermaksud akan berlaku pengurangan peluang pekerjaan.

## SABAH NEWS TODAY ONLINE: 21 MAC 2019

SABAH NEWS TODAY ONLINE : 21 MAC 2019

### WBF ANTARA PENAMBAHBAIK SEKTOR PERKHIDMATAN AWAM DI NEGARA INI: BORHAN

**Oleh Zakaria Damit**

KOTA KINABALU: Projek Rintis Waktu Bekerja Fleksibel (WBF) dilaksanakan 1 Mac lalu mendapat reaksi positif dalam kalangan penjawat awam yang berkhidmat di beberapa agensi dan sektor perkhidmatan awam di negara ini.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Datuk Seri Borhan Dolah berkata langkah ini dilihat sebagai satu usaha kepada pemantapan, pembaharuan serta penambahbaikan kepada sektor sektor awam.



Borhan ketika ditemubual di RTM Sabah. Gambar SNT/Zakaria Damit

Katanya langkah penambaikkan ini sedang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bagi memastikan sektor perkhidmatan dapat diperkasakan di masa depan.

"Pada masa ini projek rintis tersebut hanya tertumpu kepada penjawat awam yang bekerja waktu pejabat bagi menambahbaik sistem Waktu Bekerja Pejabat (WBP) bagi empat berperingkat.

"Kita lihat ini sangat berkesan dalam tempoh jangka masa panjang. Ketika ini, kita akan laksanakan dalam perkhidmatan awam manakala waktu bekerja shift akan dikaji untuk dilaksanakan secara berperingkat-peringkat kelak," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke Jabatan Penyiaran Malaysia Sabah (RTM) di Kompleks Bersepadu Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) di Kota Kinabalu, hari ini.



Borhan menerima cenderakenangan daripada Pengarah RTM Sabah, Marlinahzian Datu Mohd Jujapi Gambar SNT/Zakaria Damit

Borhan berkata, langkah ini merupakan salah inisiatif baharu kerajaan ke arah mengimbangi antara kerjaya serta kehidupan bagi anggota perkhidmatan awam.



Borhan (tengah) bergambar kenangan bersama barisan pengurusan tertinggi RTM Sabah.Gambar SNT/Zakaria Damit

Ini seiring dengan usaha murni berterusan kerajaan dalam memupuk semangat minat bekerja penjawat awam dengan suasana persekitaran yang ceria serta bermotivasi tinggi.

"Kita lihat ini sebagai langkah untuk mengurangkan tekanan serta dapat melaksanakan urusan persendirian tanpa menjejaskan tugasan sekaligus dapat meningkatkan produktiviti negara," katanya.

Dalam lawatan singkat ke RTM Sabah, Borhan turut melawat beberapa unit termasuk Konti Sabah-FM, VFM, Bilik Berita Hal Ehwal Semasa (BES) serta mengadakan perjumpaan tertutup bersama Bahagian Khidmat Pengurusan RTM Sabah.-SabahNewsToday






## DIGITAL GOVERNMENT COMPETENCY AND CAPABILITY READINESS (DGCCR) SEKTOR AWAM

PUBLIC SECTOR DIGITAL GOVERNMENT COMPETENCY AND CAPABILITY READINESS (DGCCR)

**JPA merupakan penyelaras bagi Jawatankuasa Pemandu DGCCR Sektor Awam dan mensasarkan pengwujudan perkhidmatan awam yang *future proof* bagi menghadapi keperluan *Future of Works.***

*JPA is the coordinator of the Public Sector DGCCR Driving Committee and aims to create a future proof-public service to meet the needs of Future of Works.*

***Digital Government Competency and Capability Readiness (DGCCR)* sektor awam merupakan satu inisiatif untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai awam agar sentiasa bersiap siaga dalam menangani era digital. DGCCR disasarkan kepada semua pegawai awam tanpa mengira skim dan peringkat jawatan bagi menyediakan modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran digital di dalam merancang dan mengurus penyampaian perkhidmatan yang berpaksikan rakyat.**

*The public sector Digital Government Competency and Capability Readiness (DGCCR) is an initiative to enhance the knowledge and skills of civil servants to be well prepared in the digital age. The DGCCR is targeting civil servants regardless of schemes and levels to provide knowledgable and digitally skilled human capital in planning and managing the delivery of services that are citizen driven.*

**Objektif utama DGCCR ialah untuk memperkukuhkan bakat dan pengurusan bakat untuk perkhidmatan awam alaf baharu (digital); dan meningkatkan kompetensi digital pegawai awam dengan pelbagai kemahiran dan pelbagai disiplin untuk penyampaian perkhidmatan awam yang lebih cekap.**

*The main objectives of the DGCCR are to strengthen talent and talent management for the new era of public service (digital); and enhancing the digital competence of public servants with a wide range of skills and disciplines for a more efficient service delivery.*

**Melalui program ini, akan melahirkan pegawai awam yang berpengetahuan dan sentiasa peka terhadap perkembangan semasa dan perubahan yang menyumbang ke arah kecemerlangan sesebuah organisasi. Ini seterusnya akan memberikan impak yang tinggi terhadap kualiti perkhidmatan dan bertepatan dengan keperluan rakyat.**

*Through this, it will produce knowledgable and savvy public officials who are well aware of the changing times that contribute to an organisation's excellence. This in turn will have a high impact on the quality of services and meet the needs of the rakyat.*



Program Pengurusan Perubahan Digital Competency and Capability Readiness (DGCCR) Sektor Awam - Zon Sabah di Dewan Auditorium Kompleks Persekutuan Sabah, Sabah.

## THE STAR ONLINE: 20 APRIL 2019

# PSD: Civil servants to get 15-minute x-breaks

NATION

Saturday, 20 Apr 2019

By **Sarban Singh**

SEREMBAN: Civil servants can now take a 15-minute break during working hours to do light exercises, said Public Service Department director-general Datuk Seri Borhan Dolah.

They could opt for brisk walking, walking up and down the stairs, star jumps or other light exercises with music, he said.

To be known as x-breaks, Borhan said these employees could have it in the morning or evening.

They could choose to take a complete 15-minute break, or stagger it for three sessions of five minutes each.

These x-breaks could be done in groups or individually, he said, adding that they need not change their attire when they do the light exercise.

Borhan, who made this known in a directive on Wednesday, said those exempted from x-breaks were security personnel, uniformed staff carrying out enforcement work and counter staff dealing with a high volume of clients.

"Medical staff who are stationed in wards and health clinics as well as teachers involved in lessons in classrooms will also be exempted.

"All ministries and government agencies are given the flexibility to implement this based on their operating hours and convenience but it should not affect the public delivery system.

"These light exercises can be conducted during meetings, discussions, course work, workshops or even at their work stations," he said.

Department heads, he said, must work out suitable times and types of exercises that were to be carried out.

Borhan said the move to have x-breaks was endorsed by the Cabinet last month.

The intention, he said, was to allow civil servants to be physically active.

He said the move was also in line with a call by Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad who had previously suggested that government offices and the private sector allocate 15 minutes for exercise as a way to promote a healthy lifestyle.

A Health Ministry study showed that almost 34% of civil servants and 30% private sector employees were inactive.

This has placed Malaysia among the top 10 countries in terms of treatment for patients with diabetes.

Borhan said taking short breaks would be beneficial as it could help ward off illnesses.

"Spending too much time in front of the computer or the entire day in a meeting could pose health risks to individuals and the risk of non-communicable diseases," he said.

He said studies conducted had also shown that sitting for long hours could also pose other health risks such as heart problems, diabetes and hypertension.

## THE STAR: 10 MAY 2019. M/S: 17

THE STAR, FRIDAY 10 MAY 2019 Nation 17

# Borhan: Free medical treatment only for federal employees

By SARBAN SINGH
sarbans@thestar.com.my

SEREMBAN: Serving and retired civil servants in state governments, local councils and statutory bodies are only entitled to free treatment at government health facilities if their respective employers agree to bear the cost.

Public Service director-general Datuk Seri Borhan Dolah said only federal employees and their eligible family members are automatically entitled to free medical benefit at these facilities.

He said the matter came to light after statutory bodies filed complaints with the Health Ministry as to why they were being charged by government hospitals after their employees sought treatment there.

"This matter was also raised by public sector employees in the implementation group during a meeting last November.

"It has to be made clear that the free treatment is only extended to federal employees and their eligible family members as stated in directives issued in 1974 and 2009.

"However, the respective state governments, statutory bodies and local councils can adopt this but they will have to bear the cost involved," he said in a directive.

Borhan said the procedure where the respective state governments, statutory bodies and local councils were required to bear medical costs for their employees was not new.

He said the Treasury secretary-general was authorised to decide whether these departments and agencies would have to pay the full cost or give exemptions as provided under the relevant regulations.

Cuepacs president Datuk Azih Muda, however, said all civil servants should be treated equally.

"I have also received reports that some employees in state governments, local councils and statutory bodies were asked to pay for treatment at government facilities. It is our hope the Federal Government can streamline this to ensure that all civil servants are given free medical treatment," he said.

## UTUSAN MALAYSIA: 17 MEI 2019.

# Digital: Penjawat awam perlu bersedia

■ KOTA KINABALU 17 MEI

KETUA Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Borhan Dolah meminta agar semua penjawat awam sentiasa bersiap siaga menghadapi tsunami digital yang kini telah mengubah landskap perkhidmatan awam di negara ini.

Beliau berkata bagi memastikan agar penjawat awam sentiasa bersedia dengan ledakan teknologi berkenaan, penjawat awam di pelbagai peringkat perlu diberikan pendedahan serta dilengkapkan dengan keupayaan dan kemahiran digital.

"Oleh itu, kerajaan telah melancarkan *Digital Competency and Capability Readiness*' (DGCCR) Sektor Awam baru-baru ini. DGCCR merupakan satu inisiatif kerajaan yang dirangka untuk membangunkan kompetensi dan keupayaan digital penjawat awam dalam usaha memberi penyampaian terbaik kepada rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan DGCCR Zon Sabah di sini hari ini yang turut dihadiri Setiausaha Persekutuan Sabah Nor Azri Zulfakar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah Datuk Hashim Paijan.



BORHAN DOLAH

Mengulas lanjut, Borhan berkata, rangka DGCCR berkenaan memberi penekanan kepada pemantapan lapan keupayaan individu dan 17 keupayaan organisasi yang diharapkan dapat menghasilkan pegawai awam yang berpengetahuan bagi menghadapi keperluan kerajaan pada masa akan datang.

"DGCCR dirangka untuk berupaya membawa perubahan secara efektif dan menyumbang ke arah kecemerlangan sesebuah organisasi melalui penjawat awam yang berminda digital. Ini seterusnya akan memberikan impak yang tinggi terhadap kualiti perkhidmatan yang bertepatan dengan keperluan rakyat," katanya.

Beliau berkata, Zon Sabah adalah yang pertama dipilih untuk melancarkan DGCCR dan pihaknya akan mengadakan acara seumpama itu di seluruh negara. - BERNAMA

## PELAKSANAAN WAKTU BEKERJA FLEKSI (WBF) DI AGENSI KERAJAAN PERSEKUTUAN (PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 5 TAHUN 2019)

IMPLEMENTATION OF FLEXIBLE WORKING HOURS (FWH) AT FEDERAL GOVERNMENT AGENCIES (SERVICE CIRCULAR NO. 5 OF 2019)

**JPA amat memberi penekanan terhadap kepentingan mempunyai kehidupan seimbang antara pekerjaan dan pembangunan keluarga di kalangan pegawai awam. Selaras dengan itu, Waktu Bekerja Fleksi (WBF) dilaksanakan. Selain daripada menyeimbangkan kerjaya dan kehidupan, WBF dapat meningkatkan kepuasan bekerja; mengurangkan kadar kehadiran lewat pegawai; memperkemaskan proses kerja mentadbir kehadiran pegawai ke pejabat; dan mengurangkan kadar kesesakan lalu lintas.**

*JPA emphasises the importance of having a balanced work and family life among public servants. In lieu with this, Flexible Working Hours (FWH) is introduced. In addition to balancing career and life, WBF can enhance job satisfaction; reduce tardy attendance rates by officers; streamlining the work process of managing the attendance and punctuality of officers; and reduce traffic congestion.*



## BERNAMA ONLINE: 21 MAC 2019

BERITA **Sabah & Sarawak**

**Waktu bekerja fleksibel mampu imbangi kerjaya dan keluarga**

Tarikh kemaskini: 21/03/2019




KOTA KINABALU, 21 Mac (Bernama) -- Pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi (WBF) yang mula dilaksanakan pada 1 Mac lalu dilihat mampu menyeimbangkan di antara kerjaya dan kehidupan, kata Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam Datuk Seri Borhan Dolah.

Beliau berkata melalui sistem WBF itu, penjawat awam mempunyai waktu bekerja fleksibel pada setiap hari berbanding Waktu Bekerja Berperingkat (WBB) sebelum ini yang mengambil masa sekurang-kurangnya sebulan sebelum mengubah jadual waktu bekerja.

"Ini adalah hasrat kita untuk mengimbangi antara kerjaya dan kehidupan (work life balance) dan berharap ia akan menjadikan penjawat awam seronok untuk datang bekerja.

"Di samping bekerja bersungguh-sungguh dan pada masa yang sama ada urusan keluarga yang perlu dibuat akan dapat diurus atau melakukan aktiviti riadah. Diharap semua penjawat awam akan dapat menggunakan waktu bekerja seperti yang telah ditetapkan itu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas mengadakan lawatan kerja ke Radio Televisyen Malaysia (RTM) Sabah di Kompleks Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM), Kepayan di sini hari ini.

Borhan berkata dengan WBF itu juga akan dapat menangani isu-isu yang berkaitan dengan kelewatan penjawat awam dalam menjalankan tugas.

Dalam pada itu, Borhan berkata pelaksanaan WBF secara rintis itu tidak termasuk kepada mereka yang bekerja mengikut jadual (shift) kerana ketika ini pihaknya lebih menumpukan kepada pelaksanaan waktu kerja baharu itu dan melihat tindak balas daripada projek rintis WBF.

WBF kini dilaksanakan di kementerian dan jabatan kerajaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Putrajaya manakala jabatan Persekutuan bagi negeri Perlis, Perak, Selangor, Johor, Terengganu, Sarawak dan Sabah.

Berdasarkan waktu itu penjawat awam diberi fleksibiliti untuk memulakan waktu bekerja bila-bila masa di antara jam 7.30 pagi hingga 8.30 pagi mengikut kesesuaian masing-masing dengan syarat tempoh waktu bekerja sembilan jam dipenuhi.

--BERNAMA

## HARIAN METRO

# Waktu Bekerja Fleksi 1 Ogos

**Putrajaya:** Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menerusi Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2019 memaklumkan kerajaan bersetuju supaya Waktu Bekerja Fleksi (WBF) dilaksanakan di semua agensi kerajaan Persekutuan di seluruh negara mulai 1 Ogos depan.

Menerusi pekeliling ditandatangani Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Datuk Seri Borhan Dolah itu, WBF diperkenalkan bagi menggantikan Waktu Bekerja Berperingkat (WBB) yang dilaksanakan di agensi Kerajaan Persekutuan di seluruh negara sejak 1998.

Menurut pekeliling sama, WBB dilaksanakan adalah sepertimana ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2017 terdiri daripada empat Waktu Peringkat (WP) iaitu WP1, WP2, WP3 dan WP4 iaitu pegawai boleh bekerja mengikut WP dipilih dengan kelulusan Ketua Jabatan mulai 1 Januari tahun lalu.

Selepas itu, kerajaan membuat penambahan empat lagi WP yang dilaksanakan khusus pada bulan Ramadan iaitu WP5, WP6, WP7 dan WP8.

Selaras dengan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas, kerajaan bersetuju menambah baik aturan kerja sedia ada daripada persekitaran kerja yang tegar kepada persekitaran kerja yang fleksibel dengan melaksanakan WBF di agensi Kerajaan Persekutuan.

Sebelum ini, WBF secara rintis dilaksanakan di kementerian dan jabatan persekutuan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Perlis, Perak, Selangor, Johor, Terengganu, Sarawak serta Sabah mulai 1 Mac lalu.

Berdasarkan hasil kajian rintis ini, kerajaan bersetuju WBF dilaksanakan di semua agensi Kerajaan Persekutuan di seluruh negara.

**FAKTA**
*Laksana di semua agensi kerajaan Persekutuan seluruh negara*

WBF adalah masa bekerja fleksibel iaitu pegawai diberi fleksibiliti hadir bekerja dalam tempoh waktu masuk dan waktu pulang ditetapkan dengan syarat memenuhi tempoh waktu bekerja sehari.

Dengan pelaksanaan WBF, bagi Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan, waktu masuk kerja adalah jam 7.30 pagi hingga jam 9 pagi dan waktu pulang pula antara jam 4.30 hingga jam 6 petang.

Manakala bagi Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor, waktu masuk kerja adalah jam 7.30 pagi hingga jam 9 pagi bagi Ahad hingga Khamis dan waktu pulang pula adalah jam 4.30 petang hingga jam 6 petang bagi Ahad hingga Rabu serta jam 3 petang hingga jam 4.30 petang bagi Khamis.

## NEW TIMES SABAH BAHASA (KK): 18 MEI 2019. M/S: 33

# Penjawat awam diminta bersedia hadapi tsunami digital: Borhan

**KOTA KINABALU: Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Datuk Seri Borhan Dolah meminta agar semua penjawat awam sentiasa bersiap siaga menghadapi tsunami digital yang kini telah mengubah landskap perkhidmatan awam di negara ini.**

Beliau berkata bagi memastikan agar penjawat awam sentiasa bersedia dengan ledakan teknologi berkenaan, penjawat awam di pelbagai peringkat perlu diberikan pendedahan serta dilengkapkan dengan keupayaan dan kemahiran digital.

"Oleh itu, kerajaan telah melancarkan 'Digital Competency and Capability Readiness' (DGCCR) Sektor Awam baru-baru ini. DGCCR merupakan satu inisiatif kerajaan yang dirangka untuk membangunkan kompetensi dan keupayaan digital penjawat awam dalam usaha memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan DGCCR Zon Sabah di sini hari ini yang turut dihadiri Setiausaha Persekutuan Sabah Nor Azri Zulfakar, Timbalan Setiausaha Persekutuan Sabah, Yahya Sulaiman dan Pengarah Perkhidmatan Awam Sabah, Datuk Datu Rosmadi Datu Sulai.

Mengulas lanjut, Borhan berkata rangka DGCCR berkenaan memberi penekanan kepada pemantapan lapan keupayaan individu dan 17 keupayaan organisasi yang diharapkan dapat menghasilkan pegawai awam yang berpengetahuan bagi menghadapi keperluan kerajaan di masa akan datang.

"DGCCR dirangka untuk berupaya membawa perubahan secara efektif dan menyumbang ke arah kecemerlangan sesebuah organisasi melalui penjawat awam yang berminda digital. Ini seterusnya akan memberikan impak yang tinggi terhadap kualiti perkhidmatan yang bertepatan dengan keperluan rakyat," katanya.

Beliau berkata Zon Sabah adalah yang pertama dipilih untuk melancarkan DGCCR dan pihaknya akan menggerakkan acara seumpama itu di seluruh negara.

Sementara itu, Borhan mengucapkan terima kasih kepada kerajaan pimpinan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad atas keprihatinan kerajaan memberi Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM450 kepada penjawat awam dan RM225 kepada pesara sebagai persediaan menyambut Aidilfitri.

"Diharap bantuan ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban penjawat awam menjelang lebaran yang bakal tiba tidak lama lagi," tambahnya.



KENANGAN ... Borhan (lima kiri) bersama, Yahya (tujuh kiri) dan Rosmadi (enam kiri) serta 500 peserta daripada pelbagai agensi kerajaan negeri dan persekutuan merakam gambar kenangan.

## THE STAR: 4 JUN 2019. M/S: 2

# Intake of nurses not affected

## No moratorium as health sector is critical, says PSD

By SARBAN SINGH
sarban@thestar.com.my

**SEREMBAN:** There is no moratorium on the intake of nurses, says the Public Service Department (PSD).

In fact, the department said approval had been given to a gradual intake of another 3,343 nurses following requests from the Health Ministry.

"There is no moratorium as the health sector is a critical one and important for education and security.

"Of the 3,343 positions approved, 1,200 would be taken in this year while the remaining 2,143 who are currently undergoing training at the ministry's institutes would be hired on contract next year," it said in a statement posted on its website.

The PSD said the nurses would initially be hired on a two-plus-two year contract.

"Those who are good will be absorbed permanently based on vacancies available," it said.

The PSD said any additional requests for new nurses would depend on the government's human resources policy and the ministry's financial standing.

During last month's International Nurses Day celebration, Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said the ministry had sought PSD's approval to allow the employment of nurses, in spite of the moratorium placed on their appointment. This, he said, was important due to a shortage of nurses in government clinics and hospitals.

He said Malaysia also lacked nurses, given its ratio of one nurse per 300 patients, as opposed to the World Health Organization's optimum number, which is one nurse per 200 patients.

"A moratorium is in place on the appointment of nurses but we are nevertheless applying for additional positions to be given for nurses.

"We hope that this will be approved within a reasonable period, when the economy improves," he was quoted as saying.

He also said that there were 3,500 nurses waiting to be employed but there were only 980 vacancies.

## UTUSAN MALAYSIA: 21 JULAI 2019

# MyPesara mudahkan urusan pesara kerajaan di SUK Negeri

MELAKA – Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menyasarkan sekurang-kurangnya 10 peratus daripada kira-kira 800,000 pesara kerajaan termasuk pesara awam dan penerima pencen terbitan akan menggunakan perkhidmatan Kaunter MyPesara bagi sebarang urusan berkaitan persaraan.

Ia ekoran kaunter berkenaan telah mula beroperasi di semua pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) di setiap negeri sejak April lalu berbanding hanya empat lokasi sebelum ini menawarkan perkhidmatan urusan persaraan iaitu di Kaunter JPA4U JPA, Putrajaya, pejabat Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) di Cyberjaya selain Bahagian Pasca Perkhidmatan Cawangan Sabah dan Sarawak.



Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Borhan Dolah (**gambar**) berkata, pembukaan kaunter MyPesara di setiap negeri itu adalah sejajar dengan hasrat jabatan berkenaan untuk memberi perkhidmatan terbaik dan pantas kepada golongan pesara.

"Jika sebelum ini pesara perlu hadir sama ada di kaunter Jabatan Perkhidmatan Persaraan di Cyberjaya, Putrajaya, Sabah atau Sarawak selain menggunakan platform online aplikasi MyPesara untuk sebarang urusan.

"Mereka boleh mendapatkan segala perkhidmatan berkaitan hal ehwal persaraan di kaunter MyPesara yang telah dibuka di pejabat SUK negeri masing-masing, sekali gus dapat menjimatkan masa dan kos perbelanjaan mereka," katanya pada majlis pelancaran kaunter MyPesara peringkat negeri Melaka yang berlangsung baru-baru ini.



**KAUNTER MyPesara yang dibuka di pejabat SUK Negeri Melaka.**

Pembukaan kaunter MyPesara di setiap negeri dilihat memudahkan golongan pesara kerajaan yang sebahagiannya kurang mahir menggunakan kemudahan teknologi maklumat untuk mengakses aplikasi MyPesara atau laman sesawang JPA untuk berurusan secara bersemuka dengan pegawai bertugas di kaunter.

Seperti mana aplikasi MyPesara, kaunter tersebut turut menawarkan pelbagai perkhidmatan termasuk semakan status persaraan, cetakan penyata pencen dan cetakan surat kelulusan faedah persaraan.

Malah, kaunter MyPesara turut menerima urusan berkaitan permohonan kemas kini maklumat perkahwinan, penceraian, maklumat anak, pencen terbitan bagi kematian dalam persaraan, bantuan mengurus jenazah, pertukaran akaun bank, pelantikan wakil Skim A dan pelantikan wakil diri bagi pesara serta penerima pencen.

Pendekatan terbaharu yang dilaksanakan oleh JPA itu telah membuktikan keprihatinan kerajaan dalam menjaga kebajikan golongan pesara di negara ini.

Perkara itu diakui seorang pesara Jabatan Veterinar Negeri Melaka, Azmi Abdul Wahab, 52, yang memberitahu, pembukaan kaunter tersebut di pejabat SUK negeri berkenaan baru-baru ini telah memudahkan urusannya terutama berkaitan permohonannya untuk bersara awal secara pilihan.

"Saya baru sahaja bergelar pesara selepas memilih untuk menamatkan perkhidmatan secara pilihan pada 7 Julai lalu.

"Sudah tentulah sebagai kakitangan kerajaan yang baru bersara, banyak perkara yang saya tidak tahu berkaitan hal ehwal persaraan dan dengan adanya kaunter MyPesara di negeri ini, ia memudahkan segala urusan saya.

"Kini saya tidak perlu lagi berurusan di kaunter MyPesara di Putrajaya seperti mana dilakukan rakan-rakan saya yang telah bersara sebelum ini kerana segala urusan boleh dilakukan di kaunter MyPesara di pejabat SUK Melaka sahaja," ujarnya yang sudah berkhidmat selama 30 tahun sebagai kakitangan kerajaan.

Bagi golongan pesara dan bakal pesara di jabatan kerajaan, maklumat lanjut mengenai perkhidmatan berkaitan persaraan turut boleh didapati di laman sesawang JPA di *www.jpapencen.gov.my* atau laman sosial Facebook di Bahagian Pasca Perkhidmatan (PENCEN) selain aplikasi MyPesara bagi telefon bimbit dan tablet.

### Kaunter Perkhidmatan MyPesara

**PENERIMAAN BORANG**

- Kemaskini maklumat pesara/ perkahwinan/ penceraian
- Kemaskini maklumat anak
- Pencen terbitan bagi kematian dalam persaraan
- Permohonan pencen terbitan bagi kematian dalam persaraan
- Permohonan Bantuan Mengurus Jenazah (BMJ)
- Permohonan pertukaran akaun bank
- Perlantikan wakil skim A
- Perlantikan wakil diri untuk pesara/ Penerima pencen

**PERKHIDMATAN DI TALIAN**

- Cetakan penyata pencen
- Cetakan surat kelulusan faedah persaraan
- Semakan status persaraan

### Operasi di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

Johor • Kedah • Kelantan • Melaka • Negeri Sembilan • Perak • Perlis • Terengganu • Pulau Pinang • Pahang

### Tiada pengoperasian di Negeri Berikut

Kuala Lumpur • Putrajaya • Selangor • Sabah • Sarawak

## MALAYSIA AKTIF (ONLINE): 27 JULAI 2019

# Pesara Digalak Aktif - Borhan

JUL 27, 2019


Abdul Fatah (kanan) berkongsi pengalaman bersama Borhan (kiri).

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Borhan Dolah berkata, para pesara boleh memilih bidang yang diminati untuk diusahakan selain dapat berkongsi pengalaman dan kepakaran.

"Ramai menyangka pesara hanya bersara dari perkhidmatan awam sahaja, tetapi sebenarnya mereka masih produktif dan aktif menyumbang kepada masyarakat terutamanya kepada komuniti setempat.


Borhan (kiri) berbual mesra dengan Bunga Jaya (tengah).

"Seperti hari ini, terdapat para pesara yang terlibat dengan keusahawanan dalam ternakan kambing dan kelulut di sekitar sini.

"Kita memang menggalakkan pesara-pesara untuk terus aktif menyumbang dan saya percaya ia bukan hanya untuk menjana pendapatan semata-mata tetapi untuk terus kekal aktif dalam komuniti.


Borhan (kiri) menyampaikan sumbangan kepada balu Allahyarham Ammahari Rahali, Mahajiayah (kanan).

"Secara tidak langsung, mereka dapat kekal bertenaga dan mengamalkan gaya hidup sihat," ujarnya kepada media selepas mengadakan lawatan kerja sempena Program Pesara Care: Menyantuni Pesara Uzur dan Program Lawatan Tapak Projek Usahawan Agropreneur, pada Jumaat.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP), Syed Hamadah Othman memaklumkan Anugerah Ikon Pesara akan diadakan pada Oktober nanti bagi mengiktiraf peranan pesara dalam komuniti.

"Kita akan pilih dan saring usahawan-usahawan berjaya dari kalangan pesara berdasarkan tiga bidang iaitu Pendidikan, Sosial dan Pembangunan Komuniti serta Keusahawanan.

"Kita menjemput mereka yang layak untuk menghantar pencalonan sebelum atau pada 9 Ogos ini.


Borhan (kanan) dan Amirol (kiri) menunjukkan produk madu kelulut yang telah dibotolkan.

"Anugerah akan disampaikan semasa Karnival Rasa Sayang di Stadium Shah Alam pada 5 Oktober nanti dan dijangka Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan anugerah itu.

"Untuk maklumat lanjut berkenaan anugerah tersebut, orang ramai boleh menghubungi urusetia di 0322740000 atau emel anugerahpesara@kwap.gov.my," jelasnya.

**BERITA HARIAN: 27 JULAI 2019. M/S: 5**

# Gaji konstabel Gred YA1 ambil kira faktor keselamatan

**Semporna:** Gaji seorang konstabel polis dalam Gred YA1 adalah RM300 lebih tinggi berbanding penjawat awam Gred 19, kata Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Datuk Borhan Dolah.

Katanya, kelebihan gaji diterima anggota polis YA1 sehingga maksimum RM4,152 berbanding penjawat awam Gred 19 hanya RM4,003, adalah mengambil kira faktor keselamatan.

"Jumlah emolumen minimum bagi seorang anggota polis YA1 adalah RM2,356 dan Gred 19 menerima RM2,067," katanya kepada pemberita sempena lawatan kerja rasmi sehari ke sini, semalam.

Ketua Polis Negara, Datuk Seri Abdul Hamid Bador sebelum ini dilaporkan



*Borhan Dolah*

berkata, beberapa elaun Polis Diraja Malaysia (PDRM) seperti perumahan, kesengsaraan, bayaran insentif tugas am dan kenaikan gaji tahunan masih ketinggalan.

Borhan berkata, 27 elaun diterima pegawai atau anggota PDRM mengikut kriteria pemberian elaun, iaitu risiko, kemahiran, kos sara hidup, penempatan, perkhidmatan dan tugasan serta kompetensi tambahan pegawai mahupun anggota.

"1 Januari lalu, kerajaan meluluskan penyeragaman kadar Imbuhan Tetap Perumahan bagi pegawai, anggota PDRM serta semua perkhidmatan beruniform dengan implikasi kewangan membabitkan 23,899 anggota, pegawai adalah RM24,222,720," katanya.

Katanya, kerajaan menimbang permohonan serta membuat semakan gaji dan elaun dari semasa ke semasa, namun pertimbangan perlu dilihat menyeluruh supaya tidak menggugat keharmonian antara skim-skim perkhidmatan.

BERNAMA

## BERITA HARIAN ONLINE: 8 OGOS 2019.




### Kerajaan konsisten kaji elaun penjawat awam

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Share Tweet

KUALA LUMPUR: Kerajaan sentiasa membuat kajian dan penambahbaikan dalam aspek berkaitan elaun penjawat awam.

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berkata, ia bagaimanapun tertakluk kepada kedudukan semasa kewangan kerajaan.

"Kerajaan sentiasa prihatin dan mengambil berat kebajikan penjawat awam menerusi pemberian elaun yang dapat membantu meringankan keperluan sara hidup penjawat awam," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

JPA berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Timbalan Presiden II, Kongres Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Zainal Ismail, semalam yang meminta kerajaan menyemak semula Elaun Perumahan Wilayah (EPW) dan Bayaran Insentif Wilayah (BIW) berikutan peningkatan kos sara hidup.

JPA berkata, pemberian EPW kepada semua pegawai perkhidmatan awam yang bertukar wilayah adalah bantuan perumahan, yang mana kadar ditetapkan berdasarkan purata kadar sewa pasaran mengikut lokasi diperakukan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), Kementerian Kewangan.

Katanya, penentuan kelayakan kadar adalah berpandukan kepada bandar atau kawasan pejabat pegawai itu ditempatkan.

"Justeru, apabila seseorang pegawai berasal dari Sarawak bertukar pejabat di wilayah lain, beliau layak dibayar EPW dengan kadar ditetapkan mengikut lokasi pejabat pegawai berada.

"Sebagai contoh, Pembantu Tadbir Gred N19 yang bertugas di Kuching bertukar wilayah ke Putrajaya, maka pegawai akan menerima EPW dengan kadar RM500 berbanding RM300 kadar Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) yang dinikmatinya ketika bekerja di Kuching," katanya.

JPA berkata, bayaran BIW bertujuan membantu meringankan kos sara hidup pegawai yang bertukar wilayah dan turut dinikmati pegawai berasal dari Sabah dan Sarawak yang bertugas di wilayah asal masing-masing.

Kadar BIW, katanya, dibayar berdasarkan peratusan tertentu iaitu antara 12.5 hingga 22.5 peratus berdasarkan lingkungan gaji seseorang pegawai.

"Peratus BIW lebih tinggi diberikan kepada pegawai di lingkungan gaji yang lebih rendah selaras dengan keperluan dan kebajikan pegawai.

"Sebagai contoh, Pembantu Tadbir Gred N19 yang menerima gaji RM1,952 sebulan akan menerima BIW pada kadar 20 peratus daripada jumlah gajinya.

"Bagaimanapun, apabila gaji pegawai meningkat kepada RM2,252, pegawai akan menerima BIW pada kadar 17.5 peratus daripada jumlah gajinya.

"Amaun BIW yang dibayar kepada pegawai ini akan meningkat setiap tahun apabila pegawai menerima pergerakan gaji tahunan," katanya.

## DASAR PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA PERKHIDMATAN AWAM (DPSM)

PUBLIC SERVICE HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT POLICY

**JPA telah menerajui usaha untuk mewujudkan Dasar Pembangunan Sumber Manusia Perkhidmatan Awam (DPSM). Ia digubal bertujuan untuk membentuk pegawai perkhidmatan awam yang berfikiran aras tinggi dan ke hadapan, tangkas, berkemahiran digital *(digital capabilities)* serta kreatif dan berupaya berfikir di luar kotak, berteraskan nilai-nilai murni dan profesionalisme demi kepentingan negara dan organisasi serta kemajuan kerjaya pegawai awam.**

*JPA has spearheaded efforts to establish the Public Service Human Resource Development (DPSM) Policy. It is designed to create a public service with High Order Thinking Skills and future-thinking, agile, capable digitally as well as creative and capable of out-of-the-box thinking, centered on pure values and professionalism in the best interest of the nation and the organisation as well as career advancement of civil servants.*

**Oleh itu, DPSM membolehkan setiap pegawai awam melengkapkan diri dengan kompetensi dan pengalaman yang diperlukan untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab semasa dan di masa hadapan supaya perkhidmatan awam kekal relevan dan berdaya saing. Selain itu, integriti dan keutuhan perkhidmatan awam turut diharap akan bertambah mantap memandangkan aspek pembangunan nilai-nilai murni dan profesionalisme terus diperkukuhkan dalam DPSM.**

*Therefore, DPSM enables each public officer to equip himself with the competencies and experiences needed to perform current and future tasks and responsibilities in order for the public service to remain relevant and competitive. In addition, the integrity of the civil service will also be strengthened as aspects of the development of pure values and professionalism continue to be solidified under the DPSM.*

**BERITA HARIAN: 19 OGOS 2019. M/S: 19**

# Keputusan diambil selari dasar kerajaan

**Kuala Lumpur:** Keputusan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) menukar kedudukan tugas pegawai dan kakitangan setiap tiga tahun, adalah selari dasar kerajaan yang diwartakan menerusi Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2004.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Borhan Dolah, berkata dokumen berkenaan memperuntukkan supaya ketua jabatan, melaksanakan dasar pertukaran terhadap perkhidmatan yang diklasifikasikan sebagai 'jawatan sensitif,' sekurang-kurangnya tiga tahun dan tidak melebihi lima tahun.

Katanya, jawatan sensitif bermaksud pegawai atau kakitangan terbabit mempunyai hubungan langsung dengan pelanggan, ketika menguatkuasakan undang-undang atau mengendalikan proses permohonan yang menjana pulangan kewangan.

"Bagi jawatan yang tergolong dalam klasifikasi bukan sensitif pula, hendaklah ditukar daripada penempatan perkhidmatan sekurang-kurangnya tiga tahun tetapi tidak melebihi lapan tahun.

"Jawatan bukan sensitif ialah kakitangan yang tidak terbabit dalam urusan penguatkuasaan secara langsung dengan pelanggan, perlu mengendalikan permohonan dan menjana pulangan kewangan, menerajui kutipan hasil atau bertanggungjawab dalam membuat keputusan berdasarkan pertimbangan budi bicara," katanya kepada *BH*, semalam.

Ketua Pengarah JPJ, Datuk Seri Shaharuddin Khalid, menerusi temu bual khas bersama *BH* dilaporkan berkata, pihaknya akan menukarkan penempatan tugas pegawai dan kakitangan bahagian penguat kuasa, kewangan, pelesenan dan tender, bagi setiap tiga tahun berbanding amalan sebelum ini, iaitu lima tahun.

Borhan berkata, keputusan JPJ bagi menangani risiko rasuah dalam sistem pentadbiran kerajaan itu wajar diikuti agensi penguat kuasa lain, malah diperluaskan kepada bahagian pengurusan berkaitan seperti sekuen perolehan, pembangunan dan pengurusan daerah yang sentiasa terdedah kepada risiko rasuah.



Borhan Dolah




# PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) JPA TAHUN 2019

JPA'S KEY PERFORMANCE INDICATOR (KPI)
ACHIEVEMENTS FOR YEAR 2019

# RUMUSAN KPI KPPA

| KPI | PERKARA | PENCAPAIAN |
|---|---|---|
| 5.1 | Kajian Indeks Keterlibatan Penjawat Awam (Pihak Berkuasa Tempatan) | 100% |
| 5.2 | Pembangunan, Penarikan dan Pengekalan Bakat Melalui Pemadanan Penempatan (Job Matching) Berdasarkan Bidang Kepakaran | 100% |
| 5.3 | Pengejatan Dan Penstrukturan Organisasi Melalui Kawalan Terhadap Nisbah Saiz Perkhidmatan Awam Kepada Penduduk | 80% |
| 5.4 | Modal Insan Tajaan JPA Yang Berpengetahuan Dan Berkemahiran | 100% |
| 5.5 | Peratus Pegawai Berprestasi Rendah Yang Diperaku Oleh Panel Intervensi Psikologi Menjalani Intervensi Dasar Pemisah | 100% |

## KPI 5.1

### KAJIAN INDEKS KETERLIBATAN PENJAWAT AWAM (PIHAK BERKUASA TEMPATAN)

Kaedah pengukuran adalah berdasarkan dengan Petunjuk Prestasi Utama yang telah digariskan di bawah Bidang Keutamaan A, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11). Bagi tahun 2019, sasaran indeks minimum yang telah ditetapkan adalah sekurang-kurangnya 70%.
Pencapaian Indeks Keterlibatan Penjawat Awam (Pihak Berkuasa Tempatan) bagi tahun 2019 adalah 79.6%, maka pencapaian KPI KPPA 5.1 adalah 100%.

## KPI 5.2

### PEMBANGUNAN, PENARIKAN DAN PENGEKALAN BAKAT MELALUI PEMADANAN PENEMPATAN (JOB MATCHING) BERDASARKAN BIDANG KEPAKARAN

Kaedah pengukuran adalah berdasarkan dengan peratus pemadanan penempatan berdasarkan bidang kepakaran pada tahun 2019. Bagi tahun 2019, sasaran yang telah dipersetujui adalah sekurang-kurangnya 80% pemadanan berdasarkan kepakaran.
Pencapaian tahun 2019 mengikut skim perkhidmatan:

| Skim Perkhidmatan | Pencapaian (%) |
|---|---|
| PTD | 64 |
| PLV | 100 |
| PPsi | 100 |

Purata Pencapaian = 88%

Dengan purata pencapaian 88%, maka pencapaian KPI KPPA 5.2 adalah **100%.**

## KPI 5.3

**PENGEJATAN DAN PENSTRUKTURAN ORGANISASI MELALUI KAWALAN TERHADAP NISBAH SAIZ PERKHIDMATAN AWAM KEPADA PENDUDUK**

Kaedah pengukuran adalah berdasarkan dengan pencapaian nisbah penjawat awam dengan jumlah populasi negara.
Bagi tahun 2019, sasaran pencapaian nisbah penjawat awam kepada penduduk yang telah dipersetujui adalah sekurang-kurangnya 1:21

Sehingga 1 Januari 2020, nisbah penjawat awam dengan jumlah populasi negara mencatatkan nisbah 1:20.73, maka pencapaian KPI KPPA 5.3 adalah 80%.

## KPI 5.4

**MODAL INSAN TAJAAN JPA YANG BERPENGETAHUAN DAN BERKEMAHIRAN**

Bagi tahun 2019, sasaran jumlah pencapaian adalah seperti berikut:

| KPI | Sasaran Pencapaian (Activity Output) | Kaedah Pengukuran (Performance Index) |
|---|---|---|
| Peratusan pegawai dan pelajar yang ditawarkan Penajaan JPA | Pemberian kemudahan penajaan peringkat tertieri kepada pegawai dan pelajar dilaksanakan secara optimum. | **PI1:** Bilangan penawaran pegawai yang ditawarkan Kursus Jangka Panjang di bawah program penajaan Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP)<br><br>Sekurang-kurangnya 85% kuota penawaran bagi 5 Program Kursus Jangka Panjang dipenuhi **= 1,242 tempat**<br><br>**PI2:** Bilangan penawaran pelajar yang ditawarkan untuk mengikuti program Latihan Sebelum Perkhidmatan (LSP)<br><br>Sekurang-kurangnya 85% kuota penawaran bagi 10 Program LSP dipenuhi **= 11,400 tempat** |

Sehingga 1 Januari 2020, pencapaian bagi adalah PI1: 978 pegawai dan PI2: 12,656 pelajar
Rumusan pengiraan adalah seperti berikut: ((978+12,656)/(1,242+11,400)) X 100 = 107.8%
Dengan pencapaian 107.8%, maka pencapaian KPI KPPA 5.4 adalah **100%.**

## KPI 5.5

**PERATUS PEGAWAI BERPRESTASI RENDAH YANG DIPERAKU OLEH PANEL INTERVENSI PSIKOLOGI MENJALANI INTERVENSI DASAR PEMISAH**

Pada tahun 2019, sekurang-kurangnya 80% pegawai berprestasi rendah yang diperaku oleh Panel Intervensi Psikologi (PIPs) menjalani intervensi Dasar Pemisah.

**Mesyuarat Panel Intervensi Psikologi (PIPs) 2019 :**

- Bil 1: 19 Feb 2019 (Dibentangkan : 12, Diperakukan : 11, Digugurkan : 1)
- Bil 2: 16 Mei 2019 (Dibentangkan : 9, Diperakukan : 8, Digugurkan : 1)
- Bil 3 : 17 Julai 2019 (Dibentangkan : 8, Diperakukan : 8, Digugurkan : -)
- Bil 4 : 24 Sept 2019 (Dibentangkan : 10, Diperakukan : 6 , Digugurkan : 4)
- Bil 5 : 30 Okt 2019 (Dibentangkan : 9, Diperakukan : 9, Digugurkan : -)

Rumusan pengiraan adalah seperti berikut:

I. 42 (jumlah yang diperakukan) / 48 (jumlah yang dibentangkan) = 0.875
II. 0.875 x 100 = 87.5%

Dengan pencapaian 87.5%, maka pencapaian KPI KPPA 5.5 adalah 100%.

# KPI SPESIFIK TAHUN 2019, KELOMPOK 2 - AGENSI SECARA SPESIFIK, KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN PENYAMPAIAN, JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

## 2019 SPECIFIC KPI, GROUP 2 – SPECIFIC AGENCY, DELIVERY EFFICIENCY AND EFFECTIVENESS, PUBLIC SERVICE DEPARTMENT

| | | |
|---|---|---|
| KPI | 5.0 | **KPI AGENSI SECARA SPESIFIK**<br>*KPI FOR SPECIFIC AGENCY* |
| | 5.1 | **KAJIAN INDEKS KETERLIBATAN PENJAWAT AWAM (PIHAK BERKUASA TEMPATAN)**<br>*PUBLIC SERVANT ENGAGEMENT INDEX SURVEY (LOCAL AUTHORITY)* |
| **Tafsiran**<br>*Interpretation* | | **Kajian Indeks Keterlibatan Pegawai Pihak Berkuasa Tempatan 2019 (Kajian IKP PBT 2019) merupakan sebuah kajian yang telah digariskan sebagai kajian pelengkap kepada Kajian Indeks Keterlibatan Pegawai Dalam Organisasi Perkhidmatan Awam Persekutuan yang telah dilaksanakan pada tahun 2015. Kajian ini merupakan susulan daripada Kajian Rintis Indeks Keterlibatan Pegawai Pihak Berkuasa Tempatan 2017 (Kajian IKP PBT 2017). Ia dijalankan bertujuan untuk mengukur tahap keterlibatan pegawai PBT di setiap negeri dalam Malaysia.**<br>*The survey of the Local Authorities Personnel Engagement Index 2019 (2019 IKP PBT Survey) is a study that has been cited as a complement to the Federal Public Service Organisation Engagement Index Survey conducted in 2015. This study is a follow-up of the Local Authorities Personnel Engagement Index 2017 (2017 IKP PBT Survey). It is aimed at measuring the level of involvement of local authorities in each state in Malaysia.*<br><br>**Kajian IKP PBT 2019 didorong oleh kewajaran menanda aras tahap keterlibatan warga organisasi antara yang terpenting dalam kategori perkhidmatan sektor awam Malaysia dengan mengenalpasti tahap keterlibatan pegawai PBT berdasarkan tiga kategori iaitu Dewan / Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah.**<br>*The 2019 IKP PBT is motivated by the objective of measuring the level of involvement of organisations among the most important in the public service sector of Malaysia by identifying the level of involvement of local authorities based on three categories namely City Council, Municipal Council and District Council.* |
| **Kaveat:**<br>*Caveats* | | **Tidak Berkaitan**<br>*Not Applicable* |
| **Kaedah Pengukuran**<br>*Measurement Methods* | | **Kaedah pengukuran adalah berdasarkan dengan Petunjuk Prestasi Utama yang telah digariskan di bawah Bidang Keutamaan A, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11).** *The measurement method is based on the Key Performance Indicators outlined under Priority Field A, the Eleventh Malaysia Plan Period Review (MP11).*<br><br>**Bagi tahun 2019, sasaran indeks minimum yang telah ditetapkan adalah sekurang-kurangnya 70%.** *For 2019, the minimum index target set is at least 70%.*<br><br>**Contoh pengiraan adalah seperti berikut:**<br>*Examples of calculations are as follows:* |

| **Jika pencapaian skor adalah seperti berikut:**<br>*If resulting score are as follows:* | **Maka, pencapaian peratus KPI KPPA untuk perkara 5.1 adalah:**<br>*Therefore, KPPA's KPI percentage for item 5.1 will achieve:* |
|---|---|
| **70% dan ke atas** *and above* | **100%** |
| **65% - 69%** | **75%** |
| **60% - 64%** | **50%** |
| **59% dan ke bawah** *and below* | **25%** |

| | |
|---|---|
| **Trend Pencapaian**<br>*Trending Results* | **Tahun** *Year* / **Skor** *Score*: **2017** – **74%** |
| **Sasaran**<br>*Target* | **70** |
| **Pengukuran**<br>*Measurement* | **%** |
| **Sasaran berkaitan**<br>*Relative targets* | **Tidak Berkaitan**<br>*Not Applicable* |
| **Justifikasi**<br>*Justification* | **Bagi memastikan Pelan Strategik JPA mencapai outcome ditetapkan ke arah menyokong inisiatif di bawah Bidang Keutamaan B dan D, Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Ke-11 dan berselari dengan rangka pelaksanaan Pembaharuan Perkhidmatan Awam.**<br>*To ensure that the JPA Strategic Plan achieves the outcomes set out in support of initiatives under Priority Areas B and D, Mid-Term Review, 11th Malaysia Plan and in line with the Public Service Reform implementation framework.* |
| **Frekuensi Laporan / Data**<br>*Report / Data Frequency* | **Tahunan**<br>*Yearly* |
| **Pencapaian**<br>*Achievement* | **Pencapaian Indeks Keterlibatan Penjawat Awam (Pihak Berkuasa Tempatan) bagi tahun 2019 adalah 79.6%, maka pencapaian KPI KPPA 5.1 adalah 100%.**<br>*Public Servant Engagement Index (Local Authority) results for 2019 is at 79.6%, therefore KPPA's KPI for 5.1 is at 100%.* |

| | | |
|---|---|---|
| KPI | 5.0 | **KPI AGENSI SECARA SPESIFIK**<br>*KPI FOR SPECIFIC AGENCY* |
| | 5.2 | **PEMBANGUNAN, PENARIKAN DAN PENGEKALAN BAKAT MELALUI PEMADANAN PENEMPATAN (JOB MATCHING) BERDASARKAN BIDANG KEPAKARAN**<br>*TALENT DEVELOPMENT, ATTRACTION AND RETENTION THROUGH JOB MATCHING BASED ON AREA OF EXPERTISE* |
| **Tafsiran**<br>*Interpretation* | | **KPI ini merujuk kepada urusan pemadanan penempatan pegawai berdasarkan bidang pengajian peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah selepas tamat Cuti Belajar.**<br>*This KPI refers to the matching of the placement of officers based on their Master's and Doctor of Philosophy courses upon completion of their study leave.*<br><br>**Kemudahan Cuti Belajar untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi yang ditawarkan kepada Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) untuk peningkatan kompetensi pegawai, manakala bagi Kumpulan Pelaksana, ia merupakan inisiatif pembangunan diri atau pembelajaran berterusan oleh pegawai. Justeru itu, skop penilaian KPI ini hanya akan memfokuskan kepada Kumpulan P&P sahaja.**<br>*The Study Leave perk for pursuing higher education offered to the Professional and Management Group (P&P) is for enhancing officers' competencies, while for the Supporting Staff Group, it is for personal development or continuous learning initiative for these officers. Therefore, the scope of this KPI assessment will focus only on the P&P Group.*<br><br>**Jawatan Kumpulan P&P yang terlibat adalah daripada kumpulan Perkhidmatan Gunasama Persekutuan Gred 41 hingga 54 bagi tiga (3) skim perkhidmatan berikut:**<br>*The participating P&P groups are from the Federal Shared Services Group grades 41 to 54 for the following three (3) service schemes:*<br><br>i. **Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD);**<br>*Administrative and Diplomatic Officer (PTD);*<br>ii. **Pegawai Latihan Vokasional (PLV); dan**<br>*Vocational Training Officer (PLV); and*<br>iii. **Pegawai Psikologi (PPsi).**<br>*Psychology Officer (PPsi).* |
| | | **Bidang skim perkhidmatan/ pengajian PTD:**<br>*PTD scheme field of service / study:*<br><br>i. **Pengurusan Kewangan;**<br>*Financial Management;*<br>ii. **Pengurusan Sumber Manusia Dan Pembangunan Organisasi;**<br>*Human Resource Management and Organisational Development;*<br>iii. **Pentadbiran dan Pembangunan Wilayah/ Perbandaran/Tanah/Daerah/Tempatan;**<br>*Regional / Municipal / Land / District / Local Administration and Development;*<br>iv. **Hubungan Antarabangsa dan Hal Ehwal Luar Negeri;**<br>*International Relations and Foreign Affairs;*<br>v. **Keselamatan dan Pertahanan Negara;**<br>*National Security and Defense;*<br>vi. **Pengurusan Teknologi Maklumat;**<br>*Information Technology Management;*<br>vii. **Perancangan dan Pentadbiran Sosial/Infrastruktur; dan**<br>*Social / Infrastructure Planning and Management; and*<br>viii. **Pengurusan Ekonomi**<br>*Economic Management* |

| | |
|---|---|
| **Tafsiran**<br>*Interpretation* | **Bidang skim perkhidmatan/pengajian PLV:**<br>*PLV scheme field of service /study:*<br><br>i. **Kejuruteraan Mekanikal;**<br>*Mechanical Engineering;*<br>ii. **Kejuruteraan Elektrikal dan Elektronik;**<br>*Electrical and Electronic Engineering;*<br>iii. **Kejuruteraan Awam; dan**<br>*Civil Engineering; and*<br>iv. **Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).**<br>*Technical and Vocational Education and Training (TVET).* |
| | **Bidang skim perkhidmatan/pengajian PPsi:**<br>*PPsi scheme field of service/study:*<br><br>i. **Psikologi;**<br>*Psychology;*<br>ii. **Kaunseling; dan**<br>*Counseling; and*<br>iii. **Psikologi Klinikal.**<br>*Clinical Psychology.* |
| | **Bagi tujuan jangka masa panjang, pemadanan penempatan pegawai akan dilaksanakan kepada semua pegawai P&P Perkhidmatan Gunasama Persekutuan berdasarkan bidang kepakaran. Pelaksanaan semasa adalah secara berperingkat dengan memberi tumpuan kepada bidang pengajian memandangkan terdapat kekangan data / maklumat profiling peribadi pegawai yang lengkap dan bersepadu mengenai pengalaman dan kepakaran pegawai. Perluasan pengemaskinian maklumat peribadi di dalam sistem HRMIS oleh pemilik kompetensi sendiri perlu dilaksanakan bagi mewujudkan repositori data yang lengkap. Pemadanan penempatan ini juga perlu seiring dengan Kerangka Pembangunan Kerjaya Mengikut Skim Perkhidmatan yang sedang dibangunkan dan Kemajuan Kerjaya Laluan Pakar Bidang Khusus (SME) bagi pegawai-pegawai yang telah diiktiraf.**<br>*For the long term, placement matching of officers will be made available to all Federal Shared Services P&P officers based on their expertise. The current implementation is done in phases which focuses on the field of study as there are insufficient data / profiling information about the officer's experience and expertise. Expanding the personal information updates initiative within the HRMIS system by the owners of their own competencies needs to be implemented to create a more holistic data repository. This job matching exercise also needs to be in line with the Career Development Framework According to the Service Scheme which is currently under development and Subject Matter Expert (SME) Career Development for accredited officers.* |

| | |
|---|---|
| **Kaveat**<br>*Caveats* | **Skop pencapaian/Had pelaksanaan:**<br>*Scope of achievement / Implementation limit:*<br>i. **Penempatan pegawai tamat Cuti Belajar yang bersesuaian dengan bidang pengajian ke Kementerian/Jabatan yang menggambarkan fungsi utama perkhidmatan secara umum /kluster (contoh: Keselamatan – KDN, MINDEF; Ekonomi – MOF, MEA). Penempatan dalaman Kementerian/Jabatan adalah di bawah bidang kuasa Kementerian/Jabatan, selaras dengan SPP Bil. 3/2007 - 'Penurunan Kuasa Urusan Penempatan dan Pertukaran Pegawai Gunasama Persekutuan'. Senarai kementerian mengikut kluster bidang. (seperti di Lampiran);**<br>*The placement of officers upon completion of their Study Leave in Ministries / Departments describe the main functions of the service in general / clusters (examples: Security - KDN, MINDEF; Economy - MOF, MEA). The internal placement of the Ministry / Department is under the jurisdiction of the Ministry / Department, in accordance with SPP Bill. 3/2007 – 'Placement and Transfer of Federal Shared Service Officer Delegation of Authority'. List of ministries by cluster of fields (as in Appendix);*<br>ii. **Penempatan pegawai setelah tamat Cuti Belajar ke jawatan yang bersesuaian dengan bidang (contoh; Perolehan/Cukai/Tanah);**<br>*Officer placement upon completion of the Study Leave to a position that is relevant to their field (eg; Procurement/Tax/Land);*<br>iii. **Penempatan tertakluk kepada kekosongan, keperluan Ketua Jabatan dan keperluan perkhidmatan serta prestasi semasa; dan**<br>*The placement is subject to vacancies, Department Head requirements and current service requirements and performance; and*<br>iv. **Bilangan pegawai bergraduat sebenar.**<br>*The number of actual graduating officers.* |
| **Kaedah Pengukuran**<br>*Measurement Methods* | **Kaedah pengukuran adalah berdasarkan dengan peratus pemadanan penempatan berdasarkan bidang kepakaran pada tahun 2019. Bagi tahun 2019, sasaran yang telah dipersetujui adalah sekurang-kurangnya 80% pemadanan berdasarkan kepakaran.**<br>*The method of measurement is based on the percentage of placement matching based on the area of expertise in 2019. For 2019, the target has been agreed to be at least 80% match according to expertise.*<br>**Contoh pengiraan adalah seperti berikut:**<br>*Examples of calculations are as follows:* |

| **Jika pencapaian pemadanan berdasarkan kepakaran adalah seperti berikut:** *If resulting match according to expertise are as follows:* | Maka, pencapaian peratus KPI KPPA untuk perkara 5.2 adalah: *Therefore, KPPA's KPI percentage for item 5.2 will achieve:* |
|---|---|
| **80% dan ke atas** *and above* | **100%** |
| **76% - 79%** | **75%** |
| **70% - 75%** | **50%** |
| **69% dan ke bawah** *and below* | **25%** |

| | |
|---|---|
| **Trend Pencapaian**<br>*Trending Results* | **Tidak Berkaitan**<br>*Not Applicable* |
| **Sasaran:**<br>*Target:* | **80** |
| **Pengukuran:**<br>*Measurement:* | **%** |

| | |
|---|---|
| **Sasaran berkaitan**<br>*Relative Target* | **Tidak Berkaitan**<br>*Not Applicable* |
| **Justifikasi**<br>*Justification* | **Bagi Memastikan Pelan Strategik JPA mencapai outcome ditetapkan ke arah menyokong inisiatif di bawah Bidang Keutamaan B dan D, Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Ke-11 dan berselari dengan rangka pelaksanaan Pembaharuan Perkhidmatan Awam.**<br>*To ensure that the JPA Strategic Plan achieves the outcomes set out in support of initiatives under Priority Areas B and D, Mid-Term Review, 11th Malaysia Plan and in line with the Public Service Reform implementation framework.* |
| **Frekuensi Laporan / Data**<br>*Report / Data Frequency* | **Pencapaian tahun 2019 mengikut skim perkhidmatan:**<br>*2019 achievements according to scheme of service:* |

| Skim Perkhidmatan<br>*Scheme of Service* | Pencapaian (%)<br>*Achievement* |
|---|---|
| PTD | 64 |
| PLV | 100 |
| PPsi | 100 |

**Purata Pencapaian = 88%**
*Average Achievement*

**Dengan purata pencapaian 88%, maka pencapaian KPI KPPA 5.2 adalah 100%.**
*With an average achievement of 88%, then KPPA KPI for 5.2 is at 100%.*

| | | |
|---|---|---|
| KPI | 5.0 | **KPI AGENSI SECARA SPESIFIK**<br>*KPI FOR SPECIFIC AGENCY* |
| | 5.3 | **PENGEJATAN DAN PENSTRUKTURAN ORGANISASI MELALUI KAWALAN TERHADAP NISBAH SAIZ PERKHIDMATAN AWAM KEPADA PENDUDUK**<br>*SUSPENSION AND RESTRUCTURING OF ORGANISATIONS THROUGH RATIO CONTROL OF PUBLIC SERVICE SIZE AGAINST THE POPULATION* |
| **Tafsiran**<br>*Interpretation* | **KPI ini merujuk kepada usaha yang dilaksanakan oleh JPA di bawah Teras Strategik 2, Pelan Strategik JPA 2017-2020 dan Bidang Keutamaan D. Kawalan saiz perkhidmatan awam akan menyumbang ke arah usaha merekayasa organisasi bagi menghasilkan organisasi yang dinamik, kejat, terbuka, tangkas dan berkeupayaan tinggi.**<br>*This KPI refers to efforts undertaken by JPA under Strategic Core 2, JPA Strategic Plan 2017-2020 and Priority Areas D. Public service size control will contribute to the organisation's efforts to create dynamic, robust, open, agile and highly capable organisations.* | |
| **Kaveat:**<br>*Caveats* | **Tidak Berkaitan**<br>*Not Applicable* | |
| **Kaedah Pengukuran**<br>*Measurement Methods* | **Kaedah pengukuran adalah berdasarkan dengan pencapaian nisbah penjawat awam dengan jumlah populasi negara.**<br>*The measurement method is based on the achievement of the ratio of civil servants to the total population of the country.*<br>**Bagi tahun 2019, sasaran pencapaian nisbah penjawat awam kepada penduduk yang telah dipersetujui adalah sekurang-kurangnya 1:21**.<br>*For 2019, the target ratio of civil servants to the total population of the country is agreed to be atleast at 1:21.*<br>**Contoh pengiraan adalah seperti berikut:**<br>*Examples of calculations are as follows:* | |

| **Jika pencapaian nisbah penjawat awam kepada penduduk adalah seperti berikut:** *If resulting ratio of civil servant to the population are as follows:* | **Maka, pencapaian peratus KPI KPPA untuk perkara 5.3 adalah:** *Therefore, KPPA's KPI percentage for item 5.3 will achieve:* |
|---|---|
| **1.21 dan ke atas** *and above* | **100%** |
| **1.20** | **80%** |
| **1.19** | **60%** |
| **1.18** | **40%** |

| | |
|---|---|
| **Trend Pencapaian**<br>*Trending Results* | **Tidak Berkaitan**<br>*Not Applicable* |

| | |
|---|---|
| **Sasaran**<br>*Target* | 100 |
| **Pengukuran**<br>*Measurement* | % |
| **Justifikasi**<br>*Justification* | **Bagi Memastikan Pelan Strategik JPA mencapai outcome ditetapkan ke arah menyokong inisiatif di bawah Bidang Keutamaan B dan D, Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Ke-11 dan berselari dengan rangka pelaksanaan Pembaharuan Perkhidmatan Awam.**<br>*To ensure that the JPA Strategic Plan achieves the outcomes set out in support of initiatives under Priority Areas B and D, Mid-Term Review, 11th Malaysia Plan and in line with the Public Service Reform implementation framework.* |
| **Frekuensi Laporan / Data**<br>*Report / Data Frequency* | **Tahunan**<br>*Yearly* |
| **Pencapaian:**<br>*Achievement* | **Sehingga 1 Januari 2020, nisbah penjawat awam dengan jumlah populasi negara mencatatkan nisbah 1:20.73, maka pencapaian KPI KPPA 5.3 adalah 80%.**<br>*As of January 1, 2020, the ratio of civil servants to the total population of the country recorded a ratio of 1:20.73, thus achieving KPPA's KPI 5.3 at 80%.* |

| | | |
|---|---|---|
| KPI | 5.0 | **KPI AGENSI SECARA SPESIFIK**<br>*KPI FOR SPECIFIC AGENCY* |
| | 5.4 | **MODAL INSAN TAJAAN JPA YANG BERPENGETAHUAN DAN BERKEMAHIRAN**<br>*KNOWLEDGEABLE AND SKILLFULL JPA SPONSORED HUMAN CAPITAL* |
| **Tafsiran**<br>*Interpretation* | **Merujuk kepada program yang dilaksanakan oleh JPA di bawah Teras Strategik 1, Pelan Strategik JPA 2017-2020 dan Bidang Keutamaan D yang akan menyumbang ke arah usaha mendaya upaya bakat bagi menghasilkan sumber manusia yang bertenaga, berilmu, berwibawa, produktif dan kompeten.**<br>*Refer to the programmes implemented by JPA under Strategic Core 1, JPA Strategic Plan 2017-2020 and Priority Areas D that will contribute towards the pursuit of developing talent that is vibrant, knowledgeable, competent, productive and competent.* | |
| **Kaveat:**<br>*Caveats* | **Tidak Berkaitan**<br>*Not Applicable* | |
| **Kaedah Pengukuran**<br>*Measurement Methods* | **Bagi tahun 2019, sasaran jumlah pencapaian adalah seperti berikut:**<br>*For the year 2019, the target of total achievement is as follows:* | |

| KPI | Sasaran Pencapaian<br>*Activity Output* | Kaedah Pengukuran (PI)<br>*Performance Indeks (PI)* |
|---|---|---|
| **Peratusan pegawai dan pelajar yang ditawarkan Penajaan JPA.**<br>*Percentage of officers and students offered JPA sponsorship* | **Pemberian kemudahan penajaan peringkat tertieri kepada pegawai dan pelajar dilaksanakan secara optimum.**<br>*The provision of tertiary level sponsorship perks to officers and students is optimised.* | **PI1: Bilangan penawaran pegawai yang ditawarkan Kursus Jangka Panjang di bawah program penajaan Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP).**<br>*Number of officers offered in the Long Term Course under In-Service Training (LDP) programme.*<br><br>**Sekurang-kurangnya 85% kuota penawaran bagi 5 Program Kursus Jangka Panjang dipenuhi = 1,242 tempat.**<br>*At least 85% of the quota for 5 Long Term Course Programmes is filled = 1,242 places.*<br><br>**PI2: Bilangan penawaran pelajar yang ditawarkan untuk mengikuti program Latihan Sebelum Perkhidmatan (LSP)**<br>*Number of student offered to attend the Pre-Service Training (LSP) programme.*<br><br>**Sekurang-kurangnya 85% kuota penawaran bagi 10 Program LSP dipenuhi = 11,400 tempat**<br>*At least 85% of the quota for 10 LSP Programmes is filled = 11,400 places.* |

| | |
|---|---|
| **Kaedah Pengukuran**<br>*Measurement Methods* | **Contoh pengiraan adalah seperti berikut:**<br>*Examples of calculations are as follows:* |
| **Trend Pencapaian**<br>*Trending Results* | **Tidak Berkaitan**<br>*Not Applicable* |
| **Sasaran**<br>*Target* | 85 |
| **Pengukuran**<br>*Measurement* | % |
| **Justifikasi**<br>*Justification* | **Bagi Memastikan Pelan Strategik JPA mencapai outcome ditetapkan ke arah menyokong inisiatif di bawah Bidang Keutamaan B dan D, Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Ke-11 dan berselari dengan rangka pelaksanaan Pembaharuan Perkhidmatan Awam.**<br>*To ensure that the JPA Strategic Plan achieves the outcomes set out in support of initiatives under Priority Areas B and D, Mid-Term Review, 11th Malaysia Plan and in line with the Public Service Reform implementation framework* |
| **Frekuensi Laporan / Data**<br>*Report / Data Frequency* | **Tahunan**<br>*Yearly* |
| **Pencapaian**<br>*Achievement* | • **Sehingga 1 Januari 2020, pencapaian bagi adalah PI1: 978 pegawai dan PI2: 12,656 pelajar.**<br>*As of January 1, 2020, the achievements are PI1: 978 officers and PI2: 12,656 students.*<br>• **Rumusan pengiraan adalah seperti berikut: ((978+12,656)/(1,242+11,400)) X 100 = 107.8%**<br>*The calculation formulas are as follows: ((978 + 12,656) / (1,242 + 11,400)) X 100 = 107.8%.*<br>• **Dengan pencapaian 107.8%, maka pencapaian KPI KPPA 5.4 adalah 100%.**<br>*With 107.8% achievement, then KPPA KP4 5.4 is 100%.* |

Measurement Methods calculation table:

| **Jika pencapaian purata peratusan pegawai dan pelajar yang ditawarkan Penajaan JPA adalah seperti berikut:**<br>*If the average achievement of the percentage of officers and students offered JPA sponsorship is as follows:* | **Maka, pencapaian peratus KPI KPPA untuk perkara 5.4 adalah:**<br>*Therefore, KPPA's KPI percentage for item 5.4 will achieve:* |
|---|---|
| **85% dan ke atas** *and above* | **100%** |
| **80-84%** | **75%** |
| **75-79%** | **50%** |
| **74% dan kebawah** *and below* | **25%** |

| | | |
|---|---|---|
| KPI | 5.0 | **KPI AGENSI SECARA SPESIFIK**<br>*KPI FOR SPECIFIC AGENCY* |
| | 5.5 | **PERATUS PEGAWAI BERPRESTASI RENDAH YANG DIPERAKU OLEH PANEL INTERVENSI PSIKOLOGI MENJALANI INTERVENSI DASAR PEMISAH**<br>*PERCENTAGE OF LOW ACHIEVERS CERTIFIED BY THE PSYCHOLOGY INTERVENTION PANEL UNDERGOING THE EXIT POLICY INTERVENTION* |
| **Tafsiran**<br>*Interpretation* | | **Merujuk kepada pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2015: Pelaksanaan Dasar Pemisah *(Exit Policy)* Bagi Pegawai Yang Berprestasi Rendah Dalam Perkhidmatan Awam: Ketua Jabatan hendaklah mengarahkan pegawai menjalani program intervensi dan pembangunan yang dikendalikan oleh Pegawai Psikologi sama ada di peringkat Kementerian / Jabatan / Negeri / Daerah selama tidak lebih dari dua (2) minggu yang melibatkan tindakan-tindakan para f (i) hingga (v).**<br>*Referring to the implementation of the Service Circular No. 7 Year 2015: Implementation of Exit Policy for Low Performing Officers in the Public Service: The Head of Department shall direct officers to undergo the intervention and development program conducted by the Psychology Officer at ministry / department / state / district level for not more than two (2) weeks involving the actions of f (i) to (v).* |
| **Kaveat**<br>*Caveats* | | **Tidak Berkaitan**<br>*Not Applicable* |
| **Kaedah Pengukuran**<br>*Measurement Methods* | | **Pada tahun 2019, sekurang-kurangnya 80% pegawai berprestasi rendah yang diperaku oleh Panel Intervensi Psikologi (PIPs) menjalani intervensi Dasar Pemisah.**<br>*In 2019, at least 80% of low-performing officers certified by the Psychology Intervention Panel (PIPs) underwent Exit Policy intervention.*<br><br>**Contoh pengiraan adalah seperti berikut:**<br>*Examples of calculations are as follows:* |

| **Jika pencapaian peratus pegawai menjalani intervensi daripada jumlah yang telah diperakukan oleh PIPs adalah seperti berikut:**<br>*If the percentage of employees under the intervention of the number of PIPs has been as follows:* | **Maka, pencapaian peratus KPI KPPA untuk perkara 5.5 adalah:**<br>*Therefore, KPPA's KPI percentage for item 5.5 will achieve:* |
|---|---|
| **80% dan ke atas** *and above* | **100%** |
| **70-79%** | **75%** |
| **51-69%** | **50%** |
| **50% dan ke bawah** *and below* | **25%** |

| | |
|---|---|
| **Trend Pencapaian**<br>*Trending Results* | **Tidak Berkaitan /** *Not Applicable* |
| **Sasaran**<br>*Target* | 80 |
| **Pengukuran**<br>*Measurement* | % |

| | |
|---|---|
| **Sasaran berkaitan**<br>*Relative Target* | **Tidak Berkaitan**<br>*Not Applicable* |
| **Justifikasi**<br>*Justification* | **Usaha ini juga akan memastikan Pelan Strategik JPA mencapai outcome ditetapkan ke arah menyokong inisiatif Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11.**<br>*This effort will also ensure that the JPA Strategic Plan achieves the outcomes set out in support of the 11th Malaysia Plan Mid-Term Review initiative.* |
| **Frekuensi Laporan / Data**<br>*Report / Data Frequency* | **Tahunan**<br>*Yearly* |
| **Pencapaian**<br>*Achievement* | **Mesyuarat Panel Intervensi Psikologi (PIPs) 2019:**<br>*2019 Psychology Intervention Panel (PIPs) Meeting:*<br><br>• **Bil. 1: 19 Februari 2019 (Dibentangkan: 12, Diperakukan: 11, Digugurkan: 1)**<br>*No. 1: 19 February 2019 (Tabled: 12, Certified: 11, Dropped: 1)*<br>• **Bil. 2: 16 Mei 2019 (Dibentangkan: 9, Diperakukan: 8, Digugurkan: 1)**<br>*No. 2: 16 May 2019 (Tabled: 9, Certified: 8, Dropped: 1)*<br>• **Bil. 3 : 17 Julai 2019 (Dibentangkan: 8, Diperakukan: 8, Digugurkan: -)**<br>*No. 3: 17 July 2019 (Tabled: 8, Certified: 8, Dropped: -)*<br>• **Bil. 4 : 24 September 2019 (Dibentangkan: 10, Diperakukan: 6 , Digugurkan: 4)**<br>*No. 4: 24 September 2019 (Tabled: 10, Certified: 6, Dropped: 4)*<br>• **Bil. 5 : 30 Oktober 2019 (Dibentangkan: 9, Diperakukan: 9, Digugurkan: -)**<br>*No. 5: 30 October 2019 (Tabled: 9, Certified: 9, Dropped: -)*<br><br>**Rumusan pengiraan adalah seperti berikut:**<br>*The calculation formula are as follows:*<br><br>i. **42 (jumlah yang diperakukan) / 48 (jumlah yang dibentangkan) = 0.875**<br>*42 (total certified) / 48 (total tabled) = 0.875*<br>ii. **0.875 x 100 = 87.5%**<br><br>**Dengan pencapaian 87.5%, maka pencapaian KPI KPPA 5.5 adalah 100%.**<br>*With an achievement of 87.5%, then the KPPA KPI for 5.5 is 100%.* |

# KAJIAN INDEKS KETERLIBATAN PEGAWAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (IKP PBT) 2019

STUDY ON THE INVOLVEMENT INDEX OF LOCAL AUTHORITY OFFICERS (IKP PBT) 2019

## PENGENALAN

INTRODUCTION

**Kajian IKP PBT telah dimulakan dengan kajian rintis pada tahun 2016 dan diteruskan dengan kajian sebenar pada tahun 2017 serta 2019 (Rajah 1.0). Inisiatif ini bertujuan untuk menilai tahap keterlibatan pegawai di 150 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh negeri termasuk Sabah dan Sarawak.**

*The IKP PBT study was started with a pilot study in 2016 and continued with the actual study in 2017 and 2019. This initiative aims to assess the level of involvement of officers in 150 Local Authorities (PBT) throughout the country including Sabah and Sarawak*

## KRONOLOGI KAJIAN INDEKS KETERLIBATAN PEGAWAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN

CHRONOLOGY OF THE LOCAL AUTHORITY ENGAGEMENT INDEX ATTRIBUTE SCORES




**Kewajaran kajian adalah berdasarkan Strategi D3 : Memperkasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), di bawah Bidang Keutamaan D: Penyampaian Perkhidmatan Awam, Tonggak 1 RMKe-11.**

*The appropriateness of the study is based on strategy D3: empowering local authorities (PBT), under priority areas D: Public Service Delivery, Pillar 1 of the 11MP.*

## INTIPATI LAPORAN BAHAGIAN / UNIT
FUNDAMENTAL REPORT BY DIVISION / UNIT

**Hasil kajian tahun 2019 mendapati purata nilai Indeks Keterlibatan pegawai PBT adalah sebanyak 79.6%. Nilai indeks keterlibatan tersebut hasil analisis daripada 30,429 responden melibatkan 104 PBT. Secara umumnya, ia menunjukkan tahap keterlibatan terhadap organisasi yang baik di kalangan warga PBT.**

*The results of the 2019 study found that the average value of the index of involvement of local authority officers is 79.6%. The value of the engagement index is the result of an analysis of 30,429 respondents involving 104 local authorities. In general, it shows the level of involvement in good organizations among local authorities.*

### SKOR ATRIBUT INDEKS KETERLIBATAN PEGAWAI
OFFICER'S ENGAGEMENT INDEX ATTRIBUTE SCORES




**Nilai indeks keterlibatan diperolehi daripada 5 atribut/ciri yang telah dikenalpasti (Rajah 1.1). Hasil skor 5 atribut/ciri mendapati pegawai PBT mempunyai kebanggaan terhadap organisasi masing-masing dan perakuan yang tinggi untuk memperakukan kepada orang lain bahawa organisasi mereka adalah tempat terbaik untuk bekerja. Namun, masih terdapat aspek dan ruang yang boleh ditambah baik dan ditingkatkan termasuk aspek-aspek inspirasi, motivasi dan keterikatan (sense of belonging).**

*Involvement index values are obtained from 5 attributes/features that have been identified. The result of the score of 5 attributes/features found that local government officials have pride in their respective organizations and a high standard to certify to others that their organization is the best place to work. But there are still aspects and areas that can be improved and enhanced including aspects of inspiration, motivation and attachment (sense of belonging).*

# PEMBANGUNAN, PENARIKAN DAN PENGEKALAN BAKAT MELALUI PEMADANAN PENEMPATAN (JOB MATCHING) BERDASARKAN BIDANG KEPAKARAN

## DEVELOPMENT, WITHDRAWAL AND RETENTION OF TALENT THROUGH PLACEMENT MATCHING (JOB MATCHING) BASED ON AREAS OF EXPERTISE

**KPI ini merujuk kepada urusan pemadanan penempatan pegawai berdasarkan bidang pengajian peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah selepas tamat Cuti Belajar.**
*This KPI refers to the matter of matching the placement of officers based on the field of study at the Masters and Doctor of Philosophy level after the end of study leave.*

**Kemudahan Cuti Belajar untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi yang ditawarkan kepada Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) untuk peningkatan kompetensi pegawai, manakala bagi Kumpulan Pelaksana, ia merupakan inisiatif pembangunan diri atau pembelajaran berterusan oleh pegawai. Justeru itu, skop penilaian KPI ini hanya akan memfokuskan kepada Kumpulan P&P sahaja.**
*Study leave facilities to further their studies to a higher level is offered to Management and Professional groups (P&P) to increase the competencies of officers, while for the Implementing Group, it is an initiative of self-development or continuous learning by officers. Therefore, the scope of this KPI evaluation will only focus on the P&P Group*

**Jawatan Kumpulan P&P yang terlibat adalah daripada kumpulan Perkhidmatan Gunasama Persekutuan Gred 41 hingga 54 bagi tiga (3) skim perkhidmatan berikut :**

- **i. Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD);**
- **ii. Pegawai Latihan Vokasional (PLV); dan**
- **iii. Pegawai Psikologi (PPsi).**

*The positions of the R&D group involved are from the Federal Shared Services Group Grade 41 to 54 for the following three (3) service schemes:*

- *i. Diplomatic officer*
- *ii. Vocational training officer*
- *iii. Psychology officer*

**Bidang skim perkhidmatan/ pengajian PTD:**

- **i. Pengurusan Kewangan;**
- **ii. Pengurusan Sumber Manusia Dan Pembangunan Organisasi;**
- **iii. Pentadbiran dan Pembangunan Wilayah / Perbandaran / Tanah / Daerah / Tempatan;**
- **iv. Hubungan Antarabangsa dan Hal Ehwal Luar Negeri;**
- **v. Keselamatan dan Pertahanan Negara;**
- **vi. Pengurusan Teknologi Maklumat;**
- **vii. Perancangan dan Pentadbiran Sosial/ Infrastruktur; dan**
- **viii. Pengurusan Ekonomi.**

*Services sector/Studies PTD*

- *i. Financial management*
- *ii. Human Resource Management and Organizational*
- *iii. Development Regional / Municipal / Land / District / Local Administration*
- *iv. International Relations and Foreign Affairs*
- *v. National Security and Defense*
- *vi. Information Technology Management*
- *vii. Social / Infrastructure Planning and Administration*
- *viii. Economic Management*

**Bidang skim perkhidmatan/ pengajian PLV:**

- **i. Kejuruteraan Mekanikal;**
- **ii. Kejuruteraan Elektrikal dan Elektronik;**
- **iii. Kejuruteraan Awam; dan**
- **iv. Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional Technical and Vocational Education and Training (TVET).**

*PLV studies/services sector*

- *i. Mechanical engineering*
- *ii. Electrical and electronic engineering*
- *iii. Civil engineering*
- *iv. Technical education and vocational training technical and vocational education and training (TVeT)*

**Bidang skim perkhidmatan/ pengajian PPsi:**

- **i. Psikologi;**
- **ii. Kaunseling; dan**
- **iii. Psikologi Klinikal.**

*PPsi service / study Sector*

- *i. Psychology*
- *ii. Counseling*
- *iii. Clinical Psychology*

**Bagi tujuan jangka masa panjang, pemadanan penempatan pegawai akan dilaksanakan kepada semua pegawai P&P Perkhidmatan Gunasama Persekutuan berdasarkan bidang kepakaran. Pelaksanaan semasa adalah secara berperingkat dengan memberi tumpuan kepada bidang pengajian memandangkan terdapat kekangan data / maklumat profiling peribadi pegawai yang lengkap dan bersepadu mengenai pengalaman dan kepakaran pegawai. Perluasan pengemaskinian maklumat peribadi di dalam sistem HRMIS oleh pemilik kompetensi sendiri perlu dilaksanakan bagi mewujudkan repositori data yang lengkap. Pemadanan penempatan ini juga perlu seiring dengan Kerangka Pembangunan Kerjaya Mengikut Skim Perkhidmatan yang sedang dibangunkan dan Kemajuan Kerjaya Laluan Pakar Bidang Khusus (SME) bagi pegawai-pegawai yang telah diiktiraf.**

*For long-term purposes, the placement of officers will be implemented to all Federal Shared Services based on their areas of expertise. The current implementation is in stages with a focus on the field of study as there are constraints of data / personal profile information of officers that are complete and integrated on the experience and expertise of officers. The expansion on updating of personal information in the HRMIS system by the owners of their own competencies needs to be implemented to create a complete data repository. The matching of these placements should also be in line with the Career Development Framework According to the Service Scheme that is currently being developed and the Career Development of the Subject Matter Expert (SME) Pathway for recognized officers.*

# PENGEJATAN DAN PENSTRUKTURAN ORGANISASI MELALUI KAWALAN TERHADAP NISBAH SAIZ PERKHIDMATAN AWAM KEPADA PENDUDUK

## ABSORPTION AND STRUCTURING OF THE ORGANISATION THROUGH CONTROL OVER THE RATIO OF THE SIZE OF THE PUBLIC SERVICE TO THE POPULATION

### KAWALAN SAIZ PERKHIDMATAN AWAM

Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Transformasi Perkhidmatan Awam (JKK-TPA) Bil.2/2018 (23 Oktober 2018)

Pengurangan 5% perjawatan sektor awam secara berfasa sehingga 2021




### KAEDAH PELAKSANAAN




### TREND PERJAWATAN (2009 - 2019)

MENGIKUT PERKHIDMATAN UTAMA




| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **KESELURUHAN** | Jumlah jawatan sektor awam sehingga 30 September 2019 **1,711,702** | **0.20%** 3,445 pengurangan jawatan sektor awam | Nisbah jawatan kepada penduduk **1:19.05** Sasaran RMK11 = 1:20 | Nisbah pengisian kepada penduduk **1:20.73** Sasaran RMK11 = 1:20 |
| **KEMENTERIAN** | Bilangan jawatan di Kementerian sehingga 30 September 2019 **1,536,422** | | **0.19%** 2,903 pengurangan Jawatan (Kementerian) | |
| **PSUK** | Bilangan jawatan di PSUK sehingga 30 September 2019 **175,280** | | **0.31%** 542 pengurangan Jawatan (PSUK) | |

**Sehingga 31 Januari 2020, Dasar KSPA telah mencapai 0.68% bersamaan pengurangan sebanyak 11,725 jawatan. Walaupun pengurangan tidak mencapai sasaran yang ditetapkan, nisbah penjawat awam dengan jumlah populasi negara mencatatkan nisbah 1:20.89, melebihi sasaran yang ditetapkan dalam RMK-11 (1:20).**

*As of 31 January 2020, the KSPA Policy has achieved 0.68% equivalent to a reduction of 11,725 positions. Although the reduction did not meet the set targets, the ratio of civil servants to the total population of the country recorded is 1: 20.89, exceeding the target set in the 11MP (1:20)*

# MODAL INSAN TAJAAN JPA YANG BERPENGETAHUAN DAN BERKEMAHIRAN

## HIGHLY SKILLED AND KNOWLEDGABLE HUMAN CAPITAL UNDER THE SPONSORSHIP OF JPA

| **KPI** | **SASARAN PENCAPAIAN** *(ACTIVITY OUTPUT)* | **KAEDAH PENGUKURAN** *(PERFORMANCE INDEX)* |
|---|---|---|
| Peratusan pegawai dan pelajar yang ditawarkan Penajaan JPA | Pemberian kemudahan penajaan peringkat tertieri kepada pegawai dan pelajar dilaksanakan secara optimum. | **PI1:** Bilangan penawaran pegawai yang ditawarkan Kursus Jangka Panjang di bawah program penajaan Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP)<br><br>Sekurang-kurangnya 85% kuota penawaran bagi 5 Program Kursus Jangka Panjang dipenuhi = **1,242 tempat**<br><br>**PI2:** Bilangan penawaran pelajar yang ditawarkan untuk mengikuti program Latihan Sebelum Perkhidmatan (LSP)<br><br>Sekurang-kurangnya 85% kuota penawaran bagi 10 Program LSP dipenuhi = 11,400 tempat |

| **KUMPULAN SASARAN** | **SASARAN PENCAPAIAN** *(ACTIVITY OUTPUT)* | **PENCAPAIAN 2019** |
|---|---|---|
| Pelajar Tajaan LSP | Sekurang-kurangnya 85% kuota penawaran bagi 10 Program LSP dipenuhi = **11,400 tempat** | 100% |
| Pegawai Tajaan LDP | Sekurang-kurangnya 85% kuota penawaran bagi 5 Program Kursus Jangka Panjang dipenuhi = **1,242 tempat** | |

# PERATUS PEGAWAI BERPRESTASI RENDAH YANG DIPERAKU OLEH PANEL INTERVENSI PSIKOLOGI MENJALANI INTERVENSI DASAR PEMISAH

THE PERCENTAGE OF LOW-PERFORMING EMPLOYEES CERTIFIED BY THE PSYCHOLOGICAL INTERVENTION PANEL UNDERGOING THE SEPARATION OF EXIT POLICY

## BILANGAN PEGAWAI BERPRESTASI RENDAH MELALUI MESYUARAT PANEL INTERVENSI PSIKOLOGI (PIPS)

NUMBER OF LOW-PERFORMING OFFICERS THROUGH PSYCHOLOGICAL INTERVENTION PANEL MEETING (PIPS)



Bilangan Melalui PIPS :

**48 ORANG**



Bilangan Diperaku :

**42 ORANG**



Digugurkan :

**6 ORANG**

Rumusan pengiraan adalah seperti berikut :

i. **42** (jumlah diperakukan) **/ 48** (jumlah yang dibentangkan) **= 0.875**

ii. **0.875 X 100 = 87.5%**




# JPA @ 2019

# PELAKSANAAN PROGRAM DAN AKTIVITI DI JPA

IMPLEMENTATION OF PROGRAMMES AND ACTIVITIES

## INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN)

### INTAN EXECUTIVE LECTURE SERIES (TECHNOLOGY) "INNOVATIVE GOVERNMENT, CONNECTED CITIZEN"



Encik Sanjay Willie: Government with the People



Encik Fazli Azran: Empowered Edge

**Pada 24 April 2019, telah berlangsungnya Program INTAN *Executive Lecture Series (Technology)* di Dewan Seri Baiduri, INTAN Bukit Kiara. Program yang bertemakan *Innovative Government, Connected Citizen* adalah merupakan platform bagi mewacana perkongsian ilmu dan pengalaman individu yang banyak terlibat dalam bidang ICT mengenai trend dan teknologi digital terkini. Objektif penganjurannya adalah untuk menggalakkan inovasi digital dalam menyediakan perkhidmatan yang lebih efektif kepada rakyat. Program ini adalah merupakan kolaborasi bersama INTAN dengan Syarikat Astiostech Sdn. Bhd. dan telah dihadiri oleh seramai 165 orang peserta dari pelbagai jabatan dan agensi kerajaan.**

*On April 24, 2019, the INTAN Executive Lecture Series (Technology) programme took place at the Dewan Seri Baiduri, INTAN Bukit Kiara. The programme theme; Innovative Government, Connected Citizen, is a platform for knowledge and experience sharing from individuals involved in areas of ICT on the latest digital trends and technologies. The objective of the organising this programme is to encourage digital innovation in providing more effective services to the people. This programme is a collaboration between INTAN and Astiostech Sdn. Bhd. and was attended by 165 participants from various government departments and agencies.*

**Program ini menampilkan tiga (3) orang penceramah yang mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam bidang ICT iaitu YBhg. Prof. Madya Dato' Husin Jazri, Pengerusi Syarikat Teleawan Sdn. Bhd., Encik Sanjay Willie, Pengarah Syarikat Teleawan Sdn. Bhd. dan Encik Fazli Azran, Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Teleawan Sdn. Bhd.**

*The programme featured three (3) speakers with expertise and skills in the field of ICT which was YBhg. Associate Prof. Dato 'Husin Jazri, Chairman of Teleawan Sdn. Bhd., Mr. Sanjay Willie, Director of Teleawan Sdn. Bhd. and Mr. Fazli Azran, Chief Executive Officer of Teleawan Sdn. Bhd.*

## GOVERNMENT WITH THE PEOPLE

**Penceramah pertama, Encik Sanjay Willie telah berkongsi mengenai hubungan antara kerajaan dan rakyat. Beliau turut berkongsi mengenai idea-idea yang boleh dilaksanakan oleh kerajaan ke arah mewujudkan perkhidmatan yang lebih inovatif kepada rakyat dengan mengambil peluang daripada perkembangan teknologi dan kewujudan Revolusi Industri. Hasilnya, kerajaan akan menjadi lebih inklusif dan memberi nilai kepada perkhidmatan yang disediakan.**

*The first speaker, Mr Sanjay Willie shared about the relationship between the government and the people. He also shared ideas on what the government could do to create more innovative services to the people by taking advantage of the technological developments and the existence of the Industrial Revolution. As a result, the government will become more inclusive and adds more value to the services provided.*

## EMPOWERED EDGE

**Dengan wujudnya lebih banyak perkhidmatan digital, transaksi data akan menjadi lebih kompleks dan terdedah kepada risiko dicerobohi oleh pihak tidak bertanggungjawab. Dalam sesi kedua, Encik Fazli Azran berkongsi mengenai trend dan teknologi digital iaitu Empowering Edge yang disenaraikan oleh Gartner sebagai antara 10 teknologi teratas yang akan menjadi trend dalam transformasi digital untuk tahun 2019. Penceramah menekankan kelebihan computing edge di dalam melindungi keselamatan dan meningkatkan kecekapan transaksi data.**

*With the advent of more digital services, data transactions will become more complex and vulnerable to risks from irresponsible parties. In the second session, Mr. Fazli Azran shared on Gartner's list of digital technologies and technologies, which is Empowering Edge, in which Gartner listed the top 10 technologies that will be a trend in digital transformation for 2019. The speaker emphasized the benefits of computing edge in protecting security and improving data transaction efficiency.*



Prof. Madya Dato' Husin Jazri: Digital Ethics and Privacy



Sesi Q&A

## DIGITAL ETHICS & PRIVACY

**Transaksi dalam talian pada masa kini adalah terdedah kepada ancaman keselamatan siber di mana perlu dilindungi oleh akta digital bagi melindungi kerahsiaan data. Penceramah ketiga, Prof. Madya Dato' Husin Jazri berkongsi mengenai etika dan kerahsiaan digital dalam melindungi data serta akta dan undang-undang yang melindungi kerahsiaan data terutamanya apabila menggunakan perkhidmatan digital kerajaan. Beliau turut berkongsi mengenai Akta Perlindungan Peribadi 2010 yang melindungi kerahsiaan data peribadi apabila berkongsi data.**

*Today's online transactions are exposed to cyber security threats that need to be protected by a digital act to protect data privacy. The third speaker, Associate Prof. Dato' Husin Jazri shared ethics and digital privacy in protecting data as well as laws that protect data privacy especially when using government digital services. He also shared the Privacy Act 2010 which protects the confidentiality of personal data when sharing data.*


Antara peserta yang hadir.

**Program setengah hari ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari peserta yang hadir. Ia memberikan pengetahuan yang amat berguna kepada penjawat awam melalui perkongsian idea-idea yang boleh dilaksanakan oleh kerajaan ke arah mewujudkan inovasi digital dengan mengambil peluang daripada kewujudan teknologi seperti *Internet of Things (IoT).* Inovasi digital yang dibangunkan perlu dilindungi dari ancaman keselamatan siber melalui penggunaan teknologi dan penguatkuasaan undang-undang bagi melindungi kepentingan rakyat.**

*The half day program me received overwhelming response from the participants. It provides valuable knowledge to civil servants through ideas shared that can be applied by the government towards creating digital innovations by taking advantage of technologies such as the Internet of Things (IoT). Developed digital innovations need to be protected from cyber security threats through the use of technology and law enforcement to protect the interests of the people.*


Peserta dari pelbagai Agensi Kerajaan.

## INTAN MINISTERIAL FORUM SERIES (PUBLIC POLICY) 2019 "KEPIMPINAN DAN INOVASI DALAM ISU-ISU KEPENGUNAAN"



**INTAN Ministerial Forum Series (Public Policy) merupakan platform perbincangan bagi perkongsian perspektif dan pengalaman antara Anggota Pentadbiran dengan penjawat awam serta kumpulan berkepentingan. Menyedari kebersamaan tanggungjawab dan kesalingan peranan antara anggota pentadbiran dan penjawat awam, maka penganjuran INTAN Ministerial Forum Series (Public Policy) telah diperkenalkan sebagai salah satu pentas wacana perkongsian ilmu dalam membentuk suatu sinergi kukuh antara Kerajaan dengan penjawat awam.**

*INTAN Ministerial Forum Series (Public Policy) is a discussion platform for sharing perspectives and experiences between Administrative Members and civil servants as well stakeholder groups. Recognising the shared responsibility of members of government and civil servants, the INTAN Ministerial Forum Series (Public Policy) was introduced as an avenue of knowledge sharing in shaping a strong synergy between the Government and civil servants.*




**Bagi menjayakan program INTAN Ministerial Forum Series (Public Policy) yang pertama untuk tahun 2019, Menteri Perdagangan dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Malaysia (KPDNHEP), YB Datuk Seri Saifuddin bin Ismail, telah dijemput bagi menyampaikan syarahan beliau yang bertajuk "Kepimpinan dan Inovasi dalam Isu-Isu Kepengunaan" bertempat di Auditorium, INTAN Bukit Kiara. Objektif pelaksanaan forum ini adalah untuk membincangkan usaha yang sedang dilaksanakan oleh KPDNHEP bersama**



**Majlis Tindakan Sara Hidup untuk mengurangkan kenaikan kos harga serta meningkatkan kesedaran kepenggunaan di kalangan penjawat awam.**

*To deliver the first INTAN Ministerial Forum Series (Public Policy) programme for 2019, Minister of Domestic Trade and Consumer Affairs (KPDNHEP), YB Datuk Seri Saifuddin bin Ismail, was invited to deliver his lecture entitled "Leadership and Innovation in Consumerism Issues" located at the INTAN Bukit Kiara Auditorium. The objective of this forum is to discuss the efforts undertaken by KPDNHEP in conjunction with the Costs of Living Action Council to reduce price increases and increase consumer awareness among civil servants.*

**Pembentangan YB Menteri juga telah menyentuh mengenai keseimbangan antara hak dan tanggungjawab di antara pengguna, pembekal / pengilang dan Kerajaan yang boleh diterapkan melalui kaedah pemantapan bidang perundangan, amalan perdagangan, pendidikan dan kesihatan. Disamping itu juga, YB Menteri telah menekankan tentang kesedaran hak pengguna, tanggungjawab kawal selia kendiri di kalangan pembekal serta penglibatan kerajaan dalam usaha untuk mengawal kenaikan harga barang serta mengawal kos sara hidup.**





*YB Minister's presentation also touched on the balance between rights and responsibilities between consumers, suppliers / manufacturers and the Government which can be implemented through methods of litigation, trade, education and health. In addition, the Minister emphasised on consumer rights awareness, self-regulatory responsibility among suppliers as well as government involvement in efforts to control price increases and control cost of living.*

**Program ini telah mendapat sambutan yang memberangsangkan dengan kehadiran oleh seramai 331 orang penjawat awam yang terdiri dari kumpulan pengurusan dan profesional serta kumpulan sokongan. Peserta yang hadir turut terlibat secara aktif dalam sesi syarahan dengan mengemukakan soalan dan bertukar pendapat dengan YB Menteri.**

*The program received an overwhelming response with the attendance of 331 civil servants, comprising of management and professional groups and support groups. Participants were also actively involved in the lecture session by asking questions and exchanging ideas with the Minister.*





# BAHAGIAN PENYELIDIKAN, PERANCANGAN DAN DASAR (BPPD)

## MAJLIS PERJUMPAAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN BERSAMA-SAMA YAB PERDANA MENTERI TAHUN 2019

2019 TOWNHALL MEETING BETWEEN THE PRIME MINISTER AND PUBLIC SERVANTS

**Majlis Perjumpaan Pegawai-Pegawai Kerajaan Bersama-Sama YAB Perdana Menteri merupakan satu medium interaksi bagi menjelaskan hala tuju baharu Kerajaan ke arah memastikan jentera Kerajaan berada pada landasan yang tepat serta berlandaskan prinsip *Good Governance* serta *Rule of Law.***

*The Townhall Meeting Between The Prime Minister and Public Servants is a medium of interaction to clarify the Government's new direction towards ensuring that Government machinery is on the right track and in line with the principles of Good Governance and the Rule of Law.*

**Semenjak akhir tahun 2018, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah menganjurkan dua (2) siri program interaksi antara YAB Perdana Menteri bersama-sama pegawai-pegawai Kerajaan iaitu:**

*Since the end of 2018, the Public Service Department (JPA) has organised two (2) series of interaction programmes between the Prime Minister and Government officials:*

(a) **Program Perjumpaan Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan Bersama-sama YAB Perdana Menteri di Langkawi pada 23 hingga 25 November 2018; dan**
*Senior Government Officials Interaction Programme with The Prime Minister at Langkawi between 23rd and 25th November 2018; and*

(b) **Program Eksekutif Khas Anggota Pentadbiran Kerajaan Malaysia pada 9 Disember 2018.**
*Members of the Government's Administration Special Executive Programme on the 9th of December 2018.*



**Pada tahun 2019 pula, sebanyak dua (2) lagi program interaksi antara YAB Perdana Menteri bersama-sama pegawai-pegawai Kerajaan telah diadakan iaitu:**

*In 2019, another two (2) programmes of interaction between the Prime Minister and Government officials were held:*

(a) **Majlis Perjumpaan Pegawai-Pegawai Kerajaan Bersama-sama YAB Perdana Menteri bagi Gred 52 hingga Gred JUSA C di Puspanita Puri, Putrajaya pada 30 April 2019 melibatkan 1,006 pegawai; dan**
*Prime Minister's Interaction Session with Government Officers from Grades 52 to JUSA C at Puspanita Puri, Putrajaya on the 30th of April 2019 which involved 1,006 officers; and*







(b) **Majlis Perjumpaan Pegawai-Pegawai Kerajaan Bersama-sama YAB Perdana Menteri bagi Gred 41 hingga Gred 48 di Dewan Seri Siantan, Putrajaya pada 22 Ogos 2019 melibatkan 1,500 pegawai.**
*Prime Minister's Interaction Session with Government Officers from Grades 41 to 48 at Dewan Seri Siantan, Putrajaya on the 22nd of August 2019 which involved 1,500 officers.*

**Kesemua program ini telah berjaya menjadi wadah komunikasi dua hala antara YAB Perdana Menteri dengan pegawai awam dari pelbagai gred untuk memastikan mutu penyampaian perkhidmatan awam berada di tahap paling cemerlang. Program ini juga berfungsi sebagai platform untuk menjelaskan hala tuju baharu dan hasrat Kerajaan untuk menyampaikan perkhidmatan awam yang berteraskan nilai, kualiti, amanah dan bebas rasuah. Untuk itu, adalah penting penjawat awam memahami dan menghayati aspirasi pemegang taruh ini agar dapat memberikan perkhidmatan yang profesional, terbaik dan berkesan kepada rakyat.**

*All of these have served as a two-way communication between the Prime Minister and civil servants of various grades to ensure the highest quality of service delivery. The programmer also serves as a platform to clarify the new direction and intent of the Government to deliver value-based, quality, trustworthy and corruption-free public services. Therefore, it is important that civil servants understand and appreciate the aspirations of the stakeholders in order to provide professional, best and most effective services to the people.*







**Selain itu, majlis perjumpaan ini juga telah memupuk semangat patriotisme, taat setia dan berkecuali *(loyal and neutral)* di kalangan penjawat awam dalam memainkan peranan sebagai pengantara Kerajaan dan rakyat, membentuk sikap bertanggungjawab sebagai bakal pemimpin yang objektif, berani, tepat dan cepat bertindak dalam membuat keputusan serta memberi ruang yang lebih dekat bagi pegawai kerajaan yang menjadi nadi dan tulang belakang perkhidmatan awam untuk bertemu dan berdialog serta menyampaikan cadangan bagi memantapkan perkhidmatan awam kepada YAB Perdana Menteri.**

*In addition, the meeting also instilled patriotism, loyalty and neutrality among the civil servants in the role of mediating the Government and the people, establishing a responsible, objective and courageous leader in making swift and accurate decisions and providing an avenue for government officials who are at the heart and backbone of the civil service to meet and dialogue as well as propose ideas to strengthen the public service to the Prime Minister.*



## PENYEDIAAN RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS (RMK-12) 2021-2025

PREPARATIONS FOR THE TWELFTH MALAYSIA PLAN (12MP) 2021-2025

**Kerajaan melalui Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) telah memulakan penyediaan pelan pembangunan pasca 2020 termasuk RMK-12. Pelan pembangunan ini merupakan kesinambungan kepada Wawasan 2020 yang akan berakhir pada penghujung tempoh Rancangan Malaysia Ke-11. Ia juga adalah merupakan sebuah dasar sosioekonomi jangka panjang baharu yang dirangka dengan tema "Ke Arah Malaysia Makmur" yang berlandaskan tiga (3) dimensi iaitu ekonomi, alam sekitar serta sosial dan keterangkuman. Arahan penyediaan Pelan Pembangunan Pasca 2020 dan RMK-12 telah dikeluarkan oleh Pejabat YBhg. KSN melalui surat bertarikh 16 April 2019.**

*The Government through the Ministry of Economic Affairs (MEA) has begun the preparation of a post 2020 development plan which includes the 12MP. This development plan is a continuation of Vision 2020 that will come to an end at the end of the 11th Malaysia Plan. It is also a new long-term socioeconomic policy designed with the theme "Towards a Prosperous Malaysia" based on three (3) dimensions namely economic, environmental as well as social and inclusivity. Directions for the preparation of the Post 2020 Development Plan and the 12MP have been issued by the YBhg. KSN's Office through a letter dated April 16, 2019.*

**Sebagai persediaan pelaksanaan arahan ini, MEA telah menubuhkan 13 Kumpulan Perancang Antara Agensi atau *Inter Agency Planning Group (IAPG),* 46 Kumpulan Kerja Teknikal atau *Technical Working Group (TWG)* dan 180 kumpulan fokus yang dianggotai oleh pelbagai kementerian dan agensi kerajaan. Kesemua kumpulan ini akan bertindak sebagai platform untuk mengenal pasti isu dan merangka dasar, strategi dan program di bawah RMK-12.**

*In preparation for the implementation of these directives, the MEA has established 13 Inter Agency Planning Group (IAPG), 46 Technical Working Group (TWG) and 180 focus groups comprising various ministries and government agencies. All of these groups will serve as a platform to identify issues and formulate policies, strategies and programmes under the 12MP.*

**Dalam hal ini, Reformasi Perkhidmatan Awam telah dikenal pasti sebagai salah satu IAPG utama di dalam dimensi ekonomi. Mesyuarat IAPG Reformasi Perkhidmatan Awam yang pertama telah diadakan pada 9 Mei 2019 yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Makro), MEA. Di bawah IAPG ini terdapat tiga (3) TWG iaitu:**

**(a) Public service efficiency;**
**(b) Greater governance; dan**
**(c) Public finance excellence.**

*In this regard, Public Service Reform has been identified as one of the major IAPGs in the economic dimension. The first IAPG Public Service Reform Meeting was held on May 9, 2019 chaired by the Deputy Secretary-General (Macro), MEA. Under the IAPG there are three (3) TWGs:*

*(a) Public service efficiency;*
*(b) Greater governance; and*
*(c) Public finance excellence.*

**Terdapat dua (2) dokumen yang akan disediakan iaitu Pelan Pembangunan Jangka Panjang dan RMK-12. Pelan Pembangunan Jangka Panjang dijangka akan diumumkan pada bulan Jun 2020 manakala dokumen RMK-12 dijangka diumumkan pada bulan Oktober 2020.**

*There are two (2) documents that are currently being prepared, the Long Term Development Plan and the 12MP. The Long Term Development Plan is expected to be announced in June 2020 while the 12MP document is expected to be announced in October 2020.*

**JPA telah dipilih sebagai pengerusi TWG berkaitan *public service efficiency* dengan cadangan keahlian sebanyak 13 kementerian / agensi. Di bawah TWG ini beberapa kumpulan fokus akan diwujudkan dengan memfokuskan kepada perkara-perkara berikut:**

**a) Public Service talent management;**
**(b) Innovating public service;**
**(c) Federal-State government's collaboration; dan**
**(d) Local government services.**

*JPA has been selected as the chairman of TWG on public service efficiency with the recommendation of 13 ministries / agencies as fellow members. Under this TWG several focus groups will be created by focusing on the following:*

*a) Public Service talent management;*
*(b) Innovating public service;*
*(c) Federal-State government's collaboration; and*
*(d) Local government services.*

**Jabatan / agensi yang menerajui kumpulan fokus di atas ialah JPA, MAMPU, Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) dan Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT).**

*The departments / agencies leading the focus group JPA, MAMPU, Implementation Coordination Unit (ICU) and Local Government Department (JKT).*

***Outline* penulisan telah dikemukakan menjelang akhir bulan Jun 2019 dan draf pertama kertas strategi pada bulan Oktober 2019. BPPD JPA sebagai urus setia induk telah mengadakan mesyuarat dan bengkel seperti di bawah antara bulan Jun sehingga Oktober 2019 sebagai persediaan TWG untuk menghasilkan kertas strategi.**

*The outlines were submitted by the end of June 2019 and the first draft of the strategic paper was in October 2019. BPPD JPA as the parent secretariat held the following meetings and workshops between June to October 2019 in preparation for TWG to produce the strategy paper.*

**(a) Beberapa siri mesyuarat TWG;**
*Few series of TWG Meetings;*
**(b) Mesyuarat Kumpulan Fokus *Public Service Talent Management; dan***
*Public Service Talent Management Focus Group Meeting; and*
**(c) Bengkel TWG *Public Sector Efficiency dan Public Service Talent Management.***
*TWG Public Sector Efficiency dan Public Service Talent Management Workshop.*

**Setiap kumpulan fokus telah menunjukkan komitmen tinggi dalam mengenal pasti isu dan merangka dasar termasuk mengenal pasti strategi serta program RMK-12. Satu kertas strategi telah berjaya disiapkan oleh JPA dan dikemukakan kepada MEA untuk pertimbangan pada 25 Oktober 2019. JPA akan terus terlibat secara aktif dalam penyediaan RMK-12 terutamanya dalam pemilihan dan penyediaan dokumen berkaitan pembaharuan perkhidmatan awam sehingga dokumen diumumkan pada tahun 2020 kelak.**

*Each focus group has shown a high commitment to identifying issues and formulating policies including identifying strategies and programmes for the 12MP. A strategic paper was successfully completed by JPA and submitted to MEA for consideration on October 25, 2019. JPA will continue to be actively involved in the preparation of the 12MP, especially in the selection and preparation of documents related to public service reform until the document is announced in 2020.*

# UNIT KOMUNIKASI KORPORAT (UKK)

## PELANTIKAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM (KPPA) MALAYSIA KE-24 YBHG. DATUK MOHD KHAIRUL ADIB BIN ABD RAHMAN

APPOINTMENT OF THE 24TH DIRECTOR GENERAL OF PUBLIC SERVICE (KPPA)

**Pejabat Ketua Setiausaha Negara telah membuat kenyataan rasmi berhubung pelantikan YBhg. Datuk Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman sebagai Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) Malaysia yang baharu berkuatkuasa pada 1 Oktober 2019 bagi menggantikan YBhg. Tan Sri Borhan bin Dolah yang telah bersara wajib pada 9 September 2019 yang lalu. Surat pelantikan jawatan KPPA yang ke-24 telah disampaikan oleh Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Dr. Ismail bin Hj. Bakar.**
*The Office of the Chief Secretary of the Government has made an official statement regarding the appointment of YBhg. Datuk Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman as the new Director General of Public Service (KPPA) Malaysia effective October 1, 2019 to replace YBhg. Tan Sri Borhan bin Dolah who retired on 9 September 2019. The letter of appointment of the 24th KPPA was handed by the Secretary General of the Government, YBhg. Tan Sri Dr. Ismail bin Hj. Bakar.*

**Beliau menjawat jawatan selaku Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan sebelum beliau dilantik sebagai KPPA. YBhg. Datuk Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman yang berumur 57 tahun mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Ijazah Sarjana Sains Polisi dari Saitama University, Jepun. Beliau telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam selama lebih 31 tahun apabila mula menyertai perkhidmatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik pada 12 Januari 1988.**
*Serving as the Secretary General of the Ministry of Transport before being appointed as KPPA, 57-year-old YBhg. Datuk Khairul Adib bin Abd Rahman holds a Bachelor of Science degree from the National University of Malaysia (UKM) and a Master of Policy Science degree from Saitama University, Japan. He has served in the public service for more than 31 years when he joined the Diplomatic and Administration Service on January 12, 1988.*

**Beliau berpengetahuan luas dalam bidang pengurusan dan perkhidmatan awam serta pernah berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Setiausaha di Kementerian Pengangkutan, Setiausaha Bahagian di Kementerian Pendidikan dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Beliau pernah berkhidmat di Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (sekarang Kementerian Tenaga dan Sumber Asli) dan bertugas sebagai Penasihat Pendidikan dan Latihan JPA di Tokyo, Jepun dan London, United Kingdom.**
*He has extensive knowledge in the areas of management and public service and has served as Deputy Secretary General in the Ministry of Transport, Division Secretary in the Ministry of Education and the Ministry of Science, Technology and Innovation (now known as the Ministry of Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change). He previously served in the Ministry of Natural Resources and Environment (now the Ministry of Water, Land and Natural Resources) and served as JPA's Education and Training Advisor in Tokyo, Japan and London, United Kingdom.*

**Ketibaan YBhg. Datuk Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman di Jabatan Perkhidmatan Awam pada 8 Oktober 2019 telah disambut dengan perbarisan tabik hormat selamat datang oleh Polis Bantuan JPA, bacaan doa dan seterusnya beliau bersalaman dengan semua barisan Pengurusan Tertinggi JPA sebelum ke aras 13 bagi mendengar taklimat korporat JPA.**
*The arrival YBhg. Datuk Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman at the Public Service Department on October 8, 2019 was greeted with a welcoming parade and salute by JPA's Auxillary Police, doa recitation and he took the opportunity to greet fellow JPA Top Management members before heading to level 13 be briefed.*

**Seluruh warga JPA ingin mengucapkan sekalung tahniah di atas lantikan YBhg. Datuk Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman selaku KPPA yang baharu dan berharap agar JPA terus maju dibawah teraju dan kepimpinan beliau pada masa akan datang.**
*The JPA family would like to congratulate YBhg. Datuk Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman on his appointment as the new KPPA and hopes that JPA will continue to thrive under its guidance and leadership into the future.*





# Khairul terajui Perkhidmatan Awam

**PUTRAJAYA** – Datuk Mohd. Khairul Adib Abd. Rahman dilantik sebagai Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) berkuat kuasa 1 Oktober ini.

Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Ismail Bakar dalam satu kenyataan berkata, pelantikan itu bagi menggantikan Tan Sri Borhan Dolah yang telah bersara pada 9 September lalu.

"Mohd. Khairul Adib, 57, mempunyai pengalaman luas dalam pengurusan dan perkhidmatan awam serta pernah berkhidmat sebagai Ketua Setiausaha dan Timbalan Ketua Setiausaha di Kementerian Pengangkutan.

"Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Bahagian di Kementerian Pendidikan dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (sekarang dikenali sebagai Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim)," katanya di sini semalam.

Selain itu, Mohd. Khairul Adib juga pernah berkhidmat di Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (sekarang Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli) selain bertugas sebagai Penasihat Pendidikan dan Latihan di Tokyo, Jepun dan London, United Kingdom.

Mohd. Khairul Adib berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan Ijazah Sarjana Sains Polisi dari Saitama University, Jepun.

Beliau telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam selama 31 tahun sejak mula menyertai perkhidmatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik pada 12 Januari 1988.

Sementara itu, Ismail turut menzahirkan penghargaan kepada Borhan atas segala khidmat bakti beliau sepanjang tempoh memegang jawatan KPPA.

ISMAIL (kiri) bersalaman dengan Mohd. Khairul Adib yang baharu dilantik sebagai KPPA di Putrajaya semalam.

**INFO Datuk Mohd. Khairul Adib**

- Berkelulusan Sarjana Muda Sains daripada Universiti Kebangsaan Malaysia
- Memiliki Sarjana dalam Sains Polisi dari Universiti Saitama, Jepun
- Sertai perkhidmatan awam sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik pada 12 Januari 1988
- Memulakan kerjaya pada tahun 1997 di Kementerian Pembangunan Usahawan
- Ketua Setiausaha bagi Suruhanjaya Kebangsaan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Malaysia
- Wakil kebangsaan untuk Pertubuhan Pendidikan Islam, Saintifik dan Kebudayaan Malaysia




KETUA
ADIB


ADIB



# KENYATAAN MEDIA

Pejabat Ketua Setiausaha Negara
Jabatan Perdana Menteri
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya

## PELANTIKAN

## KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

Sukacita saya ingin memaklumkan pelantikan YBhg. Datuk Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman sebagai Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia berkuatkuasa 1 Oktober 2019 bagi menggantikan YBhg. Tan Sri Borhan bin Dolah yang telah bersara pada 9 September 2019.

YBhg. Datuk Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman, 57 tahun, berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan Ijazah Sarjana Sains Polisi dari Saitama University, Jepun. Beliau telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam selama 31 tahun sejak mula menyertai perkhidmatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik pada 12 Januari 1988.

Beliau mempunyai pengalaman luas dalam pengurusan dan perkhidmatan awam serta pernah berkhidmat sebagai Ketua Setiausaha dan Timbalan Ketua Setiausaha di Kementerian Pengangkutan, Setiausaha Bahagian di Kementerian Pendidikan dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (sekarang dikenali sebagai Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim). Selain itu, beliau pernah berkhidmat di Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (sekarang Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli) dan bertugas sebagai Penasihat Pendidikan dan Latihan di Tokyo, Jepun dan London, United Kingdom.

Kerajaan juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Tan Sri Borhan bin Dolah di atas segala khidmat bakti beliau sepanjang tempoh memegang jawatan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia, khususnya membawa pembaharuan dalam sistem perkhidmatan awam dan sumbangan beliau kepada negara.

DR. ISMAIL BIN HJ. BAKAR
28 September 2019
28 Muharam 1441H

# BAHAGIAN PERKHIDMATAN (BK)

## PERSIDANGAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA SEKTOR AWAM

PUBLIC SECTOR HUMAN RESOURCE MANAGEMENT CONFERENCE (HRMC)

**Persidangan Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam (HRMC) yang telah julung-julung kalinya diadakan pada 4-5 September 2019 merupakan salah satu daripada perancangan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam menerapkan perkhidmatan pengurusan sumber manusia sektor awam terbaik dan merupakan satu initiatif membentuk pengurus serta personel sumber manusia yang cekap. Segala pengisian program yang dirancang dan dilaksanakan di dalam Persidangan HRMC 2019 ini berteraskan kepada pengurusan sumber manusia terkini dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada negara. Tema bagi Persidangan Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam 2019 adalah *"Pengurusan Sumber Manusia Baharu Untuk Prestasi Masa Hadapan".***

*The first ever Public Sector Human Resource Management Conference (HRMC) held on September 4-5, 2019 is part of the plans of Public Service Department (JPA) to nurture the best public sector human resource management services and is an initiative to shape efficient human resource managers and personnel. All of the programmes planned and implemented at the HRMC 2019 are based on the latest human resource management trends in providing the best service to the country. The theme for the Public Sector Human Resource Management Conference 2019 is "New Human Resource Management for Future Performance".*

**Persidangan ini merupakan platform bagi pengurus dan pegawai yang terlibat dalam pengurusan sumber manusia di Kementerian / Agensi Kerajaan untuk mengetahui dengan lebih lanjut berkaitan perkembangan dan pembangunan terkini pengurusan sumber manusia di sektor awam. Program ini amat signifikan dalam usaha meningkatkan pengurusan bakat *(talent management)* perkhidmatan awam dan memacu malaysia sebagai sebuah negara yang berkaliber. Objektif HRMC 2019 adalah:**

*The conference is a platform for managers and officials involved in human resource management at the Ministry / Government Agency to learn more about the latest developments of human resource management in the public sector. The programme is very important in enhancing public service talent management and driving malaysia as a nation of prestige. The objectives of HRMC 2019 are:*

i. **Meningkatkan pengetahuan dan pendedahan mengenai pengurusan sumber manusia sektor awam di kalangan pengurus dan personel sumber manusia Kementerian / Jabatan;**
   *Increase knowledge and exposure on public sector human resource management among Ministry / Department human resource managers and personnel;*

ii. **Menerapkan perkongsian kepakaran dalam pengurusan sumber manusia dan kepakaran pakar bidang khusus sektor awam;**
   *Nurture the sharing of expertise in human resource management and specialists' expertise especially in public sector;*

iii. **Memupuk kesedaran kepada para pengurus dan personel sumber manusia tentang isu-isu yang sering dihadapi oleh sektor awam dan cabaran dalam pengurusan sumber manusia; dan**
   *Develop awareness among managers and human resources personnel on issues that are often faced by the public sector and challenges in human resource management; and*

iv. **Mengiktiraf *Human Resources Champion (HRC)* dan membangunkan pengetahuan HRC yang dilantik bagi jabatan / agensi sektor awam.**
   *Recognises Human Resources Champion (HRC) and develops HRC knowledge designated for public sector departments / agencies.*

**Secara umumnya seramai 1070 orang peserta bagi hari pertama dan 1151 orang peserta bagi hari kedua telah memohon untuk menyertai persidangan HRMC 2019 ini.**

*In total, 1070 participants for the first day and 1151 participants for the second day attended for the HRMC 2019 conference.*

**Sesi *Townhall* Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Sesi *Townhall* KPPA) dimulakan dengan Ucapan Aluan dan Majlis Perasmian yang disempurnakan oleh YBhg. Datuk Seri Borhan**

**bin Dolah, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA). Sesi ini merupakan salah satu platform bagi YBhg. Datuk Seri KPPA berinteraksi, kolaborasi dan berkongsi dengan pengurus dan personel sumber manusia bagi memperkasakan perkhidmatan awam dalam era revolusi industri 4.0 (IR4.0).**
*The KPPA Townhall Session started with an Opening Speech and Ceremony officiated by YBhg. Datuk Seri Borhan bin Dolah, Director General of Public Service. This session is a platform for YBhg. Datuk Seri KPPA interacted, collaborated and shared with managers and human resource personnel in order to empower civil service in the era of industrial revolution 4.0 (IR4.0).*

**Bagi memastikan sesi townhall ini efektif dan menarik, peserta boleh berinteraksi dengan YBhg. Datuk Seri KPPA menggunakan aplikasi atas talian sli.do selain daripada mengemukakan pertanyaan secara lisan. Datuk Seri KPPA ditemani oleh moderator iaitu Encik Azizul bin Alias, Timbalan Pengarah JPA. Pelbagai soalan dilontarkan kepada YBhg. Datuk Seri KPPA yang merangkumi perkongsian pengalaman perkhidmatan beliau, aspirasi dan pengharapan kepada generasi muda penjawat awam serta pelbagai pandangan beliau terhadap pengurusan sumber manusia sektor awam secara amnya.**
*To make this townhall session effective and engaging, participants can interact with YBhg. Tan Sri KPPA through the online application sli.do apart from asking questions verbally. Tan Sri KPPA was accompanied by the moderator, Mr Azizul bin Alias, a Deputy Director from JPA. Various questions were asked to YBhg. Tan Sri KPPA which included sharing his service experience, aspirations and hopes for the younger generation of civil servants and his many perspectives on public sector human resource management in general.*

**Terdapat empat (4) Sesi Plenari disusun dalam aturcara Persidangan HRMC 2019 kali ini. Sesi-sesi plenari ini bertujuan untuk mendengar dan mempelajari perkara-perkara baharu atau mengaplikasikan pengetahuan sedia ada ke dalam situasi atau scenario pengurusan sumber manusia berteraskan IR4.0. Sesi plenari ini juga mengalakkan peserta untuk menggunakan teknologi terkini dalam pengurusan sumber manusia sektor awam. Penceramah dan tajuk yang dibentangkan bagi ke semua sesi plenari ini adalah seperti berikut:**
*There are four (4) Plenary Sessions organised in the HRMC Conference 2019 this time. These plenary sessions are intended to hear and learn new things or apply existing knowledge to IR4.0 based human resource management situations or scenarios. The plenary session also encouraged participants to use the latest technology in public sector human resource management. The speakers and titles presented for all of these plenary sessions are as follows:*

**SESI PLENARI 1: PRINSIP NEUTRALITI DAN IMPARTIALITI DALAM PERKHIDMATAN AWAM**
*Plenary Session 1: Principals of Neutrality and Impartiality in Public Service*

**Oleh YBhg. Tan Sri Haji Abu Kassim Mohamad, Ketua Pengarah, Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah Nasional**
*Director General, National Center for Governance, Integrity and Anti-Corruption*

**SESI PLENARI 2: REFORMASI PERKHIDMATAN AWAM**
*Plenary Session 2: Public Service Reform*

**Oleh YBhg. Dato' Haji Suhaime Mahbar, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi), Jabatan Perkhidmatan Awam**
*Deputy Director General (Operations), Public Service Department*

**SESI PLENARI 3: MYPERFORMANCE – DIMENSI BAHARU PENILAIAN PRESTASI**
*Plenary Session 3: myPerformance - New Dimensions of Performance Evaluation*

**Oleh YBrs. Puan Marliza Lijong, Timbalan Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Awam**
*Deputy Director, Public Service Department*

**SESI PLENARI 4: CABARAN MASA HADAPAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**
*Plenary Session 4: Future Challenges of the Public Service of Malaysia*

**Oleh YBrs. Encik Rushdi Abdul Rahim,**
*Senior Vice-President Malaysian Industry-Government Group for High Technology*

**Sebanyak 15 kaunter klinik telah dibuka sepanjang HRMC 2019 berlangsung. Di dalam masa yang sama, klinik secara atas talian juga diperkenalkan bagi peserta yang ingin bertanyakan soalan semasa Sesi Plenari dan Sesi Selari berlangsung. Sepanjang tempoh berlangsung, Sesi Klinik telah menguruskan pertanyaan peserta persidangan hampir 135 soalan lisan dan 27 soalan secara atas talian. Seramai 135 orang peserta telah mengambil bahagian dalam sesi klinik pengurusan sumber manusia ini.**

*A total of 15 clinic counters were opened during HRMC 2019. At the same time, online clinics were also introduced for participants who wanted to ask questions during the Plenary and Parallel Sessions. Over the course of the session, the Clinic Session handled nearly 135 oral and 27 online questions from conference attendees. A total of 135 participants participated in this human resource management clinic session.*

**Selain itu, sebanyak 12 sesi selari telah diadakan sepanjang Persidangan HRMC 2019. Setiap sesi selari ini boleh memuatkan sehingga 150 orang peserta dalam satu-satu masa.**

*In addition, a total oaf 12 parallel sessions were held during the HRMC Conference 2019. Each of these parallel sessions could accommodate up to 150 participants at a time.*

| SESI | TOPIK | PENCERAMAH |
|---|---|---|
| 1 | Pertukaran Perkhidmatan<br>*Service Transfer* | PUAN HEMALATHA RAMACHRISTNAN<br>Penolong Pengarah<br>*Assistant Director*<br>• Suruhanjaya Perkhidmatan Awam<br>*Public Service Commission* |
| 2 | Asas Persaraan kepada Penjawat Awam dan Bakal Pesara<br>*The Basis of Retirement for Civil Servants and Prospective Retirees* | ENCIK AZRIL WANCHIK<br>Ketua Penolong Pengarah<br>*Principle Assistant Director*<br>• Jabatan Perkhidmatan Awam<br>*Public Service Department* |
| 3 | Pelaksanaan Dasar Pemisah *(Exit Policy)* bagi Pegawai yang Berprestasi Rendah dalam Perkhidmatan Awam<br>*Implementation of Exit Policy for Low Performing Officers in Public Service* | PUAN EIZAN AZURA ZAINUDIN<br>Timbalan Pengarah<br>*Deputy Director*<br>• Jabatan Perkhidmatan Awam<br>*Public Service Department* |
| 4 | Dasar dan Pengurusan Tatatertib dalam Perkhidmatan Awam<br>*Discipline Policy and Management in Public Services* | ENCIK AHMAD AZHAN BIN MOHD NOH<br>Timbalan Pengarah<br>*Deputy Director*<br>• Jabatan Perkhidmatan Awam<br>*Public Service Department* |
| 5 | Panduan Pertukaran Pelantikan<br>*Guide for Change of Appointments* | ENCIK AHMAD RAFEEIN MOHAMAD<br>Ketua Penolong Pengarah<br>*Principle Assistant Director*<br>• Jabatan Perkhidmatan Awam<br>*Public Service Department* |
| 6 | Dasar-dasar Pembangunan Organisasi yang Berkuatkuasa<br>*Current Organisational Development Policies* | ENCIK SHAHRUNAIM RADZALI<br>Ketua Penolong Pengarah<br>• Jabatan Perkhidmatan Awam<br>*Public Service Department* |
| 7 | Kesejahteraan Psikologi: Di mana dan ke mana?<br>*Psychological Well-being: Where and where to?* | YBRS. DR. ABDUL JALIL HASSAN<br>Timbalan Pengarah Kanan<br>*Senior Deputy Director*<br>• Jabatan Perkhidmatan Awam<br>*Public Service Department* |

| SESI | TOPIK | PENCERAMAH |
|---|---|---|
| 8 | **Dasar dan Peraturan Kemudahan Cuti**<br>*Leave Benefit Policies and Regulations* | **PUAN NORFAKHRINA ZULKAWI**<br>**Timbalan Pengarah**<br>*Deputy Director*<br>• **Jabatan Perkhidmatan Awam**<br>*Public Service Department* |
| 9 | **Dasar dan Proses Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam**<br>*Public Service Promotion Policies and Processes* | **ENCIK SYAMSUL NIZAM MOHD RAZALI**<br>**Timbalan Pengarah**<br>*Deputy Director*<br>• **Jabatan Perkhidmatan Awam**<br>*Public Service Department* |
| 10 | **Pelaksanaan Laluan Kerjaya Baharu: SME & Fast Track**<br>*New Career Path Implementation: SME & Fast Track* | **ENCIK ZAIMY SHAARI**<br>**Timbalan Pengarah**<br>*Deputy Director*<br>• **Jabatan Perkhidmatan Awam**<br>*Public Service Department* |
| 11 | **Kemudahan Cuti Belajar kepada Penjawat Awam**<br>*Study Leave Benefit for Public Servants* | **ENCIK MOHD SHAHFIE BIN JABARULLAH**<br>**Ketua Penolong Pengarah**<br>*Principle Assistant Director*<br>• **Jabatan Perkhidmatan Awam**<br>*Public Service Department* |
| 12 | **Pegawai Awam Berminda Digital, Teras Kelangsungan Perkhidmatan Awam**<br>*Digital-minded Public Servants, The Core of Continuity of Public Service* | **YBRS. TS. AZLINA AZMAN**<br>**Timbalan Pengarah Kanan**<br>*Senior Deputy Director*<br>• **Jabatan Perkhidmatan Awam**<br>*Public Service Department* |

**Secara keseluruhannya, berdasarkan maklum balas yang diterima daripada para peserta, persidangan HRMC kali ini telah berjaya mencapai objektif selain untuk meningkatkan pengetahuan peserta dalam pengurusan sumber manusia sektor awam. Cadangan penambahbaikan yang diusulkan oleh peserta persidangan terutama bagi sesi berkaitan pelaksanaan akan diambil kira dalam usaha menjadikan Persidangan ini sebagai salah satu program *signature* JPA yang eksklusif dan berimpak tinggi pada masa hadapan.**

*Overall, based on the feedback received from the participants, this HRMC conference has achieved its objectives as well as enhancing participants' knowledge in public sector human resource management. Proposed improvements by the conference participants especially for implementation-related sessions will be considered in an effort to make this conference one of the most exclusive and high impact JPA signature programmes in the future.*



Majlis Perasmian dan Sesi Townhall KPPA.




Sesi Plenari.





Sesi Selari HRMC 2019.




Sesi Klinik Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam.

## PEMANTAPAN PEKELILING PELAKSANAAN DASAR PEMISAH (EXIT POLICY) BAGI PEGAWAI YANG BERPRESTASI RENDAH DALAM PERKHIDMATAN AWAM

### STRENGTHENING THE EXIT POLICY IMPLEMENTATION CIRCULAR FOR LOW-PERFORMING OFFICERS IN THE CIVIL SERVICE

**Program ini diadakan setelah mengambil kira maklum balas yang diterima dan keputusan Mesyuarat Panel Penilai Dasar Pemisah, yang mana terdapat pelbagai isu yang dibangkitkan oleh Kementerian/Jabatan/Agensi serta Kerajaan Negeri yang memerlukan JPA meneliti serta mengkaji semula Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2015: Pelaksanaan Dasar Pemisah (Exit Policy) Bagi Pegawai Yang Berprestasi Rendah Dalam Perkhidmatan Awam (PP 7/2015).**

*The program was organized with respect to the feedback received and decision made by the Exit Policy Evaluation Panel Meeting on various issues raised by the Ministries / Departments / Agencies and State Governments that require JPA to review the 7th Public Service Circular year 2015: Implementation of Exit Policy for low performing officers in the civil service*

**Selaras dengan objektif Bahagian Perkhidmatan, JPA yang bertanggungjawab dalam menentukan Perkhidmatan Awam mempunyai anggota yang cemerlang melalui penggubalan dan pelaksanaan dasar perkhidmatan dan kerjaya yang strategik dan berkesan, Mesyuarat Kerja ini menjadi satu inisiatif dalam memastikan Pekeliling Pelaksanaan Dasar Pemisah sentiasa relevan dan sesuai digunapakai oleh semua sektor Perkhidmatan Awam sama ada Persekutuan atau Negeri.**

*In line with the objectives of the Services Division, the Public Service Department (PSD) is responsible to determine that the Public Service has excellent members through the formulation and implementation of strategic and effective service and career policies. This Working Meeting is an initiative to ensure the Separation Policy Implementation Circular is always relevant and appropriate for all sectors of Public Service; be it at Federal or State level.*



Ucapan alu-aluan oleh YBhg. Datuk Abd Shukor bin Mahmood, Pengarah Bahagian Perkhidmatan.





Taklimat Urus Setia.










Pembentangan oleh peserta mengikut tajuk-tajuk yang diberikan.

## PELAKSANAAN PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN AWAM TAHUN 2019

PUBLIC SERVICE EXAMINATION 2019

**Bagi Tahun 2019 sebanyak 33 urusan Peperiksaan Perkhidmatan Awam (PPA) telah dilaksanakan dengan jayanya. Ianya melibatkan 40,826 permohonan untuk menduduki peperiksaan bagi tujuan Pengesahan Dalam Perkhidmatan (PDP), Faedah Kewangan, Kenaikan Pangkat dan Peningkatan Secara Lantikan (PSL).**

*For the year 2019, JPA have conducted 33 Public Service Examinations which involve 40,826 applicants applied for various purposes, such as confirmation of service, PDP financial incentives, promotion and promotion through appointment.*

| BIL. *(NO)* | JENIS PEPERIKSAAN *(TYPE OF EXAMINATION)* | JUMLAH URUSAN *(VOLUME)* | JUMLAH CALON *(TOTAL CANDIDATE)* | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | MOHON *(APPLICATION)* | HADIR *(PRESENT)* | LULUS *(PASS)* |
| 1 | Pengesahan Dalam Perkhidmatan *(Confirmation of Service)* | 26 | 19,671 | 18,617 | 9,843 |
| 2 | Faedah Kewangan *(Financial Incentives)* | 2 | 472 | 280 | 10 |
| 3 | Kenaikan Pangkat (PLV) *(Promotion)* | 2 | 710 | 310 | 8 |
| 4 | Peningkatan Secara Lantikan *(Promotion Through Appointment)* | 2 | 19,973 | 13,891 | 1,101 |
| | **JUMLAH** *(TOTAL)* | **2** | **40,826** | **33,098** | **10,962** |

## STATISTIK PENGAMBILAN PEGAWAI PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN TAHUN 2019

RECRUITMENT STATISTICS OF FEDERAL COMMUNITY SERVICE OFFICERS IN 2019

**Seramai 1260 orang pegawai Perkhidmatan Gunasama telah dilantik pada tahun 2019 yang terdiri daripada 341 orang pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) dan 919 orang pegawai Kumpulan Pelaksana seperti berikut:**

*A total of 1,260 Shared Services officers were appointed in 2019, consisting of 341 officers of the Management and Professional Group (T&L) and 919 officers of the Implementing Group as follows:*

| BIL. | SKIM PERKHIDMATAN | GRED | JUMLAH |
|---|---|---|---|
| 1. | Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) | M41 | 336 |
| 2. | Pegawai Latihan Vokasional (PLV) | DV42 | 5 |
| 3. | Pegawai Psikologi (PPsi) | S41 | - |
| 4. | Penolong Pegawai Latihan Vokasional (PPLV) | DV29 | - |
| 5. | Penolong Pegawai Psikologi (PPPsi) | S29 | - |
| 6. | Penolong Pegawai Tadbir (PPT) | N29 | 436 |
| 7. | Setiausaha Pejabat | N29 | - |
| 8. | Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi) | N19 | 124 |
| 9. | Pembantu Tadbir (Kewangan) | W19 | 195 |
| 10. | Pembantu Setiausaha Pejabat (PSP) | N19 | 99 |
| 11. | Pembantu Latihan Vokasional | DV19 | - |
| 12. | Pegawai Khidmat Pelanggan (PKP) | N19 | 65 |
| | JUMLAH KESELURUHAN | | 1,260 |

## PENGANUGERAHAN PINGAT PERKHIDMATAN CEMERLANG (PPC) TAHUN 2019

2019 SERVICE EXCELLENCE MEDAL (PPC) AWARDS

**Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) merupakan pingat dizahirkan oleh Yang di-Pertuan Agong bagi pegawai Perkhidmatan Awam yang menunjukkan kecemerlangan luar biasa dalam tugas yang diamanahkan serta aktif dalam penglibatan dan sumbangan di luar tugas rasmi termasuk aktiviti kesukarelaan, kemasyarakatan, sukan, kebudayaan dan sebagainya yang boleh mengharumkan nama organisasi dan negara.**

*The Service Excellence Medal (PPC) is a medal presented by the Yang di-Pertuan Agong to Public Service officers who have demonstrated excellence in their tasks and are active in their involvement and contributions outside of official duties including volunteer work, community work, sports, culture and others that are deemed outstanding towards their organisation and country.*

**Pegawai yang dianugerahkan PPC akan menerima insentif seperti berikut:**

*Officials awarded the PPC will receive the following incentives:*

i. **Satu Pingat Perkhidmatan Cemerlang;**
   *One Service Excellence Medal;*
ii. **Sijil Pingat Perkhidmatan Cemerlang; dan**
   *One Service Excellence Certificate; and*
iii. **Sijil Simpanan Premium bernilai RM1,000.**
   *Premium Savings Certificate worth RM1,000.*

**Pegawai juga akan diberi peluang dan keutamaan dalam:**

*Officers will also be given the opportunity and priority in:*

i. **Pembangunan kerjaya seperti menghadiri kursus, seminar atau persidangan yang boleh menyumbang kepada peningkatan prestasi kerja; dan**
   *Career development such as attending courses, seminars or conferences that may contribute to improving work performance; and*
ii. **Pencalonan untuk menerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan atau Negeri.**
   *Nomination to receive the Federal, State, and State awards and degrees.*

| Bil. *No.* | Kementerian / SUK *Ministry / State Secretary* | Jumlah Lulus *Total Eligible* | Kumpulan Perkhidmatan *Service Group* | |
|---|---|---|---|---|
| | | | P&P *Officers* | Pelaksana *Support Staff* |
| 1 | **Jabatan Perdana Menteri** *Prime Minister's Department* | 2 | 1 | 1 |
| 2 | **Kementerian Pendidikan Malaysia** *Ministry of Education Malaysia* | 9 | 8 | 1 |
| 3 | **Kementerian Dalam Negeri** *Ministry of Home Affair* | 2 | - | 2 |
| 4 | **Kementerian Kesihatan Malaysia** *Ministry of Health Malaysia* | 2 | 2 | - |
| 5 | **Kementerian Kewangan** *Ministry of Finance* | 1 | 1 | - |
| 6 | **Kementerian Wilayah Persekutuan** *Ministry of Federal Territories* | 2 | 1 | 1 |
| 7 | **Kementerian Kerja Raya** *Ministry of Works* | 1 | 1 | - |

| Bil. *No.* | Kementerian / SUK *Ministry / State Secretary* | Jumlah Lulus *Total Eligible* | Kumpulan Perkhidmatan *Service Group* | |
|---|---|---|---|---|
| | | | P&P *Officers* | Pelaksana *Support Staff* |
| 8 | Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani *Ministry of Agriculture and Agro-based Industry* | 1 | - | 1 |
| 9 | Kementerian Pembangunan Luar Bandar *Ministry of Rural Development* | 2 | 1 | 1 |
| 10 | Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia *Ministry of Communications and Multimedia Malaysia* | 1 | - | 1 |
| 11 | Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat *Ministry of Women, Family and Community Development* | 1 | - | 1 |
| 12 | Kementerian Sumber Manusia *Ministry of Human Resources* | 3 | 2 | 1 |
| 13 | Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim *Ministry of Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change* | 1 | - | 1 |
| 14 | Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli *Ministry of Water, Land and Natural Resources* | 1 | - | 1 |
| 15 | Kementerian Industri Utama *Ministry of Primary Industries* | 1 | 1 | - |
| 16 | Pejabat SUK Terengganu *Office of the Terengganu State Secretary* | 1 | - | 1 |
| 17 | Pejabat SUK Pahang *Office of the Pahang State Secretary* | 2 | 2 | - |
| | **JUMLAH** *TOTAL* | 33 | 20 | 13 |

# BAHAGIAN SARAAN (BS)

## 1. MESYUARAT MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN

THE NATIONAL JOINT COUNCIL

**Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) merupakan platform rasmi yang telah disediakan oleh Kerajaan bagi mewujudkan hubungan majikan-pekerja yang harmoni dalam perkhidmatan awam sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1992. Pelaksanaan Mesyuarat MBK bagi tahun 2019 telah dilaksanakan seperti berikut:**

*The National Joint Council (NJC) is the official platform provided by the Government to establish harmonious employer-employee relations in the public service as set out in Service Circular No. 2 of 1992. The implementation of the NJC Meeting for 2019 has been implemented as follows:*

| BIL | PERKARA | TARIKH | TEMPAT |
|---|---|---|---|
| 1 | Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-Pekerja Pengurusan dan Profesional (MBK P&P)<br>*National Joint Council Meeting for Management and Professional Employees (MBK P&P)* | 19 Julai 2019<br>*19 July 2019* | Tamu Hotel & Suites, Kuala Lumpur |
| 2 | Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-Pekerja Sains dan Teknologi Dalam Kumpulan Pelaksana (MBK S&T)<br>*National Joint Council Meeting for Science and Technology Workers in the Support Staff Group (MBK S&T)* | 23 Ogos 2019<br>*23 August 2019* | Swiss Garden Beach Resort, Kuantan, Pahang |
| 3 | Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-Pekerja Am Dalam Kumpulan Pelaksana (MBK Am)<br>*National Joint Council Meeting for General Workers in the Support Staff Group (MBK Am)* | 2 Ogos 2019<br>*2 August 2019* | Doubletree By Hilton Hotel, Melaka |

**Secara keseluruhannya, perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat MBK tahun 2019 telah menyentuh beberapa aspek seperti cadangan berkaitan elaun dan bayaran insentif, skim perkhidmatan, perjawatan dan kemudahan.**

*Overall, the matters discussed at the 2019 MBK meeting touched on several aspects such as allowance and incentives, service schemes, posts and benefits.*



Mesyuarat MBK P&P.



Mesyuarat MBK S&T.



Mesyuarat MBK AM.

## 2. SESI PERTEMUAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM (KPPA) BERSAMA KONGRES KESATUAN PEKERJA-PEKERJA DI DALAM PERKHIDMATAN AWAM (CUEPACS) DAN WAKIL PIHAK PEKERJA MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN (MBK)

MEETING SESSIONS OF THE DIRECTOR GENERAL OF PUBLIC SERVICE (KPPA) WITH THE CONGRESS OF UNION OF EMPLOYEES IN THE PUBLIC AND CIVIL SERVICES (CUEPACS) AND EMPLOYEE REPRESENTATIVES FROM THE NATIONAL JOINT COUNCIL (NJC)

**Sesi pertemuan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) Bersama Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) dan wakil Pihak Pekerja Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) telah diadakan sebanyak dua (2) kali bagi tahun 2019 iaitu pada 16 Mei 2019 di TH Hotel, Kota Kinabalu, Sabah dan 21 November 2019 di Jabatan Perkhidmatan Awam. Sesi pertemuan tersebut bertujuan mengeratkan hubungan Pihak Pekerja dan Pihak Pegawai di samping berkongsi pandangan dan berbincang mengenai isu-isu semasa bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan awam secara keseluruhan.**

*Meeting sessions of KPPA with CUEPACS and employee representatives from MBK was held twice (2) in 2019 which was on May 16 in TH Hotels, Kota Kinabalu, Sabah and November 21 at the Public Service Department. The sessions aim to strengthen the relationship between the Employee and the Officers and share their views as well as discuss current issues to enhance the efficiency and effectiveness of the public service.*



Sesi Pertemuan KPPA Bersama CUEPACS dan Wakil Pihak Pekerja MBK 2019 : 16 Mei 2019.



Sesi Pertemuan KPPA Bersama CUEPACS dan Wakil Pihak Pekerja MBK 2019 : 21 November 2019.

## 3. PERSIDANGAN MAJLIS BERSAMA JABATAN PERINGKAT PERSEKUTUAN DAN NEGERI TAHUN 2019

2019 FEDERAL AND STATE DEPARTMENT JOINT COUNCIL CONFERENCE

**Persidangan Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Peringkat Persekutuan dan Negeri Tahun 2019 telah diadakan dengan jayanya pada 29 April 2019 (Isnin) bertempat di Perdana Ballroom, Hotel Palm Garden, IOI Resort City, Putrajaya. Persidangan yang menghimpunkan wakil-wakil dari Kementerian dan Pentadbiran Kerajaan Negeri ini merupakan program tahunan yang dianjurkan Bahagian Saraan, JPA bertujuan untuk membentangkan prestasi keaktifan dan penyelesaian isu bagi penganjuran Mesyuarat MBJ di agensi-agensi. Perasmian persidangan ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Awang Alik bin Jeman, Pengarah Bahagian Saraan.**

*The 2019 Federal and State Department Joint Council (MBJ) Conference was successfully held on April 29, 2019 (Monday) at the Prime Ballroom, Hotel Palm Garden, IOI Resort City, Putrajaya. The conference, which brings together representatives from the Ministries and State Governments, is an annual program organised by the Remuneration Division, JPA, aimed to table the turnouts and resolve issues for organising MBJ meetings in agencies. The opening of this conference was officiated by YBhg. Datuk Awang Alik bin Jeman, Director of Remuneration Division.*

**Di dalam persidangan ini, wakil-wakil Kementerian dan Pentadbiran Kerajaan Negeri telah disarankan untuk sentiasa memelihara dan mengekalkan hubungan baik di antara pihak majikan dan pekerja selain memastikan permasalahan yang dibangkitkan sewaktu mesyuarat MBJ ditangani secara berkesan dan segera. Ini bagi mewujudkan suasana positif yang memberi manfaat kepada Jabatan yang akhirnya boleh menyumbang ke arah peningkatan kualiti dan prestasi perkhidmatan awam.**

*During this conference, representatives of the Ministry and State Governments were encouraged to uphold and maintain good working relationships between employers and employees while ensuring that issues raised during the MBJ meetings were effectively and promptly addressed. This is to create a positive environment that benefits the Department which ultimately contributes to improving the quality and performance of the public service.*



**Persidangan MBJ 2019 turut dimanfaatkan dengan sesi perkongsian ilmu mengenai Amalan Terbaik Pengurusan MBJ oleh Encik Mohd Zakuan bin Haji Zakaria, Setiausaha Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) dan Puan Hajah Azizah binti Lockman, Ketua Unit Sumber Manusia Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) yang mewakili agensi masing-masing.**

*The 2019 MBJ Conference saw a knowledge-sharing session on MBJ Management Best Practices by Mr. Mohd Zakuan bin Haji Zakaria, Secretary of the Ipoh City Council (MBI) and Mrs Hajah Azizah binti Lockman, Malaysian Palm Oil Board (MPOB) Head of Human Resource Unit, which they were representing their departments respectively.*

**Selain daripada itu, program senaman ringan atau X-Break turut diselitkan di samping taklimat mengenai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2019 (PP 5/2019) bertajuk Pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi (WBF) di Agensi Kerajaan Persekutuan yang disampaikan oleh Encik Mohd Zuhaidy bin A. Rahman dari Bahagian Saraan, JPA. Sesi perkongsian ilmu yang diadakan adalah sebagai nilai tambah kepada ahli-ahli mesyuarat yang hadir.**

*In addition, a lightweight exercise programme or X-Break was also included in addition to a briefing on Circular Service 5 of 2019 (PP 5/2019) entitled Flexible Working Hours (WBF) at the Federal Government Agency presented by Mr. Mohd Zuhaidy bin A. Rahman from the Remuneration Division, JPA. The knowledge sharing sessions added more value for the participants in attendance.*




K.E.J.S
SUK KEDAH
SUK TERENGGANU
SUK PERLIS



## WAKTU BEKERJA FLEKSI (WBF) (PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 5 TAHUN 2019)

FLEXIBLE WORKING HOURS (SERVICE CIRCULAR NO. 5 OF 2019)






# Waktu Bekerja Fleksi 1 Ogos

**Putrajaya:** Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menerusi Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2019 memaklumkan kerajaan bersetuju supaya Waktu Bekerja Fleksi (WBF) dilaksanakan di semua agensi kerajaan Persekutuan di seluruh negara mulai 1 Ogos depan.

Menerusi pekeliling ditandatangani Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Datuk Seri Borhan Dolah itu, WBF diperkenalkan bagi menggantikan Waktu Bekerja Berperingkat (WBB) yang dilaksanakan di agensi Kerajaan Persekutuan di seluruh negara sejak 1998.

Menurut pekeliling sama, WBB dilaksanakan adalah sepertimana ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2017 terdiri daripada empat Waktu Peringkat (WP) iaitu WP1, WP2, WP3 dan WP4 iaitu pegawai boleh bekerja mengikut WP dipilih dengan kelulusan Ketua Jabatan mulai 1 Januari tahun lalu.

Selepas itu, kerajaan membuat penambahan empat lagi WP yang dilaksanakan khusus pada bulan Ramadan iaitu WP5, WP6, WP7 dan WP8.

Selaras dengan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas, kerajaan bersetuju menambah baik aturan kerja sedia ada daripada persekitaran kerja yang tegar kepada persekitaran kerja yang fleksibel dengan melaksanakan WBF di agensi Kerajaan Persekutuan.

Sebelum ini, WBF secara rintis dilaksanakan di kementerian dan jabatan persekutuan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Perlis, Perak, Selangor, Johor, Terengganu, Sarawak serta Sabah mulai 1 Mac lalu.

Berdasarkan hasil kajian rintis ini, kerajaan bersetuju WBF dilaksanakan di semua agensi Kerajaan Persekutuan di seluruh negara.

WBF adalah masa bekerja fleksibel iaitu pegawai diberi fleksibiliti hadir bekerja dalam tempoh waktu masuk dan waktu pulang ditetapkan dengan syarat memenuhi tempoh waktu bekerja sehari.

Dengan pelaksanaan WBF, bagi Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan, waktu masuk kerja adalah jam 7.30 pagi hingga jam 9 pagi dan waktu pulang pula antara jam 4.30 hingga jam 6 petang.

Manakala bagi Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor, waktu masuk kerja adalah jam 7.30 pagi hingga jam 9 pagi bagi Ahad hingga Khamis dan waktu pulang pula adalah jam 4.30 petang hingga jam 6 petang bagi Ahad hingga Rabu serta jam 3 petang hingga jam 4.30 petang bagi Khamis.

**FAKTA**
Laksana di semua agensi kerajaan Persekutuan seluruh negara

# BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN (BMI)

## MAJLIS PENYAMPAIAN AMANAT KEPADA PENERIMA HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (HLP) DAN CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH TANPA BIASISWA (CBBPTB) SESI 2020

FEDERAL TRAINING AWARD (HLP) AND STUDY LEAVE WITH FULL REMUNERATION WITHOUT SCHOLARSHIP (CBBPTB) RECIPIENTS' ADMONITION CEREMONY

**Majlis Amanat kepada penerima Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) dan Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa (CBBPTB) telah diadakan pada 8 Oktober 2019 bertempat di Dewan Sri Siantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3, Putrajaya dan telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Dr. Zulkapli bin Mohamed, Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Seramai 816 orang jemputan yang terdiri daripada Ketua-Ketua Perkhidmatan / Jabatan serta penerima HLP dan CBBPTB hadir ke majlis ini. Majlis ini bertujuan untuk memberikan penerangan lanjut berhubung penajaan serta tanggungjawab penerima sebelum, semasa dan selepas mengikuti pengajian di bawah tajaan HLP dan CBBPTB. Sesi penerangan telah disampaikan oleh wakil dari Bahagian Pembangunan Modal Insan, Bahagian Perkhidmatan, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).**

*The Admonition Ceremony for Federal Training Award (HLP) and Study Leave With Full Remuneration Without Scholarship (CBBPTB) Recipients were held on October 8, 2019 at the Sri Siantan Hall, Perbadanan Putrajaya Complex, Precint 3, Putrajaya and was officiated by YBhg. Dato' Dr. Zulkapli bin Mohamed, Director of Human Capital Development Division, Public Service Department (JPA). A total of 816 guests including the Heads of Services / Departments as well as HLP and CBBPTB recipients were present. The purpose of this event was to provide further information on the sponsorship and responsibilities of the recipient before, during and after the study under the HLP and CBBPTB sponsorship. The briefing session was presented by representatives from the Human Capital Development Division, Service Division, Administration Services Division and the National Institute of Public Administration (INTAN).*

**Pada tahun 2019, seramai 570 orang pegawai telah ditawarkan Hadiah Latihan Persekutuan iaitu 169 orang penerima untuk melanjutkan pengajian peringkat Ijazah Kedoktoran (Ph.D) dan 401 orang penerima untuk melanjutkan pengajian peringkat Sarjana. Daripada 169 orang penerima peringkat Ph.D, seramai 147 orang telah diluluskan untuk melanjutkan pengajian di dalam negara dan 22 orang diluluskan untuk melanjutkan pengajian di luar negara. Manakala, seramai 374 orang penerima Sarjana telah diluluskan untuk melanjutkan pengajian di dalam negara dan 27 orang penerima Sarjana diluluskan untuk melanjutkan pengajian di luar negara.**

*In 2019, 570 officers were offered the Federal Training Award with 169 recipients continuing their Doctoral Degree (Ph.D) and 401 recipients pursuing their Master's degree. Of the 169 Ph.D recipients, 147 were approved to study locally and 22 were approved to study abroad. Meanwhile, a total of 374 Masters recipients were approved for further study in the country and 27 Masters recipients were approved for further education abroad.*

**Tambahan daripada jumlah tersebut adalah seramai 50 orang pegawai Perkhidmatan Gunasama ditawarkan kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa bagi melanjutkan pengajian peringkat Ph.D dan Sarjana.**

*Adding to this was a total of 50 Shared Service Officers who were offered Study Leave with Full Remuneration without Scholarship to further their Ph.D and Master's degrees.*









## BIASISWA YANG DI-PERTUAN AGONG (BYDPA)

### THE YANG DI-PERTUAN AGONG SCHOLARSHIP (BYDPA)

**Majlis penyampaian Biasiswa Yang di-Pertuan Agong (BYDPA) bagi sesi pengajian 2019/2020 telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, Timbalan Yang di-Pertuan Agong pada 2 Julai 2019 di Istana Negara. Dalam majlis ini seramai 11 orang calon telah ditawarkan biasiswa iaitu enam (6) orang bagi peringkat Ph.D dan lima (5) orang bagi peringkat Sarjana.**

*The presentation of the Yang di-Pertuan Agong Scholarship (BYDPA) for the 2019/2020 study session was officiated by His Highness Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, Deputy Yang di-Pertuan Agong on July 2, 2019 at the Istana Negara. At this event, 11 candidates were offered scholarships, six (6) for Ph.D and five (5) for Master's degree.*

**Program Biasiswa Yang di-Pertuan Agong (BYDPA) telah mula diperkenalkan pada tahun 2006. Biasiswa ini diperkenalkan bagi mengiktiraf kebolehan luar biasa seseorang calon, di samping memberi peluang untuk mereka melanjutkan pengajian di peringkat pasca ijazah (Sarjana dan Ph.D) di dalam dan di luar negara.**

*The Biasiswa Yang di-Pertuan Agong Scholarship (BYDPA) programme was introduced in 2006. The scholarship was introduced to recognise the outstanding ability of a candidate, while providing an opportunity for them to pursue post-graduate (Master's and Ph.D) studies locally and overseas.*

**Sebanyak 13 sesi penawaran telah dilaksanakan dengan menaja seramai 151 orang pelajar iaitu 76 orang pelajar di peringkat Ph.D dan 75 orang pelajar di peringkat Sarjana. Bidang pengajian adalah meliputi empat (4) bidang utama iaitu Sains & Teknologi, Ekonomi, Undang-undang dan Kewangan Islam.**

*A total of 13 offer sessions were conducted sponsoring 151 students, 76 students at Ph.D level and 75 undergraduate students. Area of study covers four (4) major areas of Science & Technology, Economics, Law and Islamic Finance.*



Sesi penganugerahan biasiswa oleh Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong kepada penerima.



Duli Yang Maha Mulia Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, Timbalan Yang di-Pertuan Agong bergambar bersama penerima biasiswa.

## MAJLIS PENYAMPAIAN AMANAT KEPADA PENERIMA PROGRAM PENAJAAN KUMPULAN PELAKSANA PERINGKAT IJAZAH PERTAMA BAGI PENGAJIAN SECARA SEPARUH MASA TAHUN 2019

### RECEPIENTS OF THE SUPPORT STAFF GROUP'S SCHOLARSHIP FOR FIRST DEGREE THROUGH PART-TIME COURSES PROGRAMME ADMONITION CEREMONY 2019

**Majlis Penyampaian Amanat Kepada Penerima Program Penajaan Kumpulan Pelaksana (PPKP) Separuh Masa telah diadakan pada 24 Oktober 2019 di Bilik Mesyuarat Jati, Blok C3, Jabatan Perkhidmatan Awam. Seramai 40 orang penerima tajaan hadir ke majlis ini. Amanat Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan, Jabatan Perkhidmatan Awam telah disampaikan oleh Encik Mohd Shazrizal bin Safri, Ketua Penolong Pengarah Kluster Pembangunan Strategik Dalam Perkhidmatan.**

*The Admonition Ceremony for recipients of the Support Staff Group's Scholarship For First Degree Through Part-Time Courses Programme (PPKP) was held on October 24, 2019 at the Jati Meeting Room, C3 Block, Public Services Department (JPA). About 40 recipients were in attendance at the event. The mandate from the Director of Human Capital Development Division, Public Service Department was delivered by Mr. Mohd Shazrizal bin Safri, Principal Assistant Director of the In-Service Strategic Development Cluster.*

**Majlis ini diadakan bertujuan untuk menyampaikan penerangan lanjut berhubung penajaan serta tanggungjawab penerima sebelum, semasa dan selepas mengikuti pengajian di bawah tajaan PPKP Separuh Masa. Pada tahun 2019, seramai 48 orang Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) gred 40 dan ke bawah telah ditawarkan penajaan di bawah program ini untuk pengajian peringkat Ijazah Pertama. Penajaan ini adalah hampir sama dengan penajaan Hadiah Latihan Separa Biasiswa (HLPSB) yang ditawarkan kepada Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P). Di akhir majlis ini turut diadakan proses pemurnian perjanjian dan penyerahan semula perjanjian serta Surat Tawaran Tetap kepada penerima tajaan.**

*The event was held to provide further details on the sponsorship and recipients responsibilities before, during and after studying under the sponsorship of the Part-Time PPKP. In 2019, 48 members of the Support Staff Group (AKP) grades 40 and below were offered sponsorship under this programme for their First Degree. This sponsorship is similar to the sponsorship of the Partial Scholarship Training Award (HLPSB) offered to the Management and Professional Group (P&P). At the end of the ceremony saw a process of refining the agreement and the handling it over together with the Permanent Letter Offer to the sponsor.*



## PROGRAM TAKLIMAT KEPADA PELAJAR TAJAAN PROGRAM 9A+ TAHUN 2019

### BRIEFING FOR THE 2019 9A+ SPONSORED STUDENTS PROGRAMME

**Program taklimat kepada pelajar tajaan program 9A+ telah diadakan pada 4 Mei 2019 di Auditorium, Jabatan Perkhidmatan Awam dan dirasmikan oleh YBhg. Dato' Dr. Zulkapli bin Mohamed, Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan (BMI). Turut hadir bersama ialah barisan Timbalan-timbalan Pengarah Bahagian dan wakil-wakil pegawai-pegawai BMI.**

*A briefing for students sponsored by the 9A+ programme was held on May 4, 2019 at Public Service Department's auditorium and officiated by YBhg. Dato' Dr. Zulkapli bin Mohamed, Director of Human Capital Development Division (BMI). Also present were the Deputy Directors and BMI officials.*

**Seramai 527 pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2018 telah dikenal pasti layak untuk ditaja di bawah program ini dan calon-calon adalah terdiri daripada pelajar-pelajar cemerlang lepasan SPM dari pelbagai lapisan kaum dan etnik dari seluruh negeri di Malaysia.**

*A total of 527 students of Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2018 have been identified as eligible to be sponsored under the programme and the candidates are outstanding SPM students from all walks of life and ethnicities throughout Malaysia.*

**Program Penajaan 9A+ merupakan penajaan kepada pelajar cemerlang lepasan SPM yang mendapat keputusan sekurang-kurangnya 9A+ dalam mana-mana mata pelajaran untuk melanjutkan pelajaran ke universiti-universiti di dalam negara. Calon-calon yang ditawarkan penajaan adalah secara Pinjaman Boleh Ubah (PBU) untuk mengikuti pengajian peringkat persediaan sehingga ke peringkat Ijazah Pertama tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dan pengiktirafan bidang.**

*The 9A+ Sponsorship Programme is awarded to SPM graduates who have achieved at least 9A+ in any subject to pursue their studies at universities local. The candidates who were offered sponsorships are subject to a Flexible Loan (PBU) to pursue preparatory studies up to the First Degree subject to the requirements and recognised fields of study.*




**Melalui program ini pihak BMI dapat memberi penjelasan kepada pelajar-pelajar serta ibu bapa berhubung dasar penajaan JPA, mekanisme penawaran dan perkara-perkara berkaitan ikatan perjanjian di antara pihak pelajar dan pihak Kerajaan. Platform ini juga memberi peluang kepada pelajar-pelajar untuk berinteraksi secara terus dengan pegawai-pegawai JPA bagi mendapatkan penjelasan yang lebih terperinci kepada persoalan-persoalan berkaitan JPA di bawah Program Penajaan 9A+.**

*Through this programme, BMI is able to provide information to students and parents regarding JPA's sponsorship policies, offer mechanisms and matters related to the agreement between students and the Government. The platform also provides opportunities for students to interact directly with JPA officials for a more detailed explanation of JPA-related questions under the 9A+ Sponsorship Programme.*





## PROGRAM PELAJAR CEMERLANG (PPC) TAHUN 2019
2019 OUTSTANDING STUDENT (PPC) PROGRAMME

**Program Pelajar Cemerlang (PPC) Tahun 2019 merupakan program penajaan di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam bentuk Pinjaman Boleh Ubah yang dikhususkan kepada 300 pelajar cemerlang lepasan Ijazah Pertama / Sarjana tajaan JPA untuk menyambung pengajian ke peringkat Sarjana atau Kedoktoran dalam pelbagai bidang di universiti yang telah dikenal pasti oleh JPA. Program penajaan ini merupakan usaha Jabatan ini dalam mengiktiraf kecemerlangan pelajar tajaan di peringkat Ijazah Pertama / Sarjana dan memberi nilai tambah kepada penajaan sedia ada.**

*2019 Outstanding Student Programme (PPC) is a sponsorship programme under the Public Service Department (JPA) in the form of a Flexible Loan dedicated to 300 graduate / postgraduate students pursuing Masters or Doctoral studies in various fields at a university that JPA has identified. This sponsorship programme is the Department's attempt to recognise the excellence of undergraduate and graduate students and to add value to existing sponsorships.*

**Penajaan ini memfokuskan kepada bidang pengajian meliputi bidang keutamaan dan strategik serta lain-lain bidang yang ditetapkan oleh Kerajaan selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-11 dan 12 bidang utama di bawah Aktiviti Ekonomi Utama Nasional atau *National Key Economic Area (NKEA).***

*The sponsorship focuses on areas of study covering priority and strategic areas as well as other areas set by the Government in accordance with the 11th Malaysia Plan and 12 key areas under the National Key Economic Area (NKEA).*

**Bagi tahun 2019, sebanyak 249 penajaan telah diberikan kepada seramai hampir 200 calon di dalam negara dan selebihnya akan menyambung pengajian di luar negara termasuklah ke United Kingdom, Australia dan Jepun. Selain itu, penajaan juga diberikan mengikut agihan bidang iaitu sebanyak 35% untuk bidang Kejuruteraan & Teknikal, 35% untuk bidang Sains & Teknologi dan sebanyak 30% untuk bidang Sains Sosial sepertimana carta di bawah:**

*For 2019, a total of 249 sponsorships have been awarded to nearly 200 candidates locally and the rest will continue to study abroad including the United Kingdom, Australia and Japan. In addition, sponsorships were also awarded ratios of 35% for Engineering & Technical fields, 35% for Science & Technology and 30% for Social Science fields as per the chart below:*



## PROGRAM DERMASISWA B40 TAHUN 2019

2019 DERMASISWA B40 PROGRAMME

**Program Dermasiswa B40 mula diperkenalkan pada tahun 2016 di bawah Model Baharu Penajaan. Program ini mensasarkan kepada pelajar-pelajar yang sedang mengikuti pengajian peringkat Diploma dan Sijil Profesional daripada latar belakang keluarga berpendapatan rendah, iaitu golongan B40 untuk diberi penajaan secara kaedah Dermasiswa.**

*The Dermasiwa B40 Programme was introduced in 2016 under the New Sponsorship Model. The programme is aimed at students pursuing Diploma and Professional Certificates from a low-income family background, which is from the B40 class for sponsorship through the Dermasiswa method.*

**Objektif pelaksanaan program ini adalah bagi membantu pelajar-pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi, khususnya diploma bidang TVET dan sijil profesional yang mempunyai prospek tinggi kepada industri. Ini adalah selaras dengan strategi Rancangan Malaysia Ke-11 untuk meningkatkan pendapatan dan kekayaan isi rumah B40 dengan meningkatkan akses kepada pendidikan tinggi dan latihan kemahiran.**

*The objective of implementing this programme is to help students with SPM education among low-income families to pursue higher education, especially TVET diplomas and professional certificates with high prospects in the industry. This is in line with the strategy of the 11th Malaysia Plan which is to increase B40 household income and wealth by increasing access to higher education and training.*

**Peringkat pengajian yang ditaja di bawah program ini ialah Diploma dan Sijil Profesional secara sepenuh masa dengan bilangan tajaan sebanyak 1500 tempat. Bagi tahun 2019, penajaan adalah melibatkan pengajian yang ditawarkan oleh Universiti Awam, Politeknik, Institut Kemahiran Awam, UniKL Malaysia Institute of Aviation Technology (UniKL MIAT), UniKL Malaysia Institute of Marine Engineering Technology (UniKL MIMET), Kolej Universiti Poly-Tech MARA (KUPTM) dan universiti bertaraf Government Linked Universities (GLU) serta Nilai University dan DRB-HICOM University of Automotive Malaysia.**

*Courses sponsored by the programme are full-time Diplomas and Professional Certificates with a number of 1500 places. For 2019, sponsorships include courses offered by the Public Universities, Polytechnic, Public Skills Institute, UniKL Malaysia Institute of Aviation Technology (UniKL MIAT), UniKL Malaysia Institute of Marine Engineering Technology (UniKL MIMET), MARA Poly-Tech University College (KUPTM) and Government Linked Universities (GLU) as well as the Nilai University and DRB-HICOM University of Automotive Malaysia.*

# BAHAGIAN PASCA PERKHIDMATAN (BP)

## MAJLIS PERMUAFAKATAN PESARA
PENSIONERS UNITY COUNCIL

**Majlis Permuafakatan Pesara (MPP) merupakan:**
*Pensioners Unity Council (MPP) is:*

a. **Medium hubungan rasmi dua hala secara berkala di antara pihak Kerajaan dan pihak pesara;**
*A periodic formal medium for bilateral relations between the Government and the pensioners;*

b. **Platform bagi perbincangan dan perundingan di antara pihak Kerajaan dan pesara dalam mengutarakan isu-isu semasa yang berkaitan dengan kepentingan dan kebajikan pesara; dan**
*A platform for discussions and consultations between the Government and retirees to address current issues related to the interests and welfare of pensioners; and*

c. **Saluran komunikasi Kerajaan untuk menyampai segala cadangan dasar dan perubahan baharu yang hendak dilaksanakan dengan mendapatkan pandangan, pendapat dan ulasan melalui wakil persatuan.**
*Government communication channel to inform all policy proposals and new changes that need to be made by seeking views, opinions and comments through association representatives.*

**Tujuan mesyuarat ini adalah untuk membincangkan isu-isu dan cadangan yang dikemukakan oleh persatuan-persatuan pesara bagi menghargai sumbangan dan jasa semua pesara sepanjang tempoh perkhidmatan sebagai penjawat awam.**
*The purpose of the meeting was to discuss issues and suggestions put forth by the pensioner associations in recognition of the contributions and services of all pensioners during the period of service as civil servants*.



## PERUNTUKAN PERBELANJAAN FAEDAH PERSARAAN
SPENDING PROVISION OF PENSION BENEFITS

**Bagi Tahun 2019, sejumlah 46,283 pesara baru telah diluluskan faedah persaraan melibatkan perbelanjaan berjumlah RM6,978,794,585.63 manakala jumlah keseluruhan pesara adalah 837,484 orang dengan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM24,905,102,079.70.**
*For the year 2019, a total of 46,283 new retirees are approved to pension benefits totaling RM6,978,794,585.63 while the total number of retirees are 837,484 with expenses of RM24,905,102,079.70.*

PERBELANJAAN FAEDAH PERSARAAN TAHUN 2015 – 2019
*Spending of Pension Benefits 2015 – 2019*

| PERKARA - (*ITEM*) | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 |
|---|---|---|---|---|---|
| Ganjaran<br>*Reward* | 4,613,920,861.10 | 5,452,575,786.83 | 5,506,776,428.96 | 5,963,382,767.44 | 5,561,845,485.70 |
| Pencen Sedia Ada<br>*Existing Pensions* | 12,195,861,044.72 | 13,466,508,403.37 | 14,900,610,751.80 | 16,410,820,222.94 | 17,924,336,001.02 |
| Pencen Pesara Baharu<br>*New Retiree Pensions* | 647,424,034.58 | 751,833,803.05 | 808,062,499.29 | 782,161,476.57 | 749,140,106.95 |
| Gantian Cuti Rehat<br>*Cash Award In Lieu of Accumulate Leave* | 526,805,432.38 | 686,006,510.91 | 659,637,381.95 | 707,146,852.73 | 667,808,992.98 |
| Elaun<br>*Allowance* | 2,085,345.84 | 2,645,920.92 | 3,133,060.67 | 1,996,879.91 | 1,971,493.05 |
| Jumlah<br>*Total* | 17,986,096,718.62 | 20,359,570,425.08 | 21,878,220,122.67 | 23,865,508,199.59 | 24,905,102,079.70 |

## RINGKASAN KESELURUHAN DARIPADA TAHUN 2015-2019 ADALAH SEPERTI BERIKUT:



## PROGRAM MENYANTUNI PESARA UZUR DI SARAWAK, PERAK DAN SEMPORNA, SABAH

VISIT CSR PROGRAMME IN SARAWAK, PERAK AND SEMPORNA, SABAH

**Pada 19 hingga 21 April 2019 yang lalu, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), YBhg. Datuk Seri Borhan Bin Dolah bersama-sama Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi); YBhg. Dato' Suhaime Bin Mahbar dan Pengarah-Pengarah Bahagian serta delegasi pegawai JPA telah melawat pesara uzur Encik Ojen Bin Liman yang berumur 100 tahun telah bersara semenjak 1 Januari 1975 dan seterusnya melawat balu pesara yang sedang uzur iaitu Puan Aishah Binti Md Malbari yang telah menerima pencen terbitan semenjak 16 Julai 1998 setelah kematian suaminya gemulah Encik Sepet Bin Chee setelah bersara wajib pada 1 Januari 1980.**

*From April 19 to 21, 2019, the Director General of Public Service (KPPA), YBhg. Datuk Seri Borhan Bin Dolah along with Deputy Director General of Public Service (Operations); YBhg. Dato 'Suhaime Bin Mahbar and Division Directors as well as delegation of JPA officers visited the retired 100-year-old Mr. Ojen bin Liman, a pensioner since January 1, 1975 and visited an ailing, retiree's widow, Mrs. Aishah binti Md Malbari who had received pensions issued since 16 July 1998 after the death of her husband, Mr Sepet Bin Chee after her compulsory retirement on 1 January 1980.*

**Program ini turut dihadiri oleh wakil Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Kuching, Pejabat Baitulmal Sarawak dan wakil daripada Persatuan Pesara Kerajaan Sarawak. Semasa lawatan ini juga, YBhg. Datuk Seri KPPA telah menyampaikan bantuan daripada JKM, bantuan zakat, penyerahan kerusi roda, bantuan keperluan harian, sijil penghargaan dan kad pesara kepada Encik Ojen dan Puan Aishah.**

*The programme was also attended by representatives from the Kuching Division of Public Welfare Office, JKM the Sarawak Baitulmal Office and representatives from the Sarawak Government Pensioners Association. During this visit, YBhg. Datuk Seri KPPA presented assistance from JKM, zakat aid, wheelchairs, daily necessities, certificates of appreciation and pension cards to Mr. Ojen and Mrs. Aishah.*

**Seterusnya pada 17 Mei 2019, delegasi JPA yang diketuai oleh YBhg. Datuk Teo Khian How, Pengarah Bahagian Pasca Perkhidmatan JPA telah melawat Puan Nor Hafizah Yulisailani, 35, yang berkhidmat di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) di rumah beliau di Parit, Perak Darul Ridzuan. Puan Nor Hafizah Yulisailani disahkan mengalami saraf otak tidak berfungsi (mati otak) sejak lebih 2 tahun lalu.**

*On May 17, 2019, a JPA delegation led by YBhg. Datuk Teo Khian How, Post Service Division Director, JPA visited Mrs. Nor Hafizah Yulisailani, 35, who works at the National Registration Department (JPN) at her home in Parit, Perak Darul Ridzuan. Mrs. Nor Hafizah Yulisailani has been diagnosed with brain damage for over 2 years.*

**Suaminya, Encik Nizam yang sebelum ini menghadapi kesukaran untuk mengeluarkan duit pencen isterinya akibat masalah dengan pihak bank telah menerima khabar baik bahawa kaedah pembayaran telah diubah kepada melalui waran (cek).**

*Her husband, Mr. Nizam, who had previously struggled to withdraw his wife's pension due to a bank dispute, has received good news that the payment method has been changed to warrants (cheques).*

**Sumbangan wang ihsan daripada warga JPA serta sumbangan berupa barangan keperluan sumbangan pihak KWAP, PDT Perak Tengah, JPN Perak, Hospital Batu Gajah, JKM Perak & ICU Perak telah diserahkan kepada suami pesara oleh YBhg. Datuk Teo.**

*Donations from JPA and aids in the form of neccesities from KWAP, Central Perak PDT, Perak JPN, Batu Gajah Hospital, JKM Perak & ICU Perak were given to the retiree's husband by YBhg. Datuk Teo.*

## PROGRAM PESARA CARE: MENYANTUNI PESARA UZUR DAN PROGRAM LAWATAN TAPAK PROJEK USAHAWAN AGROPRENEUR. 25 - 27 JULAI 2019, DAERAH SEMPORNA, SABAH

### PESARA CARE PROGRAMME: CSR VISIT AND USAHAWAN AGROPRENEUR PROJECT SITE VISIT PROGRAMME. 25 - 27 JULY 2019, SEMPORNA DISTRICT, SABAH

**Program menyantuni pesara uzur diteruskan lagi ke Daerah Semporna, Sabah pada 25 hingga 27 Julai 2019, di mana ziarah pesara uzur dimulakan dengan kunjungan kepada Puan Bunga Jaya binti Ab. Rahmat, 68 tahun di kediamannya Kg. Tanjong Kapor. Beliau yang berkhidmat selama 39 tahun, memulakan perkhidmatan pada tahun 1969 dan bersara wajib pada 2 Mac 2008.**

*The CSR visit to ailing pensioners programme resumed, this time in Semporna District, Sabah from July 25 to 27, 2019, where the CSR visit begins with a stop to Mrs. Bunga Jaya binti Ab. Mercy, 68 years old at her residence in Kg. Tanjong Kapor. She served for 39 years, starting in 1969 before retiring on March 2, 2008.*

**Turut disantuni, Encik Abdul Fatah bin Ajuram, 73 tahun yang bermula berkhidmat pada tahun 1981 dan bersara wajib pada 1 Februari 2015. Pesara yang mempunyai 10 orang anak ini, bergantung sepenuhnya dengan pencen bulanan bagi menampung keperluan harian sekeluarga selain pernah mengalami serangan strok yang menyebabkan pergerakannya terbatas.**

*Next was Mr. Abdul Fatah bin Ajuram, 73, who began serving in 1981 and retired on February 1, 2015. Retired with 10 children, he relies heavily on monthly pensions to meet the daily needs of his family besides having suffered a stroke rendering his movements limited.*

**Tempat akhir bertugas kedua-dua pesara ini ialah di Jabatan Pendidikan Negeri Sabah sebagai Guru Lepasan Diploma. Turut disampaikan semasa ziarah adalah sijil penghargaan, kad pesara baharu, barangan keperluan harian dan kerusi roda.**

*The final posting for both retirees was at the Sabah State Department of Education as a Diploma Graduate Teacher. Also presented during the visit were certificates of appreciation, new pension cards, daily necessities and wheelchairs.*

**Program Pesara Care diteruskan dengan menziarahi keluarga Allahyarham Ammahari Bin Rahali. Gemulah merupakan pesara awam, memulakan perkhidmatan pada tahun 1980 dan bersara wajib pada 17 Mei 2016 semasa bertugas sebagai Pekerja Rendah Awam Gred R4 di Pejabat Kesihatan Daerah Semporna. Beliau meninggal dunia pada 23 Julai 2019, pada usia 63 tahun akibat kanser kolon yang dihidapi.**

*The Pesara Care Programme is continued by visiting the family of the late Ammahari Bin Rahali. A goverment pensioner before his death, he started his service in 1980 and retired on May 17, 2016 while serving as a Grade R4 General Worker at the Semporna District Health Office. He passed away on July 23, 2019, at the age of 63 due to colon cancer.*

**YBhg. Datuk Seri KPPA, Datuk Seri Borhan yang turut menyatakan terima kasih atas kerjasama Persatuan Pesara Kerajaan Negeri Sabah, Cawangan Semporna dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) atau KWAP dalam menjayakan program ziarah ini.**

*YBhg. KPPA Datuk Seri Borhan also expressed his gratitude for the cooperation from the Semporna Branch Sabah State Pensioner's Association and the Retirement Fund (Incorporated) or KWAP in making this CSR visit programme a success.*







**Seterusnya YBhg. Datuk Seri KPPA telah mengadakan lawatan ke Ladang Ternakan Kambing Melikan Enterprise yang diusahakan oleh Tuan Haji Minduru bin Haji Mohd Noor yang juga merupakan Pengerusi Persatuan Pesara Kerajaan Negeri Sabah, Cawangan Semporna. Beliau telah memulakan perniagaan pada tahun 2016 dengan keluasan kandang 200' x 30'. Beliau turut menanam sendiri rumput 'Nafier' yang menjadi makanan utama kambing ternakan serta dibantu oleh seorang pekerja pada masa ini, dengan pendapatan perniagaan sekitar RM3,000.00 sebulan.**

*Next YBhg. Datuk Seri KPPA held a visit to the Melikan Enterprise Goat Farm ran by Tuan Haji Minduru bin Haji Mohd Noor who is also the Chairman of the Semporna Branch Sabah State Government Pensioner's Association. He started the business in 2016 with a 200 'x 30' cage. He also planted his own 'Nafier' grass which is the main feed of livestock and is assisted by a worker at present, earning about RM3,000.00 a month.*

**Lawatan seterusnya ke perusahaan madu kelulut yang diusahakan oleh pesara tentera, Encik Ammil Hassan Bin Anggari, 47 tahun. Beliau terdahulu telah menjalankan perniagaan nurseri secara kecil-kecilan sebelum melibatkan diri dengan peniagaan madu kelulut sejak satu setengah tahun lalu.**

*Next, was a visit to a kelulut honey company ran by military pensioner, Ammil Hassan Bin Anggari, 47 years old. He had previously started a nursery business on a small scale before joining the kelulut honey business for the past one and a half year.*

















# BAHAGIAN PENGURUSAN PSIKOLOGI (BPPs)

## MESYUARAT PANEL INTERVENSI PSIKOLOGI (PIPS) BAGI TEMPOH PEMERHATIAN DASAR PEMISAH PIPS
PSYCHOLOGICAL INTERVENTION PANEL IN (PIPS) EXIT POLICY OBSERVATION PERIOD

**Peranan dan tanggungjawab Panel Intervensi Psikologi (PIPs) ialah bagi mempertimbang dan memperakukan cadangan penentuan intervensi pegawai; dan mempertimbang dan memperakukan draf laporan keseluruhan pegawai dalam tempoh pemerhatian.**
*The Role and responsibility of the Psychological Intervention Panel (PIPs) is to consider and recommend the proposed intervention of officers; and To consider and approve the entire draft report of the officer during the observation period.*

## KEAHLIAN MESYUARAT PANEL INTERVENSI PSIKOLOGI (PIPs) BAGI TEMPOH PEMERHATIAN DASAR PEMISAH PIPs:
BOARD OF PSYCHOLOGICAL INTERVENTION PANEL IN (PIPs) EXIT POLICY OBSERVATION PERIOD:

- **Pengerusi: Pengarah Bahagian Pengurusan Psikologi, JPA;**
  *Chairman: Psychology Management Division Director, JPA;*
- **Ahli: Timbalan Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Psikologi, JPA;**
  *Member: Psychology Management Division Senior Deputy Director, JPA;*
- **Ahli: Timbalan Pengarah Bahagian Pengurusan Psikologi, JPA;**
  *Member: Psychology Management Division Deputy Director, JPA;*
- **Ahli: Ketua Kluster Kaunseling dan Psikoterapi, Bahagian Pengurusan Psikologi, JPA;**
  *Member: Head of Counseling and Psychotherapy Cluster, Psychology Management Division, JPA*;
- **Ketua / Wakil Kluster Psikologi Organisasi, Bahagian Pengurusan Psikologi, JPA;**
  *Member: Head / Representative of Counseling and Psychotherapy Cluster, Psychology Management Division, JPA;*
- **Ketua / Wakil Kluster Psikometrik, Bahagian Pengurusan Psikologi, JPA;**
  *Member: Head of Psychometric Cluster, Psychology Management Division, JPA;*
- **Urusetia: Kluster Kaunseling dan Psikoterapi Bahagian Pengurusan Psikologi, JPA; dan**
  *Secretariat: Counseling and Psychotherapy Cluster, Psychology Management Division, JPA; and*
- **Korum keahlian bagi PIPs hendaklah terdiri daripada pengerusi dan tiga (3) orang ahli lain.**
  *A quorum of members for PIPs has to at least have the chairman and three (3) other members.*

## INTIPATI LAPORAN BAHAGIAN / UNIT

- Mesyuarat Panel Intervensi Psikologi (PIPs) 2019 telah dilaksanakan seperti berikut :

  - **Bil 1: 19 Februari 2019**
    Sebanyak 12 kes dibentangkan, 11 kes diperakukan dan 1 kes digugurkan.

  - **Bil 2: 16 Mei 2019**
    9 kes Dibentangkan, 8 kes Diperakukan dan 1 kes digugurkan.

  - **Bil 3 : 17 Julai 2019**
    8 kes dibentangkan dan kesemua kes diperakukan.

  - **Bil 4 : 24 September 2019**
    10 kes dibentangkan, 6 kes diperakukan dan 4 kes digugurkan.

  - **Bil 5 : 30 Oktober 2019**
    9 kes dibentangkan dan kesemua kes diperakukan.

# BILANGAN PEGAWAI BERPRESTASI RENDAH MELALUI MESYUARAT PANEL INTERVENSI PSIKOLOGI (PIPS)



Bilangan Melalui PIPs:
**48 ORANG**



Bilangan Diperaku:
**42 ORANG**



Digugurkan:
**6 ORANG**





# BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN MAKLUMAT STRATEGIK (BPMS)

## PROGRAM TURUN PADANG

WALKABOUT PROGRAMME

**Program Turun Padang (PTP) merupakan program untuk meningkatkan libat urus di antara JPA dengan agensi-agensi yang menggunakan HRMIS. Program ini memberi peluang kepada pihak JPA untuk melihat dengan lebih dekat pelaksanaan HRMIS di agensi serta menangani permasalahan HRMIS secara bersemuka *(hands on).* Fokus PTP bagi tahun ini adalah untuk meningkatan tahap kualiti data dalam HRMIS dan memperluaskan penggunaan Sistem Analitik Sumber Manusia Sektor Awam (ASSIST) sebagai Business Intelligence (BI) di dalam pengurusan maklumat sumber manusia di agensi. Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah sesi perbincangan bersama pihak pengurusan, bengkel pemurnian data HRMIS dan pengenalan kepada sistem ASSIST serta lawatan ke ruang kerja pentadbir HRMIS. Secara keseluruhan, seramai 326 peserta daripada 164 agensi telah menghadiri bengkel yang telah diadakan sempena program PTP.**

*Walkabout Programme (PTP) is an initiative to increase the working relationships between JPA and agencies using HRMIS. This programme provides JPA with an opportunity to take a closer look at the implementation of HRMIS in the agency and address HRMIS issues head on. The focus of this year's PTP is on improving the quality of data in HRMIS and expanding the use of the Public Sector Human Resource Analytic System (ASSIST) as Business Intelligence (BI) in managing human resource information at agencies. Among the activities held were discussions with management, HRMIS data purification workshops and introduction to the ASSIST system as well as visits to HRMIS administrators workspace. In total, 326 participants from 164 agencies attended workshops held in conjunction with the PTP program.*

**Sepanjang tahun 2019, sebanyak 17 PTP telah diadakan bertempat di agensi berikut:**

*During 2019, a total of 17 PTPs have been held at the following agencies:*

- **Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)** 11 Feb 2019
- **PSUK Terengganu** 19 & 20 Mac 2019
- **PSUK Pahang** 18 & 19 Jun 2019
- **Perbadanan Kraftangan** 3 Julai 2019
- **Hospital Shah Alam**
- **PSUK Selangor** 10 & 11 Julai 2019
- **PSUK Pulau Pinang** 16 &17 Julai 2019
- **JPS Pulau Pinang** 16 Julai 2019
- **Perbadanan Bukit Bendera** 17 Julai 2019
- **FAMA** 22 Julai 2019
- **RTM** 23 Julai 2019
- **JPJ** 24 Julai 2019
- JPN Sabah 25 September 2019
- **JKM Sabah** 25 September 2019
- KEMAS Sabah 26 September 2019
- Perpaduan Sabah 25 September 2019
- **Lembaga Koko Malaysia** 25 September 2019

## FOTO-FOTO SEKITAR PROGRAM TURUN PADANG 2019:






PTP di PSUK Terengganu ( 19-20 Mac 2019)








PTP Hospital Shah Alam (9 Julai 2019)



PTP PSUK Selangor (10 -11 Julai 2019)






PTP FAMA (21 Julai 2019)



PTP RTM (23 Julai 2019)





PTP Perbadanan Kraftangan Malaysia (3 Julai 2019)




PTP Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah (25 September 2019)



# MyPROMISE

**Jabatan : Jabatan Perkhidmatan Awam**
Department : *Public Service Department*

**Pengguna : Perkhidmatan Awam**
User : *Public Service*

**Tempoh : Mei 2018 – Oktober 2018**
Duration : *May 2018 – October 2018*

## PENGENALAN PROJEK
PROJECT INTRODUCTION

**Aplikasi MyPromise dibangunkan untuk memantapkan pelaporan serta pemantauan pelaksanaan inisiatif JPA. Ia juga akan mengoptimumkan penggunaan ICT dalam menguruskan sumber manusia secara lebih efektif dan efisien dalam perkhidmatan awam. MyPromise menyokong ekosistem kerja di JPA dengan fungsi pemantauan inisiatif yang mudah, pantas, real-time dan on-the-go.**

*MyPromise was developed to enhance reporting and monitoring of JPA initiatives. It will also optimise the use of ICT in managing human resources more effectively and efficiently in the public service. MyPromise supports JPA's work ecosystem with simple, fast, real-time and on-the-go initiative monitoring functions.*

## PENGGUNA
USER

**Penjawat Awam**
*Public Servant*

**Pengurus Projek**
*Project Manager*

**Agensi Kerajaan**
*Government Agencies*

## MASALAH SEMASA
CURRENT ISSUES

**Laporan lambat diterima & disediakan**
*Slow reports received & provided*

**Pelbagai format laporan yang mengelirukan**
*Various confusing report formats*

**Perlu menunggu maklum balas pegawai secara manual (melewatkan penyediaan laporan)**
*Need to wait for manual feedback (reporting delay)*

## OBJEKTIF PROJEK
PROJECT OBJECTIVES

**Pelaporan menjadi lebih mudah**
*Reporting convenience*

**Pemantauan inisiatif yang lebih efektif**
*Effective initiative monitoring*

**Laporan real time** & on-the-go reports

## KESAN PERMASALAHAN
EFFECTS OF THE PROBLEMS

**Pelaksanaan inisiatif dibatalkan kerana proses pemantauan yang kurang efektif dan tidak dapat dilakukan secara real-time.**
*The implementation of the initiative was canceled due to a less effective monitoring process and could not be done in real-time.*

**Terdapat pelbagai inisiatif ad hoc dilaksanakan kerana pihak pengurusan tidak dapat melihat inisiatif yang telah dirancang secara menyeluruh.**
*There are various ad hoc initiatives implemented because management cannot see the initiatives that are planned in its entirety.*

## 7 PROSES PENYELESAIAN MASALAH
7 STEPS PROBLEM SOLVING PROCESS

**Empati** *Empathy* → *DEFINE* → *IDEATE* → **Prototaip** *Prototype* → **Prototaip** *Prototype* → **Pembangunan** *Development* → **Pelaksanaan** *Implementation*

## IMPAK & OUTCOME
IMPACT & OUTCOME




**Masa pelaporan menjadi lebih cepat sehingga 99.93%**
*Faster reporting time by 99.93%*

**Masa pemantauan beban tugas menjadi lebih cepat sehingga 99.99%**
*Faster workload monitoring time by 99.99%*

**Kualiti laporan meningkat**
*Improved report quality*

**Menjimatkan perbelanjaan Kerajaan – kertas, cetakan, penyelenggaraan**
*Saving Government spending – paper, prints, maintainence*

**MyPromise juga telah membuat peluasan melalui inisiatif perkongsian pintar kepada beberapa agensi.**

*MyPromise has also expanded its smart sharing initiatives to several agencies.*





Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat - 3 Julai 2019






Kementerian Hal Ehwal Ekonomi - 10 Julai 2019





Jabatan Peguam Negara - 16 Julai 2019

**MyPromise juga telah menyertai dan memenangi beberapa pertandingan:**
*MyPromise has also participated in and won several competitions:*




Anugerah Pertandingan Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif JPM 2019 – 31 Oktober 2019




Design Thinking Association of Malaysia Award - DTAM Award 2019 – 4 November 2019




PROGRAM SHARING HRMIS APPLICATION KNOWLEDGE & EXPERIENCE (SHARE) - ASSIST












Sambutan
BULAN
HRMIS
1-31 Julai 2019






(ASSIST) Siri 12 Tahun 2019
Ketepatan Data
ASSIST






PROGRAM SHARING HRMIS APPLICATION KNOWLEDGE & EXPERIENCE (SHARE) – HRMIS
















HRMIS
SUB MODUL PENANGGUNGAN KE



# BAHAGIAN PEMBANGUNAN ORGANISASI (BPO)

**Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pembaharuan Perkhidmatan Awam pada 23 Oktober 2018 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri telah bersetuju supaya Dasar Kawalan Saiz Perkhidmatan Awam (KSPA) dilaksanakan dengan pengurangan 5% perjawatan sektor awam secara berfasa iaitu pada tahun 2019 (1% - 17,151 jawatan), tahun 2020 (2% - 33,960 jawatan) dan tahun 2021 (2% - 33,281 jawatan).**

*The Public Service Reform Cabinet Committee on October 23, 2018, chaired by the Prime Minister, has agreed that the Public Service Rightsizing Policy (KSPA) be implemented with a 5% reduction in public sector phases in 2019 (1% - 17,151 posts), year 2020 (2% - 33,960 posts) and 2021 (2% - 33,281 positions).*

## KAWALAN SAIZ PERKHIDMATAN AWAM




## KAEDAH PELAKSANAAN




## TREND PERJAWATAN (2009 - 2019)

MENGIKUT PERKHIDMATAN UTAMA




**Sehingga 31 Januari 2020, Dasar KSPA telah mencapai 0.68% bersamaan pengurangan sebanyak 11,725 jawatan. Walaupun pengurangan tidak mencapai sasaran yang ditetapkan, nisbah penjawat awam dengan jumlah populasi negara mencatatkan nisbah 1:20.89, melebihi sasaran yang ditetapkan dalam RMK-11 (1:20).**

*As of January 31, 2020, the KSPA Policy had reached 0.68% with a reduction of 11,725 posts. Although the reduction did not reach the target, the ratio of civil servants to the national population recorded a ratio of 1: 20.89, exceeding the target set in the 11th Malaysia Plan (1:20).*

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| KESELURUHAN | Jumlah jawatan sektor awam sehingga 30 September 2019 **1,711,702** | **0.20%** 3,445 pengurangan jawatan sektor awam | Nisbah jawatan kepada penduduk **1:19.05** Sasaran RMK11 = 1:20 | Nisbah pengisian kepada penduduk **1:20.73** Sasaran RMK11 = 1:20 |
| KEMENTERIAN | Bilangan jawatan di Kementerian sehingga 30 September 2019 **1,536,422** | | **0.19%** 2,903 pengurangan Jawatan (Kementerian) | |
| PSUK | Bilangan jawatan di PSUK sehingga 30 September 2019 **175,280** | | **0.31%** 542 pengurangan Jawatan (PSUK) | |

**Bahagian Pembangunan Organisasi (BPO) yang berperanan dalam menggubal dan memberi khidmat nasihat berkenaan dasar perjawatan dan perskiman telah mengadakan beberapa siri mesyuarat bagi memastikan agensi sektor awam mempunyai skim perkhidmatan yang sesuai serta struktur organisasi yang cekap dan berkesan bagi membolehkan organisasi melaksanakan objektif penubuhannya. Antara mesyuarat – mesyuarat utama yang telah diadakan adalah seperti berikut:**
*The Organisational Development Division (BPO), which plays a role in formulating and advising on post and scheme policies, has held a series of meetings to ensure that public sector agencies have appropriate service schemes and efficient organisational structure to enable the organisation to carry out its objectives. Some of the key meetings held are as follows:*

## MESYUARAT JAWATANKUASA KHAS BAGI MENGKAJI JAWATAN-JAWATAN TINGKATAN TERTINGGI (JKTT)
SPECIAL COMMITTEE TO REVIEW HIGHER LEVEL POSITIONS (JKTT)

**Mesyuarat utama yang menimbang dan meluluskan urusan berkaitan penyusunan semula secara menyeluruh sesebuah Kementerian / Jabatan / Agensi dan perjawatan Kumpulan Pengurusan Tertinggi sama ada bertaraf tetap atau sementara. Mesyuarat diadakan secara berkala setiap empat (4) bulan yang dipengerusikan oleh YBhg. Ketua Setiausaha Negara. Pada tahun 2019, sebanyak 56 kertas permohonan telah diteliti dan mencapai keputusan selaras dengan dasar semasa.**
*Key meeting that considers and approve matters pertaining to the overall restructuring of a Ministry / Department / Agency and the position of the Top Management Group, whether permanent or temporary. Meetings are held periodically every four (4) months chaired by YBhg. Chief Secretary of Malaysia. In 2019, a total of 56 applications were reviewed and achieved in accordance with current policy.*

## MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK PEMBANGUNAN ORGANISASI (JIPO)
### ORGANISATIONAL DEVELOPMENT MAIN COMMITTEE

**Mesyuarat diadakan bertujuan menimbang dan memperakukan urusan berkaitan penyusunan semula secara menyeluruh sesebuah Kementerian / Jabatan / Agensi dan perjawatan Kumpulan Pengurusan Tertinggi sama ada bertaraf tetap atau sementara ke Mesyuarat JKTT. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh YBhg. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam diadakan secara berkala setiap empat (4) bulan. Pada tahun 2019, sebanyak 56 kertas permohonan telah diteliti dan diangkat ke Mesyuarat JKTT untuk kelulusan selanjutnya.**
*Meetings are held to consider and recommend matters pertaining to the overall reorganisation of a Ministry / Department / Agency and the appointment of the Top Management Group either on a permanent or temporary basis to the JKTT Meeting. Meeting is chaired by YBhg. Director General of Public Services is held periodically every four (4) months. In 2019, a total of 56 application papers were reviewed and submitted to the JKTT Meeting for further approval.*

## MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA PEMBANGUNAN ORGANISASI (JKKPO)
### ORGANISATIONAL DEVELOPMENT WORKING COMMITTEE

**Mesyuarat diadakan bertujuan menimbang dan memperakukan urusan berkaitan pewujudan, penggredan semula dan pemansuhan jawatan-jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) sama ada bertaraf tetap atau sementara, serta menimbang dan memperakukan urusan berkaitan permohonan pengukuhan perjawatan seperti perubahan struktur/ fungsi/ pindah seliaan/ kenaikan taraf yang melibatkan jawatan P&P dan Kumpulan Pelaksana. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YBhg. Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan) secara berkala sebanyak 6 kali setahun. Pada tahun 2019, sebanyak 218 kertas permohonan telah diteliti dan diperakukan selaras dengan dasar semasa.**
*Meetings are held to consider and certify matters relating to the creation, reclassification and abolition of positions of Management and Professional (P&P) group on a permanent or temporary basis, and to consider and certify matters relating to the application of the consolidation of posts such as structural / functional / change of management / enhancements of standards involving P&P and Support Staff positions. The meeting is chaired by YBhg. Deputy Director General of Public Service (Development) periodically 6 times a year. In 2019, a total of 218 applications were reviewed and certified in accordance with current policy.*






**Sesi Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pembangunan Organisasi (JKKPO) Yang dipengerusi oleh YBhg. Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan)**
*Organisational Development Working Committee (JKKPO) Session chaired by YBhg. Deputy Director General of Public Service (Development)*

## MESYUARAT KERJA BERSAMA WAKIL KEMENTERIAN / AGENSI (PENGURUS SUMBER MANUSIA) BERHUBUNG CADANGAN KAJIAN PEMBAHARUAN PERKHIDMATAN AWAM (SKIM PERKHIDMATAN)

### MINISTRY / AGENCY (HUMAN RESOURCE MANAGER) WORKING MEETING ON PROPOSED PUBLIC SERVICE REFORM STUDY (SERVICE SCHEME)

**Mesyuarat telah diadakan pada 3 hingga 4 April 2019 di Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) bertujuan:**
*The meeting was held from April 3 to 4, 2019 at the Institute for Judicial and Legal Training (ILKAP) and is aimed at:*

a) **membentangkan cadangan Kajian Pembaharuan Perkhidmatan Awam (PPA) kepada wakil kementerian / agensi (Pengurus Sumber Manusia);**
*presenting the proposed Public Service Reform Study (PPA) to the ministry / agency representative (Human Resources Manager);*

b) **mengadakan perbincangan antara pihak Jabatan bersama wakil pihak Pengurusan Sumber Manusia daripada pelbagai kementerian/agensi yang terlibat; dan**
*holding discussions between the Department and Human Resource Management representatives from the various ministries / agencies involved; and*

c) **mendapatkan maklum balas secara terus daripada wakil Ketua Perkhidmatan akan cadangan Kajian PPA yang dibentangkan oleh Jabatan.**
*get direct feedback from the Service Chief's representative on the proposed PPA Review presented by the Department.*

**Mesyuarat kerja ini telah dihadiri oleh pegawai-pegawai dari Bahagian Saraan, Bahagian Perkhidmatan dan Bahagian Pembangunan Organisasi dari Jabatan Perkhidmatan Awam serta pegawai-pegawai yang mewakili Pengurus Sumber Manusia Kementerian / agensi berikut:**
*The working meeting was attended by officials from the Remuneration Division, Service Division and Organisational Development Division of the Public Service Department and officials representing the Ministry / Human Resource Manager of the following:*

(i) **Jabatan Perdana Menteri;**
*Prime Minister's Office;*
(ii) **Kementerian Pembangunan Luar Bandar;**
*Ministry of Rural Development;*
(iii) **Kementerian Kerja Raya;**
*Ministry of Works;*
(iv) **Kementerian Hal Ehwal Ekonomi;**
*Ministry of Economic Affairs;*
(v) **Suruhanjaya Perkhidmatan Awam;**
*Public Service Commission;*
(vi) **Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran;**
*Education Service Commission;*
(vii) **Kementerian Kesihatan Malaysia;**
*Ministry of Health Malaysia;*
(viii) **Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim;**
*Ministry of Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change;*
(ix) **Kementerian Kewangan Malaysia;**
*Ministry of Finance Malaysia;*
(x) **Kementerian Dalam Negeri.**
*Ministry of Home Affairs.*



Ceramah "Pembaharuan Perkhidmatan Awam Dari Aspek Skim Perkhidmatan" oleh YBhg. Dato' Ahmad bin Said - Mantan Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan).


Ucapan pembukaan oleh YBrs. Tuan Hj. Suhaimi bin Hamzah, Pengarah BPO.


Sesi bergambar bersama Ahli Mesyuarat Kerja.

# UNIT AUDIT DALAM (UAD)

**PENCAPAIAN PENGAUDITAN**
*AUDITING PERFORMANCE*

**Pada tahun 2019, UAD telah berjaya melaksanakan 14 pengauditan merangkumi Pengauditan Pengurusan Kewangan, Pengauditan Prestasi, Pengauditan Perolehan, Pemeriksaan Mengejut, Pengauditan ICT dan Auditan Khas.**
*In 2019, UAD successfully conducted 14 audits including Financial Management Auditing, Performance Auditing, Procurement Auditing, Spotchecks, ICT Auditing and Special Auditing.*

**Senarai pengauditan yang telah berjaya dilaksanakan adalah seperti jadual di bawah;**
*The list of audits that have been successful implemented are as shown in the table below;*

| BIL. | AKTIVITI PENGAUDITAN |
|---|---|
| 1 | **Pengauditan Terhadap Penampilan Audit ICT di BPMS**<br>*Auditing on ICT Audit Appearance at BPMS* |
| 2 | **Pengauditan Pengurusan Kewangan di INTAN Sabah**<br>*Financial Management Auditing at INTAN Sabah* |
| 3 | **Pengauditan Terhadap Pembangunan Sistem MyKehadiran di BPMS**<br>*Auditing on Development of MyKehadiran System at BPMS* |
| 4 | **Pengauditan Terhadap Pengurusan Pegawai Tidak Hadir Bertugas di Bahagian Perkhidmatan**<br>*Auditing on Management of Absentee Officers at Service Division* |
| 5 | **Pengauditan Terhadap Pengurusan Perolehan Bekalan Bahan Mentah di INTURA**<br>*Auditing on Supply Management of Raw Materials at INTURA* |
| 6 | **Pengauditan Pengurusan Perolehan Perkhidmatan Sewaan Komputer dan Mesin Pencetak di IKWAS**<br>*Audit of Procurement Management of Computer and Printer Rental Services at IKWAS* |
| 7 | **Pengauditan Terhadap Kemudahan Kuarters di INTAN Bukit Kiara, Sabah, IKWAS dan INTURA**<br>*Auditing on Quarters Facilities at INTAN Bukit Kiara, Sabah, IKWAS and INTURA* |
| 8 | **Pengauditan Pengurusan Perolehan dan Pengurusan Kenderaan di INTAN Bukit Kiara**<br>*Audit of Procurement Management and Fleet Management at INTAN Bukit Kiara* |
| 9 | **Pengauditan Terhadap Pengurusan Bayaran Elaun Lebih Masa dan Tuntutan Perjalanan di INTAN Bukit Kiara**<br>*Auditing on Over-Time Allowance and Travel Claims Management at INTAN Bukit Kiara* |
| 10 | **Pengauditan Pemeriksaan Mengejut di INTAN Bukit Kiara**<br>*Spotcheck Auditing at INTAN Bukit Kiara* |
| 11 | **Pengauditan Terhadap Pengurusan Bayaran Elaun Lebih Masa dan Tuntutan Perjalanan di Kluster Inovasi**<br>*Auditing on Over-Time Allowance and Travel Claims Management at Innovation Cluster* |
| 12 | **Pengauditan Pemeriksaan Mengejut di Kluster Inovasi**<br>*Spotcheck Auditing at Innovation Cluster* |
| 13 | **Pengauditan Pengurusan Kenaikan Pangkat Pegawai Psikologi Gred S41 ke Gred S44 di Bahagian Perkhidmatan**<br>*Auditing of the Management for Promotion of Psychology Officers Grade S41 to Grade S44 at Service Division* |
| 14 | **Pengauditan Pengurusan Hapus Kira Had Masa Kutipan Balik Pinjaman Pelajaran di Bahagian Pembangunan Modal Insan**<br>*Audit on Management of Study Loan Term Collection Write-off at Human Capital Development Division* |

# BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN MAKLUMAT STRATEGIK

**JOHAN ANUGERAH HACKHATON MOBILE APPS 2019**

WINNER 2019 HACKHATON MOBILE APPS AWARD

**NAMA KUMPULAN:**
*GROUP NAME:*
JPA INNOVATREX

**TAJUK:**
*TITLE:*
PERMOHONAN KELUAR PEJABAT

**TARIKH:**
8 OKTOBER 2019
*DATE:*
8 OCTOBER 2019




**JOHAN ANUGERAH KIK JPM 2019 (KATEGORI PRIMER PENCIPTAAN)**

WINNER 2019 JPM KIK AWARDS (PREMIER CREATION CATEGORY)

**NAMA KUMPULAN:**
*GROUP NAME:*
BPMS PROMISE

**TAJUK:**
*TITLE:*
MYPROGRESS MONITORING SYSTEM (MYPROMISE)

**TARIKH:**
31 OKTOBER 2019
*DATE:*
31 OCTOBER 2019






## JOHAN ANUGERAH DESIGN THINKING MALAYSIA AWARD (DTAMA) 2019 – CREATIVE COLLABORATION AWARD

WINNER 2019 DESIGN THINKING MALAYSIA AWARD (DTAMA) - CREATIVE COLLABORATION AWARD

**NAMA KUMPULAN:**
*GROUP NAME:*
BPMS PROMISE

**TAJUK:**
*TITLE:*
MY PROGRESS MONITORING SYSTEM (MYPROMISE)

**TARIKH:**
4 NOVEMBER 2019
*DATE:*
*4 NOVEMBER 2019*




## JOHAN ANUGERAH INOVASI JPA

WINNER JPA INNOVATION AWARDS

**NAMA KUMPULAN:**
*GROUP NAME:*
BPMS INNOVATREX CARE

**TAJUK:**
*TITLE:*
APLIKASI MUDAH ALIH MYHRMIS CARE

**TARIKH:**
13 DISEMBER 2019
*DATE:*
13 DECEMBER 2019

## NAIB JOHAN ANUGERAH INOVASI JPA

RUNNERS-UP JPA INNOVATION AWARDS

**NAMA KUMPULAN:**
*GROUP NAME:*
**BPMS INNOVATREX 360**

**TAJUK:**
*TITLE:*
**SISTEM PENILAIAN 360**

**TARIKH:**
**13 DISEMBER 2019**
*DATE:*
**13 DECEMBER 2019**




## JOHAN IDEA INOVASI ANUGERAH INOVASI JPA

WINNER JPA INNOVATION AWARDS (IDEA INNOVATION)

**NAMA:**
*NAME:*
**NOR KHAFIFAH BINTI JALANY**

**TAJUK:**
*TITLE:*
**MEWUJUDKAN RUANGAN KHAS INFOGRAFIK DI PORTAL JPA**
*PROVIDING SPECIAL INFOGRAPHIC SPACE IN JPA PORTAL*

**TARIKH:**
**13 DISEMBER 2019**
*DATE:*
**13 DECEMBER 2019**






## JOHAN ANUGERAH EKSA JPA

WINNER JPA EKSA AWARD

**NAMA KUMPULAN:**

*GROUP NAME:*

**BAHAGIAN PEMBANGUNAN & PENGURUSAN MAKLUMAT STRATEGIK**

*DEVELOPMENT AND MANAGEMENT OF STRATEGIC INFORMATION DIVISIO*

**TARIKH:**

**13 DISEMBER 2019**

*DATE:*

**13 DECEMBER 2019**

## PENSIJILAN ISMS

ISMS CERTIFICATION

**AKTIVITI:**
*ACTIVITY:*
AUDIT ISMS

**TEMPOH SAH SIJIL:**
11 OKTOBER 2018 – 9 OKTOBER 2021
*CERTIFICATE VALIDITY:*
11 OCTOBER 2018 - 9 OCTOBER 2021

**SKOP PENSIJILAN:**
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MERANGKUMI PENGURUSAN PERKHIDMATAN HUMAN RESOURCE MANAGEMENT SYSTEM (HRMIS) DAN PERKHIDMATAN MEJA BANTUAN HRMIS TAHAP SATU DI JPA.
*CERTIFICATION SCOPE :*
INFORMATION SAFETY MANAGEMENT SYSTEM (ISMS) ENCOMPASSES HUMAN RESOURCE MANAGEMENT SYSTEM (HRMIS) AND HRMIS ASSISTANCE MANAGEMENT SERVICES UNDER JPA.



SIRIM QAS INTERNATIONAL

*SIJIL*

SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dengan ini mengesahkan bahawa

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**
**BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN MAKLUMAT STRATEGIK**
**ARAS 3-6, BLOK C1, KOMPLEKS C**
**62510 PUTRAJAYA**
**WILAYAH PERSEKUTUAN**
**MALAYSIA**

telah melaksanakan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat yang menepati

**ISO/IEC 27001:2013**
**Information Technology – Security Techniques – Information Security Management Systems – Requirements**

Skop Pensijilan

**SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MERANGKUMI PENGURUSAN PERKHIDMATAN HUMAN RESOURCE MANAGEMENT SYSTEM (HRMIS) DAN PERKHIDMATAN MEJA BANTUAN HRMIS TAHAP SATU DI JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA) MALAYSIA.**

***INI ADALAH MENEPATI PENYATAAN PEMAKAIAN: JPA-BPMS-ISMS-P1-007, VERSI 4.3, 16 OGOS 2018***

| | | |
|---|---|---|
| Issue date | : | 11 Oktober 2018 |
| Validity period | : | 11 Oktober 2018 - 09 Oktober 2021 |
| Certification No. | : | ISMS 00140 |

**Mohd Azanuddin Salleh**
Pengarah Urusan
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

Penganugerahan sijil ini tertakluk kepada peraturan-peraturan dan syarat-syarat seperti tersebut dalam Perjanjian Pensijilan.



GCI™ Green Computing Initiative

THIS IS TO CERTIFY THAT

Jabatan Perkhidmatan Awam
(JPA)

has been approved by
the Accreditation Board (Tropicalised Certifications)
as meeting the prescribed Certifed Low Carbon Computing Facility standard of

PLATINUM

GCI Green Computing Initiative PLATINUM Certified Green Computing FACILITY

*Certified Facility Location:*
Blok C1-C3, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P Putrajaya, Malaysia.

*Certified Facility Type:*
Public Sector, Data Center

Signed for and behalf of the
Green Computing Initiative Accreditation Board
(Tropicalised Certifications)

Matthew Rajendra
Accreditation Board Member

Brian Mefford
President, North America

VALIDATION ID
CT8U5T

*Certification Date:*
16 DECEMBER 2018
*Certification Expiry:*
16 DECEMBER 2021

## PENSIJILAN GREEN DATA CENTRE

GREEN DATA CENTRE CERTIFICATION

TEMPOH SAH SIJIL:
15 DISEMBER 2018 –
15 DISEMBER 2021

*CERTIFICATE VALIDITY:*
15 DECEMBER 2018 –
15 DECEMBER 2021



KEMENTERIAN KEWANGAN

PENARAFAN KEBERKESANAN
PELAKSANAAN AUDIT DALAM
DI KEMENTERIAN/
JABATAN PERSEKUTUAN

TAHUN 2019

UNIT AUDIT DALAM
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

*YBhg. Tan Sri Ahmad Badri bin Mohd Zahir*
*Ketua Setiausaha Perbendaharaan*
*Malaysia*

**PENARAFAN PENILAIAN KEBERKESANAN PELAKSANAAN AUDIT DALAM**

INTERNAL AUDIT IMPLEMENTATION EFFECTIVENESS RATING ASSESMENT

NAMA KUMPULAN: UNIT AUDIT DALAM

*GROUP NAME: INTERNAL AUDIT UNIT*

# PRESTASI KEWANGAN DAN AUDIT

## PENCAPAIAN PRESTASI BAYARAN BIL/INVOIS 1 JANUARI 2019 HINGGA 31 DISEMBER 2019 JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

### 1. PENGENALAN

Pencapaian keseluruhan bagi bayaran tuntutan dan bil Jabatan Perkhidmatan Awam dalam masa 7 hari adalah **97.30%.** dengan bilangan baucar bayaran yang diproses adalah sebanyak **28,872 bil** bernilai **RM23,006,296,080.16.** Pencapaian ini telah melepasi KPI piagam pelanggan JPA yang menetapkan sekurang-kurangnya 95% daripada keseluruhan tuntutan dan bayaran bil dibayar dalam tempoh 7 hari. Tiada bayaran yang direkodkan sepanjang tahun 2019 yang melebihi 14 hari.

*The overall achievement of claims and bills of the Public Service Department within 7 days is 97.30%. From this achievement, the 28,872 payment vouchers were processed which amounted to RM23,006,296,080.16. This achievement has surpassed the PSD client charter KPI which sets at least 95% of the total claims and bill payments paid within 7 days. There were no payments processed exceeded 14 days were recorded in 2019.*

### 2. INTIPATI LAPORAN SAHAGIAN/ UNIT

a) Laporan Prestasi Bil/Invois 1 Januari sehingga 31 Disember 2019 secara keseluruhan bagi semua PTJ dibawah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Bayaran dalam tempoh 1 - 7 hari
**- 97.30% (28,872 bil)**

Dibayar dalam tempoh 8 hari hingga 14 hari
**- 2.70% (802 bil)**

Tiada bil yang dibayar melebihi 14 hari
**- Tiada**

b) Bilangan baucar dan jumlah bayaran secara keseluruhan di JPA mengikut bulan adalah seperti berikut:

| BULAN | BILANGAN BAUCAR | JUMLAH BAYARAN |
|---|---|---|
| JANUARI | 363 | RM2,225,131,161.23 |
| FEBRUARI | 2,096 | RM1,794,227,453.61 |
| MAC | 2,324 | RM1,949,170,427.51 |
| APRIL | 2,542 | RM1,788,790,066.82 |
| MEI | 2,957 | RM2,265,143,764.28 |
| JUN | 1,492 | RM1,683,732,820.82 |
| JULAI | 2,368 | RM1,905,297,925.28 |
| OGOS | 2,740 | RM1,893,229,789.99 |
| SEPTEMBER | 3,096 | RM1,841,181,661.10 |
| OKTOBER | 3,280 | RM1,913,435,721.52 |
| NOVEMBER | 4,515 | RM1,946,412,093.59 |
| DISEMBER | 1,928 | RM1,895,738,397.15 |
| **JUMLAH** | **29,674** | **RM23,101,491,282.90** |

# SENARAI BERSAMA RAKAN MEDIA BAGI PROGRAM-PROGRAM JPA TAHUN 2019

| BIL | PROGRAM | TARIKH | MEDIA | RADIO / RANCANGAN / SLOT | PANEL |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Bual Bicara YBhg. Datuk Seri KPPA di Sabah.FM | 21 Mac | Radio | Sabah FM | YBhg. Datuk Seri Borhan Dolah, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam |
| 2 | Taklimat Bersama Media: 400,000 Penjawat Awam Tertekan | 22 Mac | Semua | Liputan Berita dan Sidang Akhbar | YBrs. Dr. Abdul Jalil Hassan, Timbalan Pengarah Kanan, Bhg. Pengurusan Psikologi |
| 3 | Program Menyantuni Pesara Kerajaan di Sarawak - Program Turun Padang KPPA di Sarawak | 20 Apr | Semua | Liputan Berita dan Sidang Akhbar | YBhg. Datuk Seri Borhan Dolah, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam |
| 4 | Majlis Perjumpaan Pegawai-pegawai Kerajaan Bersama-sama YAB Perdana Menteri Malaysia | 30 Apr | Semua | Liputan Berita dan Sidang Akhbar | YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia |
| 5 | Majlis Penutup Program Pengurusan Perubahan Digital Government Competency Capability Readiness (DGCCR) Zon Sabah | 17 Mei | Semua | Liputan Berita dan Sidang Akhbar | YBhg. Datuk Seri Borhan Dolah, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam |
| 6 | Majlis Perasmian HR Day dan Kaunter MyPesara | 27 Jun | Media Melaka | Liputan Berita dan Sidang Akhbar | YBhg. Datuk Seri Borhan Dolah, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam |
| 7 | Sambutan Bulan HRMIS 2019 | 26 Jun | Radio | Nasional | YBrs. Encik Mohammad Mat Yusoff Timbalan Pengarah, BPMS. |
| 8 | Majlis Perhimpunan Bulanan JPA (Julai) | 1 Jul | Akhbar | Kosmo | YBrs. Encik Muhamad Saiful Hakimi Daud |
| 9 | Majlis Penganugerahan Penerima Biasiswa Yang di-Pertuan Agong Sesi Pengajian 2019/ 2020 | 3 Jul | BERNAMA RTM TV3 JAPEN | Liputan Berita dan Sidang Akhbar | YBhg. Datuk Seri Borhan Dolah, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan empat (4) Penerima BYDPA |
| 10 | Sambutan Bulan HRMIS 2019 | 11 Jul | TV | Selamat Pagi Malaysia | YBhg. Datuk Haji Mohd Danial Ma'alip, Pengarah BPMS |
| 11 | Kaunter MyPesara | 15 Jul | Radio | Nasional FM | YBrs. Encik Shahriman Ab Kadir Ketua Penolong Pengarah, BP |

| BIL | PROGRAM | TARIKH | MEDIA | RADIO / RANCANGAN / SLOT | PANEL |
|---|---|---|---|---|---|
| 12 | Kaunter MyPesara | 21 Jul | Akhbar | Utusan Malaysia | Tiada |
| 13 | Kaunter MyPesara | 25 Jul | Radio | Traxx FM | Puan Nadia Marzuki, Ketua Penolong Pengarah, BP |
| 14 | Program Pesara Care: Menyantuni Pesara Uzur dan Program Lawatan Tapak Projek Usahawan Agropreneur, Semporna Sabah | 27 Jul | BERNAMA RTM JAPEN | Liputan Berita dan Sidang Akhbar | YBhg. Datuk Seri Borhan Dolah, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam |
| 15 | Seminar Keselamatan dan Kesihatan Psikologi Pekerjaan | 7 Ogos | Semua | Liputan Berita dan Sidang Akhbar | YBhg. Tan Sri Lee Lam Thye, Pengerusi NIOSH |
| 16 | Kaunter MyPesara | 16 Ogos | Radio | Minnal FM | Puan Samala a/p Santhappan, Penolong Pengarah, BP |
| 17 | Kaunter MyPesara | 21 Ogos | Akhbar | New Stratis Times | Tiada |
| 18 | Majlis Perjumpaan Pegawai - Pegawai Kerajaan Bersama YAB Perdana Menteri Sesi 2 Tahun 2019 | 22 Ogos | Semua | Liputan Berita dan Sidang Akhbar | YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia |
| 19 | Sesi Temu Bual Khas KPPA bersama Media | 29 Ogos | Akhbar | Berita Harian New Straits Times | YBhg. Datuk Seri Borhan Dolah, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam |
| 20 | Majlis Perasmian Pengurusan Sumber Manusia Baharu untuk Prestasi Masa Hadapan | 4 Sep | Semua | Liputan Berita dan Sidang Akhbar | YBhg. Datuk Seri Borhan Dolah, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam |
| 21 | Majlis Perasmian Seminar Pengurusan Nilai Perkhidmatan Awam 2019: Keutuhan Nilai, Tunjang Integirit Perkhidmatan Awam Standard Pengurusan Audit Nilai sebagai Program Pengurusan Nilai Perkhidmatan Awam Yang Baharu | 9 Okt | BERNAMA RTM | Liputan Berita dan Sidang Akhbar | YB Hajah Fuziah Binti Salleh, Timbalan Menteri (Agama) Jabatan Perdana Menteri |
| 22 | Majlis Penyerahan Waran Perjawatan Hospital Rembau dan Sidang Media Kelulusan Permohonan Perjawatan Kementerian Kesihatan Malaysia | 2 Dis | Bernama, RTM, TV3. BH, NST, The Star, Sinar Harian, Metro | Liputan Berita dan Sidang Akhbar | YBhg. Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam |

# SENARAI PAMERAN YANG DILAKSANAKAN OLEH BAHAGIAN BAGI TAHUN 2019 JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

| BIL | PROGRAM | TARIKH | NEGERI | LOKASI | ANJURAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Program DGCCR Boardroom Session bersama Ketua Setiausaha Negara | 22 Jan | Selangor | Dewan D, Maeps Serdang | BPPD, JPA |
| 2 | Perhimpunan Bulanan JPA - Januari | 24 Jan | Putrajaya | Auditorium JPA, Kompleks C | JPA |
| 3 | Program Jom Masuk IPT 2019 | 30 - 31 Mac | Selangor | Maeps, Serdang | KPM |
| 4 | PUSPANITA-Biz Exhibition sempena Majlis Mesyuarat Agung Perwakilan PUSPANITA Ke-37 | 1- 2 Apr | Putrajaya | PUSPANITAPURI | PUSPANITAPURI Kebangsaan |
| 5 | Perhimpunan Bulanan JPA - April | 24 Apr | Putrajaya | Auditorium JPA, Kompleks C | JPA |
| 6 | Majlis Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan Tahun 2019 | 1 Mei | Putrajaya | Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) | KSM |
| 7 | Pameran Human Resource Day (HR-Day)<br>Majlis Perasmian HR Day dan Kaunter MyPesara | 26 - 28 Jun | Melaka | SUK Melaka | BK, JPA |
| 8 | Pameran Sambutan Bulan HRMIS 2019 @KKM | 15 - 16 Jul | Putrajaya | Kementerian Kesihatan | BPMS, JPA |
| 9 | Pameran Sambutan Bulan HRMIS 2019 @SUK Selangor | 18 Jul | Selangor | Pejabat SUK Selangor, Shah Alam | BPMS, JPA |
| 10 | Pameran HR Day @SUK Selangor | 23 - 24 Jul | Selangor | Pejabat SUK Selangor, Shah Alam | BK, JPA |

| BIL | PROGRAM | TARIKH | NEGERI | LOKASI | ANJURAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 11 | Pameran Sambutan Bulan HRMIS 2019 @SUK Penang | 23 - 24 Jul | Penang | SUK Penang | BPMS, JPA |
| 12 | Pameran Sambutan Bulan HRMIS 2019 @MOTAC | 24 Jul | Putrajaya | MOTAC, Putrajaya | JPA |
| 13 | Pameran Sambutan Bulan HRMIS 2019 Sempena Majlis Penutup Sambutan Bulan HRMIS | 29 Jul | Putrajaya | Dewan Sri Siantan, Perbadanan Putrajaya | BPMS, JPA |
| 14 | Pameran Seminar Keselamatan dan Kesihatan Psikologi | 7 - 8 Ogos | Selangor | Dewan Sri Akasia, Ibu Pejabat AADK, Sg Merab, Kajang | BPSi, NIOSH |
| 15 | Pameran Sesi Libat Urus Bersama Pengurus Sumber Manusia (PSM) @ Pentadbiran Kerajaan Negeri Pahang (Siri 4/ 2019) | 26 - 28 Ogos | Pahang | SUK Pahang | BK, JPA |
| 16 | Perhimpunan Bulanan JPA - September | 6 Sept | Putrajaya | Auditorium JPA, Kompleks C | JPA |
| 17 | Karnival Rasa Sayang 2019 KWAP | 5 - 6 Okt | Selangor | Stadium Shah Alam | KWAP |
| 18 | Persatuan Pesara Negeri Melaka | 26 Nov | Melaka | Perpustakaan Bukit Baru | BP, JPA |

# SENARAI KENYATAAN/ SIARAN/ MAKLUM BALAS MEDIA YANG DIKELUARKAN OLEH JPA TAHUN 2019

| BIL | TAJUK | KENYATAAN / SIARAN / MAKLUM BALAS MEDIA | TARIKH KELUAR / HEBAHAN | DIKELUARKAN OLEH |
|---|---|---|---|---|
| 1 | “Hargai Pesara Kerajaan” Akhbar Utusan Malaysia | Maklum balas media | 16 Januari | JPA |
| 2 | Rasionalisasi Saiz Perkhidmatan Awam | Siaran Media | 25 Januari | JPA |
| 3 | Peluang Pekerjaan Orang Kurang Upaya (OKU) di Sektor Awam | Siaran Media | 14 Februari | JPA |
| 4 | Pelawaan Penajaan Biasiswa Yang di-Pertuan Agong Sesi Pengajian 2019/ 2020 | Siaran Media | 18 Februari | JPA |
| 5 | “Jangan layan pesara seperti ini” Akhbar Harian Ekspress | Maklum balas media | 21 Februari | JPA |
| 6 | Waktu Bekerja Fleksi (WBF) Secara Rintis di Kementerian/ Jabatan Persekutuan di Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur dan Putrajaya) Perlis, Perak, Selangor, Johor, Terengganu, Sabah dan Sarawak | Maklum balas media | 26 Februari | JPA |
| 7 | Kawalan Saiz Perkhidmatan Awam: Kakitangan Kerajaan Sedia Ada Tidak Diberhentikan | Siaran Media | 13 Mac | JPA |
| 8 | “Ada Pegawai JPA Tidak Amanah” di Ruangan Forum, Utusan Malaysia | Maklum balas media | 15 Mac | JPA |
| 9 | Pembayaran Bantuan Sebanyak RM500 Secara *One-Off* Kepada Pesara Yang Layak | Siaran Media | 19 Mac | JPA |
| 10 | Pelajar Tajaan JPA Meninggal Dunia di Hyde Park, London | Siaran Media | 26 Mac | JPA |
| 11 | Artikel Harian Metro “Konstabel Malu Tiba-Tiba Sahaja Jadi ‘Datuk Seri’” | Maklum balas media | 8 April | JPA |
| 12 | Response to “Real Struggle to Get Mum’s Aid Money” Akhbar The Star | Maklum balas media | 11 April | JPA |
| 13 | Kuasa Melantik Ketua Pengarah FINAS adalah di bawah Bidang Kuasa FINAS Akhbar Harian Metro “Status Lantikan Ditentu JPA” | Maklum balas media | 18 April | JPA |
| 14 | Program Menyantuni Pesara Kerajaan di Sarawak - Program Turun Padang KPPA di Sarawak | Siaran Media | 20 April | JPA |

| BIL | TAJUK | KENYATAAN / SIARAN / MAKLUM BALAS MEDIA | TARIKH KELUAR / HEBAHAN | DIKELUARKAN OLEH |
|---|---|---|---|---|
| 15 | Pengemaskinian Maklumat Pesara / Tanggungan Berumur 70 Tahun ke Atas bagi Tujuan Pembayaran Pencen | Hebahan Umum | 28 Mac | BP, JPA |
| 16 | Status Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Ipoh Keratan Akhbar The Star *"Ipoh Mayor to be replace"* | Siaran Media | 24 April | JPA |
| 17 | Majlis Perjumpaan Pegawai - Pegawai Kerajaan Bersama YAB Perdana Menteri | Siaran Media | 30 April | JPA |
| 18 | JPA's Scholar Received Highest Engineering Honor at Pennsylvania State University | Siaran Media | 8 Mei | JPA |
| 19 | Program Pengurusan Perubahan Digital Government Competency and Capability Readiness (DGCCR) Sektor Awam di Zon Sabah | Siaran Media | 17 Mei | JPA |
| 20 | Tiada Moratorium dikenakan kepada Perjawatan Jururawat. JPA Lulus Permohonan KKM | Hebahan Umum | 14 Mei | JPA |
| 21 | Majlis Perasmian HR day dan Kaunter MyPesara | Siaran Media | 27 Jun | JPA |
| 22 | Majlis Penganugerahan Penerima Biasiswa Yang di-Pertuan Agong 2019/ 2020 | Nota Makluman / Siaran Media | 3 Julai | JPA |
| 23 | Hospital Tenat | Maklum balas di media sosial | 19 Julai | JPA |
| 24 | Program Pesara Care:Menyantuni Pesara Uzur dan Program Lawatan Tapak Projek Usahawan Agropreneur | Siaran Media | 27 Julai | JPA |
| 25 | Kenyataan ketua Polis Negara Berhubung Gaji Polis | Maklum balas media | 26 Julai | JPA |
| 26 | Maklum balas kenyataan Timbalan CUEPACS berhubung semakan semula pelaraan Elaun Perumahan Wilayah (EPW) dan Bayaran Insentif Wilayah | Maklum balas media | 7 Ogos | JPA |
| 27 | Majlis Perjumpaan Pegawai - Pegawai Kerajaan Bersama YAB Perdana Menteri Sesi 2 Tahun 2019 | Siaran Media | 22 Ogos | JPA |
| 28 | Pengurusan Sumber Manusia Baharu untuk Prestasi Masa Hadapan | Siaran Media | 4 September | JPA |

| BIL | TAJUK | KENYATAAN / SIARAN / MAKLUM BALAS MEDIA | TARIKH KELUAR / HEBAHAN | DIKELUARKAN OLEH |
|---|---|---|---|---|
| 29 | Seminar Pengurusan Nilai Perkhidmatan Awam 2019: Keutuhan Nilai, Tunjang Integriti Perkhidmatan Awam Standard Pengurusan Audit Nilai sebagai Program Pengurusan Nilai Perkhidmatan Awam yang baharu | Siaran Media | 9 Oktober | JPA |
| 30 | Maklum Balas Media Peraturan Pegawai - Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 | Maklum balas media | 15 Oktober | JPA |
| 31 | Cuti Tanpa Rekod kepada Pegawai Perkhidmatan Awam yang menganut Agama Hindu Sempena Perayaan Hari Deepavali | Hebahan Umum | 18 Oktober | JPA |
| 32 | Penyediaan Input PSR untuk YBhg. Tan Sri KSN wawancara Slot Bicara Naratif, TV1 | Input Media | 17 September | JPA |
| 33 | Penyediaan Input untuk wawancara YBhg. Tan Sri KSN | Input Media | 5 April | JPA |
| 34 | JPA Tidak Melantik Kakitangan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) | Maklum balas media | 13 November | JPA |
| 35 | Kelulusan Permohonan Perjawatan Kementerian Kesihatan Malaysia | Siaran Media | 2 Disember | JPA |

# MEDIA DAN PENERBITAN

## SENARAI MONTAJ

### JANUARI




MONTAJ APC 2018




MONTAJ APRESIASI PUSPANITA 2019




MONTAJ EMBRACING MALAYSIA LANGKAWI




MONTAJ PUBLIC SERVICE REFORM

# MAC




**MONTAJ AGM PUSPANITA**




**MONTAJ PELANCARAN BUKU TEKNOLOGI UPDATE**

# MEI



**VIDEO RAYA JPA**

# JUN




**MONTAJ BULAN HRMIS 2019**

# JULAI




MONTAJ PELANCARAN MYHRMIS MOBILE




VIDEO BERITA SEMASA PERHIMPUNAN BULANAN JPA




MONTAJ PENUTUP BULAN HRMIS



MONTAJ TEMA PERHIMPUNAN BULANAN BPMS
JULAI 2019 ANJURAN CPPK




MONTAJ TEMA PERHIMPUNAN
BULANAN JPA ANJURAN BPMS

# OGOS




**MONTAJ RPA-HRMC**




**MONTAJ HRMC**




**VIDEO MAJIS PERJUMPAAN PEGAWAI KANAN KERAJAAN BERSAMA YAB PERDANA MENTERI**

## SEPTEMBER




MONTAJ MAJLIS PERPISAHAN KPPA PART2



MONTAJ PERTANDINGAN HIK JPM 2019



VIDEO SEMASA PERHIMPUNAN BULANAN BPMS




VIDEO HRMIS SELFCHECK




MONTAJ TEMA PERHIMPUNAN BULANAN JPA RASIONALISASI CINTA ANJURAN BPO



MONTAJ MAJLIS PERPISAHAN KPPA PART1

# OKTOBER




**MONTAJ PERSIDANGAN HARI TERBUKA PSIKOLOGI 2019**




**MONTAJ TEMA PERHIMPUNAN BULANAN JPA 2019 ANJURAN BKP**



**KAPSUL LAWATAN KPPA KE BPMS**




**MONTAJ LAMBAIAN KASIH TAUTAN RINDU PUSPANITA**




**MONTAJ PERHIMPUNAN BULANAN BPMS ANJURAN CPT**

# OKTOBER




MONTAJ SEMINAR PENGURUSAN NILAI PSIKOLOGI




ePEMBELAJARAN MYHRMIS PROFILE




VIDEO HRMIS SELFCHECK

# NOVEMBER




**MONTAJ NIGHT LADIES PUSPANITA JPM: MALAM SELINGKAR KASIH**

# DISEMBER




**MONTAJ TEMA PERHIMPUNAN BULANAN JPA ANJURAN BAHAGIAN PERKHIDMATAN (BK)**

# MEDIA DAN PENERBITAN

## SENARAI VIDEO

### JANUARI



UCAPAN KPPA PROMOSI HRMIS
14 JANUARI 2019



UCAPAN TKPPA (O) PROMO HRMIS
14 JANUARI 2019



DGCCR BOARDROOM SESSION BERSAMA KSN 2019
• 22 JANUARI 2019



MAJLIS TAKLIMAT PENERIMA HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (HLP) DAN CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH TANPA BIASISWA (CBBPTB) SESI 2019 • 22 JANUARI 2019



KUNJUNGAN YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK • 23 JANUARI 2019



MAJLIS AMANAT KPPA JANUARI 2019
• 24 JANUARI 2019

# FEBRUARI




HR CHAMPION PRESTASI BAHAGIAN PERKHIDMATAN SIRI 1/2019 • 25 FEBRUARI 2019



MAJLIS ANUGERAH PEGAWAI CEMERLANG 2018 • 28 FEBRUARI 2019

# MAC



RAKAMAN BAGI VIDEO DGCCR • 18 MAC 2019




RAKAMAN UCAPAN BAGI PERSARAAN KPPA • 22 MAC 2019



SIDANG MEDIA BERKENAAN 400,000 PENJAWAT AWAM TERTEKAN • 22 MAC 2019

# APRIL




UCAPAN DATUK SERI KPPA SEMPENA BULAN HRMIS
• 15 APRIL 2019



MAJLIS PERJUMPAAN YAB PM BERSAMA PEGAWAI PENGURUSAN DAN PROFESIONAL SIRI 1/2019
• 23 APRIL 2019



PROGRAM PENERAPAN NILAI-NILAI MURNI : MAJLIS BACAAN YASIN & TAHLIL KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM BERSAMA DENGAN WARGA JPA TAHUN 2019M/1440H • 25 APRIL 2019




MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN JPA APRIL 2019
• 29 APRIL 2019

# MEI



SANTAPAN ROHANI RAMADAN- RAMADHAN DALAM BUDAYA KERJA • 10 MEI 2019




TAKLIMAT PROGRAM PENAJAAN 9A+ • 10 MEI 2019




RAKAMAN PRODUKSI VIDEO SEMPENA MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN JPA JUN 2019 • 17 MEI 2019



RAKAMAN RAYA JPA 2019 • 23 MEI 2019



KHATAM QURAN JPA • 24 MEI 2019



PERHIMPUNAN JPA ANJURAN BAHAGIAN SARAAN •29 MEI 2019

# JUN




**PELANCARAN HR DAY-SESI LIBAT URUS BERSAMA PENGURUS SUMBER MANUSIA**




**LAWATAN KERJA KPPA KE SMK TUN TUAH & ICQ MELAKA**

# JULAI



**MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA JPA 2019 • 1 JULAI 2019**



**PERHIMPUNAN JPA JULAI ANJURAN BMI • 2 JULAI 2019**



**MAJLIS SEMBAH MAKLUM KPPA ISTANA NEGARA • 2 JULAI 2019**



**BIASISWA YANG DI PERTUA AGONG ISTANA NEGARA • 3 JULAI 2019**

# JULAI




LAWATAN KERJA KPPA KE NEGERI SELANGOR • 9 JULAI 2019



E-PELANGGAN JPA • 11 JULAI 2019



KURSUS KREATIVITI DAN INOVASI • 11 JULAI 2019



LAWATAN KERJA UNIT HRMIS JABATAN PENGALIRAN DAN SALIRAN KE JPA • 11 JULAI 2019




BUAL BICARA DATUK PBMS DALAM SELAMAT PAGI MALAYSIA (SPM) • 11 JULAI 2019



SESI PERKONGSIAN LETS SHARE ILMU IKIGAI ANJURAN PERPUSTAKAAN JPA • 11 JULAI 2019

# OGOS



PERLAWANAN GOLF ANTARA ISTANA NEGARA DAN PERKHIDMATAN AWAM • 3 OGOS 2019



PERHIMPUNAN BULANAN JPA ANJURAN BPMS • 7 OGOS 2019



RAKAMAN VIDEO BAGI INPUT MONTAJ PERHIMPUNAN BULANAN JPA ANJURAN BPO • 9 OGOS 2019




PROGRAM PERJUMPAAN PEGAWAI GRED 48 - 41 BERSAMA PM • 22 OGOS 2019



RAKAMAN WAWACARA EKSLUSIF KPPA BERKAITAN PEMBAHARUAN PERKHIDMATAN AWAM • 22 OGOS 2019

# SEPTEMBER




PERSIDANGAN SUMBER MANUSIA SEKTOR AWAM 2019 • 4 SEPTEMBER 2019




PERHIMPUNAN BULANAN JPA SEPTEMBER 2019 • 5 SEPTEMBER 2019



MAJLIS CLOCK OUT KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM • 4 SEPTEMBER 2019




MAJLIS SIMPULAN KASIH TAUTAN MEMORI KPPA • 6 SEPTEMBER 2019




LETS SHARE @JPA MASTERCHEF JPA • 26 SEPTEMBER 2019



PEGAWAI PAKAR BIDANG KHUSUS (SME) • 26 SEPTEMBER 2019

# OKTOBER



PROGRAM KESEDARAN ICT • 3 OKTOBER 2019



WELCOMING SESSION KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM KE JABATAN PERKHIDMATAN AWAM • 7 OKTOBER 2019



MAJLIS PENYAMPAIAN AMANAT KEPADA PENERIMA HLP DAN CBBPTB SESI 2020 • 8 OKTOBER 2019




SEMINAR PENGURUSAN NILAI PERKHIDMATAN AWAM 2019 • 9 OKTOBER 2019



PERHIMPUNAN BULANAN JPA ANJURAN BKP • 11 OKTOBER 2019



PROGRAM RE-ORIENTASI GRADUAN PERUBATAN, PERGIGIAN DAN FARMASI JPA 2019 • 12 OKTOBER 2019

# NOVEMBER



FIRE DILL JPA
• 13 NOVEMBER 2019



PROGRAM LET'S SHARE @ LIBRARY JPA
• 14 NOVEMBER 2019



MALAM PUSPANITA LADIES NITE
• 21 NOVEMBER 2019




PERJUMPAAN CUEPACS BERSAMA KPPA
• 22 NOVEMBER 2019




SEMINAR PERANCANGAN STRATEGIK JPA
• 28-29 NOVEMBER 2019

# DISEMBER




**SIDANG MEDIA MENGENAI STATUS PENJAWATAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) • 2 DISEMBER 2019**



**RAKAMAN VIDEO PESARAAN DATUK DR. ROSSLINA AHMAD MOKHTAR • 6 DISEMBER 2019**



**PERHIMPUNAN BULANAN JPA ANJURAN BK • 13 DISEMBER 2019**




**MAJLIS PERJUMPAAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM (KPPA) BERSAMA KETUA SETIAUSAHA DAN TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA • 16 DISEMBER 2019**

# MEDIA DAN PENERBITAN

## SENARAI PENERBITAN




### SENARAI AGENSI SEKTOR AWAM (KEDUDUKAN PADA 1 JANUARI 2019)

Penerbitan dokumen senarai agensi awam adalah sebagai rujukan rasmi untuk mengetahui kedudukan semasa senarai agensi berikutan perubahan agensi selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).




### PELANCARAN SUB MODUL DESKRIPSI TUGAS (JOB DESCRIPTION - JD) HRMIS LIVE

Pelancaran Sub Modul JD HRMIS Live telah diadakan pada 5 September 2019 semasa Perhimpunan Bulanan JPA.




### LAPORAN TAHUNAN JPA 2018

Laporan Tahunan Jabatan Perkhidmatan Awam Tahun 2018 merupakan laporan yang menerbitkan status pencapaian, aktiviti, kajian, diari dan lain-lain perkembangan JPA yang berjaya dicapai dalam tempoh setahun.




### BUKU KOMPILASI GAMBAR JPA 2019

Buku Kompilasi Gambar Jabatan Perkhidmatan Awam Tahun 2019 merupakan bahan penerbitan di bawah Unit Komunikasi Korporat (UKK, JPA) yang merakamkan perjalanan program dan aktiviti JPA sepanjang tahun 2019.







## BULETIN @ JPA EDISI 1 DAN 2 TAHUN 2019

Buletin @ JPA Tahun 2019 diterbitkan sebagai medium penyaluran hebahan dan penerbitan pelaksanaan program yang diadakan pada peringkat Jabatan Penerbitan Awam (JPA) . Buletin ini diterbitkan secara berkala melalui edisi pertama (Januari – Mei 2019) dan edisi kedua (Jun – November 2019)




## KOLEKSI TEKS UCAPAN KPPA – DATUK SERI BORHAN BIN DOLAH

Koleksi teks ucapan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), YBhg. Datuk Seri Borhan bin Dolah diterbitkan bagi menghimpunkan koleksi teks-teks ucapan beliau sepanjang menerajui jawatan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam ke-23 mulai tempoh Julai 2018 sehingga September 2019.




## LEGASI KEPIMPINAN DATUK SERI BORHAN BIN DOLAH KPPA KE-23

Legasi Kepimpinan Datuk Seri Borhan bin Dolah Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Ke-23 diterbitkan bagi merekodkan pengalaman dan pencapaian YBhg. Datuk Seri Borhan bin Dolah sepanjang 35 tahun menyumbang bakti di dalam Perkhidmatan Awam

# KAJIAN

## KAJIAN DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN PUSINGAN KERJA ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM

PUBLIC SERVICE JOB ROTATION STUDY AND RECOMMENDATIONS



### PENGENALAN

INTRODUCTION

**Bahagian Perkhidmatan (BK) sedang melaksanakan Kajian dan Cadangan Penambahbaikan Pusingan Kerja Anggota Perkhidmatan Awam bertujuan untuk mengkaji dasar dan panduan sedia ada terutamanya melibatkan jawatan yang diklasifikasikan sebagai sensitif / bukan sensitif.**

*The Service Division (BK) is conducting a Public Service Job Rotation Study and Recommendations aimed at reviewing existing policies and guidelines especially involving positions that are classified as sensitive / non-sensitive.*

**Bagi menjayakan kajian ini, BK telah melaksanakan satu kaji selidik berhubung persepsi pegawai awam terhadap kepentingan pelaksanaan pusingan kerja di jawatan dan jabatan masing-masing. Seramai 19,726 orang responden yang terdiri daripada pegawai di pelbagai peringkat dan kategori perkhidmatan telah menyertai kaji selidik berkenaan.**

*To make this study successful, BK conducted a survey on public officials' perceptions of the importance of job rotation in their respective posts and departments. A total of 19,726 respondents comprising officers at various levels and categories of services participated in the survey.*

**Selain itu, BK turut mengendalikan dua (2) siri Bengkel Pembangunan Kamus Deskripsi Jawatan Sensitif / Bukan Sensitif iaitu masing-masing pada 24 hingga 26 Julai 2019 dan 31 Julai hingga 2 Ogos 2019 melibatkan penyertaan daripada pelbagai Kementerian dan jabatan.**

*In addition, BK also had also conducted two (2) series Sensitive / Non-Sensitive Position Development Workshops, respectively, from 24 to 26 July 2019 and 31 July to 2 August 2019 involving participation from various Ministries and departments.*

**Susulan daripada kajian dan bengkel yang dilaksanakan, satu Model Pusingan Kerja Berasaskan Kamus Deskripsi Jawatan Sensitif / Bukan Sensitif telah dibangunkan sebagai panduan kepada pengurus Sumber Manusia di peringkat Kementerian dan Jabatan dalam menguruskan anggota dalam organisasi masing-masing.**

*Following on from the research and workshops, a Job Rotation Model Based on the Dictionary of Sensitive / Non-Sensitive Position was developed as a guide for Human Resource managers at Ministry and Department levels in managing members in their organisations.*



# KAJIAN INDEKS KETERLIBATAN PEGAWAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (IKP PBT) 2019

LOCAL AUTHORITY OFFICER ENGAGEMENT INDEX STUDY (IKP PBT 2019)

## PENGENALAN

INTRODUCTION

**Kajian IKP PBT telah dimulakan dengan kajian rintis pada tahun 2016 dan diteruskan dengan kajian sebenar pada tahun 2017 serta 2019 (Rajah 1.0). Inisiatif ini bertujuan untuk menilai tahap keterlibatan pegawai di 150 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh negeri termasuk Sabah dan Sarawak.**

*The study of the IKP PBT was initiated with a pilot study in 2016 and continued with the actual study in 2017 and 2019 (Figure 1.0). The initiative aims to assess the level of engagement of officers at 150 Local Authorities (PBT) throughout the country including Sabah and Sarawak.*

## KRONOLOGI KAJIAN INDEKS KETERLIBATAN PEGAWAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN

CHRONOLOGY OF THE LOCAL AUTHORITY OFFICER ENGAGEMENT INDEX STUDY




**Kewajaran kajian adalah berdasarkan Strategi D3 : Memperkasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), di bawah Bidang Keutamaan D: Penyampaian Perkhidmatan Awam, Tonggak 1 RMK-11.**

*The study's findings are based on Strategy D3: Empowering Local Authorities (PBT), under Priority Areas D: Public Service Delivery, Pillar 1 of the 11th Malaysian Plain.*

**Hasil kajian tahun 2019 mendapati purata nilai Indeks Keterlibatan pegawai PBT adalah sebanyak 79.6%. Nilai indeks keterlibatan tersebut adalah hasil analisis daripada 30,429 responden melibatkan 104 PBT. Secara umumnya, ia menunjukkan tahap keterlibatan terhadap organisasi yang baik di kalangan warga PBT.**

*The results of the 2019 study found that the average PBT officer engagement index value was at 79.6%. The index value of the engagement was analysed from 30,429 respondents involving 104 local authorities. In general, it shows the level of involvement in better organisations among the local councils.*

## SKOR ATRIBUT INDEKS KETERLIBATAN PEGAWAI

### OFFICER'S ENGAGEMENT INDEX ATTRIBUTE SCORES




**Nilai indeks keterlibatan diperolehi daripada 5 atribut / ciri yang telah dikenalpasti. Hasil skor 5 atribut / ciri mendapati pegawai PBT mempunyai kebanggaan terhadap organisasi masing-masing dan perakuan yang tinggi untuk memperakukan kepada orang lain bahawa organisasi mereka adalah tempat terbaik untuk bekerja. Namun, masih terdapat aspek dan ruang yang boleh ditambah baik dan ditingkatkan termasuk aspek-aspek inspirasi, motivasi dan keterikatan *(sense of belonging).***

*Engagement index value is derived from 5 identified attributes / features. The 5 attributes / features score shows that local authorities have pride in their organisations and a high level of commitment to making others believe that their organisation is the best place to work. However, there are still aspects and areas that can be improved and enhanced including aspects of inspiration, motivation and sense of belonging.*

## TAKLIMAT DAN PENERANGAN KAJIAN IKP PBT 2019 KEPADA PBT DI 6 ZON SELURUH MALAYSIA (TERMASUK SABAH DAN SARAWAK):



Zon Tengah (Selangor dan DBKL) di Dewan Mezzanine JPA Putrajaya pada 26 April 2019.




Zon Sabah di INTAN Kampus Sabah pada 29 April 2019.



Zon Sarawak di INTAN Kampus Sarawak pada 29 April 2019.



Zon Timur (Kelantan, Terengganu dan Pahang) di INTAN Kampus Wilayah Timur (INTIM) pada 2 Mei 2019.



Zon Utara (Kedah, Perak dan Pulau Pinang) di INTAN Kampus Wilayah Utara (INTURA) pada 23 Mei 2019.

## PERKONGSIAN HASIL DAPATAN KAJIAN IKP PBT 2019



Pembentangan Hasil Dapatan Kajian IKP PBT 2019 kepada YBhg. Dato' Hj. Suhaime bin Mahbar [TKPPA(O)] pada 27 November 2019.




Pembentangan Hasil Dapatan Kajian IKP PBT 2019 kepada Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan, YBhg. Dato' Noor-Ihsan bin Haji Che Mat pada 4 Disember 2019

# KAJIAN PEMBAHARUAN PERKHIDMATAN AWAM

## PUBLIC SERVICE REFORM RESEARCH

**Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pembaharuan Perkhidmatan Awam Bilangan 2 Tahun 2018 telah bersetuju dengan pelaksanaan Kajian Pembaharuan Perkhidmatan Awam. Kajian ini merangkumi tiga fasa iaitu jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang.**

*Public Service Reform was has given the green light by the Cabinet Public Service Reform Committee Meeting, Number 2 of 2018. This research covers three phases, namely short, medium and long term.*

**Bahagian Saraan sebagai Jawatankuasa Teknikal (JKT) Dasar Saraan kajian tersebut telah mengadakan mesyuarat kerja pada 5 hingga 7 Mac 2019 bertempat di Hotel Palm Garden, Putrajaya. Mesyuarat kerja ini bertujuan memperhalusi dan memperkemaskan inisiatif-inisiatif di bawah JKT Dasar Saraan. Mesyuarat kerja ini turut melibatkan pegawai daripada Bahagian Pembangunan Organisasi JPA, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.**

*As the Technical Committee (JKT) for Remuneration Policy, the Remuneration Division held a work meeting on March 5 to 7, 2019 at the Palm Garden Hotel, Putrajaya. This work meeting is aimed at streamlining the initiatives under the JKT Remuneration Policy. The working meeting also included officials from the JPA's Organisational Development Division, Department of Statistics Malaysia, Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs and Ministry of Housing and Local Government.*



MESYUARAT Kerja Kajian Pembaharuan Perkhidmatan Awam Peringkat Jawatankuasa Teknikal Dasar Saraan pada 5 hingga 7 Mac 2019 bertempat di Hotel Palm Garden, Putrajaya.

**Sepanjang tahun 2019, sebanyak 4 kajian inisiatif di bawah JKT Dasar Saraan telah dibentangkan kepada Kerajaan antaranya pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksibel (WBF), pengukuhan pelaksanaan pemberian elaun dalam perkhidmatan awam, kajian semula Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal dan Kajian Semula Hadiah Pergerakan Gaji.**

*During 2019, 4 initiatives under the JKT Remuneration Policy were presented to the Government including the implementation of Flexible Working Hours (WBF), strengthening the implementation of allowances in the public service, Critical Service Incentive Payment Review and Wage Increment Review.*




# DIARI KORPORAT JPA

JPA'S CORPORATE DIARY

## JANUARI 2019



Sesi Amanat Ketua Setiausaha Negara di Bilik Mesyuarat Utama, Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara



Perjumpaan YAB Perdana Menteri Bagi Bulan Januari 2019 di Dataran Perdana Putra



Program DGCCR Boardroom Session Bersama Ketua Setiausaha Negara (KSN) di Dewan D2 Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS) Serdang



Majlis Jasamu Dikenang Pengarah Bahagian Pengurusan Psikologi di Aras 13,Blok C1



Program Turun Padang KPPA Ke LKIM Negeri Melaka

## FEBRUARI 2019



Majlis Penyampaian Surat Pelantikan Dan Penempatan PTD (Kemasukan Khas) di Dewan Seri Baiduri INTAN



Perjumpaan YAB PM Bersama Warga JPM Bagi Bulan Februari 2019 di Dataran Perdana Bangunan Perdana Putra JPM



Perjumpaan YAB PM Bersama Warga JPM Bagi Bulan Februari 2019 di Dataran Perdana Bangunan Perdana Putra JPM




Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang APC Jabatan Perkhidmatan Awam 2018 Auditorium JPA Aras 4 Blok C1



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang APC Jabatan Perkhidmatan Awam 2018 Auditorium JPA Aras 4 Blok C1

## MAC 2019



Sekalung Budi Sejambak Kasih PUSPANITA

## APRIL 2019



Lawatan Delegasi Tajikistan Ke JPA di Bilik Mesyuarat Eksekutif, Aras 13, Blok C1

## MEI 2019




Sambutan Hari Pekerja 2019 di Dewan Plenari Hall, PICC

## JUN 2019



Mesyuarat Technical Working Group TWG Public Service Efficiency RMK ke 12 Di Bilik Mesyuarat Utama Aras 8 Blok C1



Kunjungan Hormat Peserta Cross Fertilization Kementerian Pembangunan Luar Bandar ke atas YBhg. Datuk Seri KPPA di Pejabat KPPA



Lawatan Pegawai-Pegawai Tinggi Kerajaan Botswana ke Jabatan Perkhidmatan Awam di Bilik Mesyuarat Melur, Aras 12, Blok C1




Sesi Bual Bicara Di Nasional.Fm Sempena Sambutan Bulan HRMIS 2019 (2)



Lawatan Pegawai-Pegawai Tinggi Kerajaan Botswana Ke Jabatan Perkhidmatan Awam di Bilik Mesyuarat Melur, Aras 12, Blok C1

## JULAI 2019



Majlis Semarak Aidilfitri JPA Tahun 2019 di Dewan Mezzanine dan Kafeteria Blok C1



Perhimpunan Bulanan JPA anjuran Bahagian Pembangunan Modal Insan



Majlis Semarak Aidilfitri JPA Tahun 2019 di Dewan Mezzanine dan Kafeteria Blok C1



Perhimpunan Bulanan JPA anjuran Bahagian Pembangunan Modal Insan



Majlis Semarak Aidilfitri JPA Tahun 2019 di Dewan Mezzanine dan Kafeteria Blok C1

## OGOS 2019




Majlis Penyerahan Daging Korban Disempurnakan Oleh YBhg Datuk Seri KPPA Di Blok C10




Sesi Ramah Mesra Datuk Seri KPPA Bersama Ahli Majlis Pekerja MBK Am Tahun 2019 Di Dewan Ballroom B DoubleTree By Hilton Hotel



Program My Best Buy Fama @ JPA bersama Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Tahun 2019 di Dataran Kompleks C



Program Galakan Membaca Cuti Sekolah Origami Dan Tayangan Animasi Di Perpustakaan JPA Aras 8 Blok C1



Program Korban 1440H Kelab JPA Di Ladang Ternakan MJ Fatonah Sdn Bhd Teluk Penyamun Kuala Selangor

## SEPTEMBER 2019



Program Pengurusan Perubahan Digital Government Competency and Capability Readiness (DGCCR) Sektor Awam Peringkat Zon Timur (Kelantan) di Kompleks Kota Darul Naim, Kelantan



Program Let's Share @ Library JPA - Safety Panic Button and Tutorial Emerald di Perpustakaan JPA Blok C1



Majlis Perhimpunan Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1441H / 2019M di Dewan Perdana, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)



Majlis Sambutan INTAN 60 Tahun di Auditorium, INTAN Bukit Kiara

## OKTOBER 2019



Konsert Payung Mahkota Raja Dan Rakyat Berpisah Tiada Bertempat Di Putra Hall B PICC Putrajaya



Majlis Penyerahan Surat Pelantikan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Ke 24 Oleh Ketua Setiausaha Negara Di Pejabat Ketua Setiausaha Negara Aras 4 Blok Timur Bangunan Perdana Putra



Majlis Penyerahan Surat Pelantikan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Ke 24 Oleh Ketua Setiausaha Negara Di Pejabat Ketua Setiausaha Negara Aras 4 Blok Timur Banguanan Perdana Putra



Sesi Kunjungan Hormat YBhg Datuk Mohd Khairul Adib Bin Rahman KPPA Yang Baharu Ke Atas YAB Perdana Menteri Di Pejabat YAB PM Blok Utama Aras 3 Bangunan Perdana Putra



Sesi Welcoming Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Baharu Ke Jabatan Perkhidmatan Awam Di Lobi C1 Dan Bilik Mesyuarat Eksekutif Aras 13

## NOVEMBER 2019











Sesi Lawatan Kerja YBhg. Datuk Mohd Khairul Adib Bin Abd Rahman,Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam ke Johor




# SENARAI PEKELILING, SURAT PEKELILING DAN SURAT EDARAN 2019

## CIRCULARS, CIRCULAR LETTERS AND CIRCULATED LETTERS 2019

# PEKELILING, SURAT PEKELILING DAN SURAT EDARAN 2019

## PEKELILING PERKHIDMATAN

1. **PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2019: ELAUN TANGGUNGJAWAB KHAS PEMANDU**
   Memperkemaskan peraturan dan syarat pemberian Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu (ETKP) kepada Pemandu Kenderaan Gred H11, H14, H16, H18.

2. **PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 2 TAHUN 2019: BAYARAN INSENTIF TUGAS KEWANGAN**
   Memperkemaskan peraturan dan syarat pemberian Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK) kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang menjalankan tugas pengurusan kewangan sepenuh masa.

3. **PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 3 TAHUN 2019: PEMBERIAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2019 SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2019**
   Kerajaan telah bersetuju memberikan Bantuan Khas Kewangan sempena Hari Raya Aidilfitri 2019 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan di Gred 56 dan ke bawah sebanyak RM450.00 dan dipanjangkan kepada Pekerja Sambilan Harian. Pemberian ini turut dipanjangkan kepada pesara Kerajaan yang menerima pencen dan pencen terbitan di bawah undang-undang pencen dengan amaun sebanyak RM225.00. Pelaksanaan bantuan ini adalah melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2019 dan dibayar pada 24 Mei 2019.

4. **PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 4 TAHUN 2019: TAMBANG MENGIRINGI JENAZAH DAN TAMBANG MENGURUS PEMINDAHAN BARANG BAGI PEGAWAI YANG BERTUKAR WILAYAH**
   Dasar dan peraturan berkaitan kemudahan Tambang Mengiringi Jenazah telah dijelaskan melalui Perenggan 8, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 1978 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2003. Peraturan tersebut memperuntukkan bahawa sekiranya pegawai yang bertukar wilayah meninggal dunia di wilayah berkhidmat, ahli keluarga pegawai diberi kemudahan tambang kapal terbang untuk mengiringi jenazah pegawai ke wilayah asal. Setelah itu, pasangan pegawai atau seorang ahli keluarga dibenarkan kembali ke tempat pegawai berkhidmat untuk menguruskan pemindahan barang-barang atas tanggungan Kerajaan.

   Dalam hal ini, Kerajaan telah bersetuju kemudahan Tambang Mengiringi Jenazah turut diberikan kepada pegawai dan ahli keluarga sekiranya ada di kalangan ahli keluarga pegawai meninggal dunia di wilayah berkhidmat. Kemudahan Tambang Mengiringi Jenazah dan Tambang Mengurus Pemindahan Barang juga dipanjangkan kepada waris pegawai bujang sekiranya pegawai tersebut meninggal dunia di wilayah berkhidmat. Pelaksanaan penambahbaikan ini adalah melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2019 dan berkuat kuasa mulai 1 Julai 2019.

5. **PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 5 TAHUN 2019: PELAKSANAAN WAKTU BEKERJA FLEKSI (WBF) DI AGENSI KERAJAAN PERSEKUTUAN**
   Pegawai Perkhidmatan Awam telah diberi fleksibiliti dalam pengaturan jadual kerja sedia ada daripada persekitaran kerja yang tegar kepada persekitaran kerja yang lebih fleksibel dengan pelaksanaan WBF. Penambahbaikan ini direalisasikan melalui pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2019 yang berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2019 di agensi Kerajaan Persekutuan. Fleksibiliti ini antara langkah mengukuhkan inisiatif ke arah menambah baik keseimbangan antara kerja dan kehidupan penjawat awam yang lebih baik seterusnya meningkatkan produktiviti dalam perkhidmatan awam. Tertakluk kepada penerimaan pakai, pekeliling perkhidmatan ini adalah dipanjangkan kepada Pihak Berkuasa Badan Berkanun, Perkhidmatan Awam Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

6. **PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 6 TAHUN 2019: PEMBERIAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2019**
Kerajaan telah bersetuju memberikan Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan di Gred 56 dan ke bawah sebanyak RM500.00 dan dipanjangkan kepada Pekerja Sambilan Harian. Pemberian ini turut dipanjangkan kepada pesara Kerajaan yang menerima pencen, pencen terbitan di bawah undang-undang pencen dan pesara Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang bersara paksa serta veteran tidak berpencen dengan amaun sebanyak RM250.00. Pelaksanaan Bantuan Khas Kewangan ini adalah melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2019 dan dibayar pada 18 Disember 2019.

7. **PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 7 TAHUN 2019: KENAIKAN BANTUAN SARA HIDUP KEPADA KUMPULAN PELAKSANA**
Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan kerajaan berhubung kenaikan Bantuan Sara Hidup (BSH) sebanyak RM50 sebulan kepada Kumpulan Pelaksana berkuat kuasa mulai 1 Januari 2020. BSH dibayar mengikut tempat kerja (pejabat) pegawai atau institusi pengajian bagi pegawai yang diluluskan cuti belajar/kursus jangka panjang dalam negara. Bagi pegawai yang diluluskan cuti belajar/kursus jangka panjang dalam negara di Sabah, Sarawak atau Labuan, kadar BSH adalah mengikut Kawasan A. Penetapan pembahagian kawasan adalah berdasarkan persempadanan kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan.

8. **PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 8 TAHUN 2019: PEMBERIAN PERGERAKAN GAJI TAHUNAN DIAWALKAN KEPADA PEGAWAI YANG MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN SEBELUM TARIKH PERGERAKAN GAJI**

**TUJUAN:**
Pemberian Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) diawalkan kepada pegawai lantikan tetap yang meninggal dunia dalam perkhidmatan sebelum Tarikh Pergerakan Gaji (TPG)

**LATAR BELAKANG:**
PGT diawalkan ke hari terakhir perkhidmatan telah dilaksanakan dalam PP Bil.2/2015 kepada pegawai yang bersara wajib sebelum TPG.

**PELAKSANAAN:**
i. Pegawai yang meninggal dunia dalam perkhidmatan sebelum TPG, PGT pegawai akan diawalkan pada tarikh pegawai itu meninggal dunia.
ii. Waris pegawai akan menerima faedah persaraan yang lebih baik.

**SYARAT PEMBERIAN PGT:**
Mematuhi peraturan-peraturan berkaitan yang berkuat kuasa dan syarat-syarat yang berikut:
i. pegawai mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
ii. diperakukan oleh Ketua Jabatan; dan
iii. diluluskan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) Kementerian/Jabatan.

**TARIKH KUAT KUASA:**
Pekeliling Perkhidmatan ini telah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2019.

9. **PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 9 TAHUN 2019: PELAKSANAAN PELARASAN GAJI KE GAJI PERMULAAN BAGI MENGGANTIKAN PEMBERIAN HADIAH PERGERAKAN GAJI (HPG)**

**TUJUAN:**
Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memberikan pelarasan gaji ke gaji permulaan bagi menggantikan pemberian Hadiah Pergerakan Gaji (HPG) kepada pegawai dalam skim-skim perkhidmatan yang ditetapkan yang memiliki kelayakan akademik lebih tinggi ketika dalam perkhidmatan.

**LATAR BELAKANG:**
HPG diperkenalkan pada 1 Oktober 1993 di bawah pelaksanaan Sistem Saraan Baru (SSB) yang bertujuan mengatasi masalah pelangkauan gaji di gred lantikan.

**PELAKSANAAN:**
i. Pemberian pelarasan gaji ini diperuntukkan kepada skim-skim perkhidmatan Pensyarah Universiti DS45, Pensyarah UiTM DM45, Pegawai Penyelidik Q41, Pegawai Psikologi S41 dan Pegawai Teknologi Maklumat F41.
ii. Pelaksanaan pelarasan gaji ini diberikan mengikut kelayakan akademik seperti yang ditetapkan dalam syarat-syarat lantikan skim perkhidmatan berkenaan.

**TARIKH KUAT KUASA:**
Pekeliling Perkhidmatan ini telah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2020.

**10. PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 10 TAHUN 2019: PENGUKUHAN PELAKSANAAN PEMBERIAN ELAUN DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

Melaksanakan keputusan Kerajaan mengenai pengukuhan pelaksanaan pemberian elaun dalam perkhidmatan awam selaras dengan hala tuju semasa perkhidmatan awam dan keperluan persekitaran yang dinamik.

**11. PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 11 TAHUN 2019 PEMBERIAN EX-GRATIA KEMATIAN SEKALIGUS KEPADA WARIS YANG LAYAK BAGI ANGGOTA YANG MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN**

Antara penambahbaikan yang telah dibuat pada tahun 2019 ialah pemberian ex-gratia kematian sekaligus kepada waris yang layak bagi anggota yang meninggal dunia dalam perkhidmatan. Sehubungan itu, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2019 telah dikeluarkan pada 30 Disember 2019 bagi tujuan pelaksanaan ini.

- Kerajaan telah bersetuju untuk memberikan ex-gratia kematian sekaligus kepada waris yang layak bagi anggota yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan sebagai tambahan kepada faedah-faedah yang sedia ada.
- Syarat-syarat kelayakan:
  a) Anggota lantikan tetap atau sementara yang meninggal dunia dalam perkhidmatan; dan
  b) tarikh kematian anggota pada atau selepas 1 Januari 2020.
     - Jumlah pemberian ex-gratia kematian kepada waris yang layak adalah berdasarkan julat tempoh perkhidmatan yang boleh dimasuk kira seperti di Jadual 1.

**Jadual 1: Jumlah Pemberian Ex-Gratia Kematian Kepada Waris Yang Layak**

| Tempoh Perkhidmatan (Bulan) | Pembayaran Ex-Gratia Kematian (RM) |
|---|---|
| ≤ 60 | 150,000 |
| 61 - 120 | 100,000 |
| 121 - 180 | 75,000 |
| 181 - 240 | 50,000 |
| ≥ 241 | Tiada |

Walau bagaimanapun, ex-gratia kematian ini tidak diberikan kepada kes-kes kematian yang disahkan akibat daripada membunuh diri.

- Pemberian ex-gratia kematian kepada waris-waris yang layak adalah berasaskan kepada prinsip bayaran berikut:
  a) 1/10 kepada ibu/bapa dengan mendahulukan ibu; dan
  b) 9/10 mengikut pembahagian syer seperti berikut:
- duda / setiap balu : 2 bahagian
- setiap anak : 1 bahagian
- Bilamana keadaan tiada waris yang layak di Perenggan 10.1, keseluruhan pemberian ex-gratia kematian akan diberikan kepada waris-waris di Perenggan 10.2, dan begitu juga sebaliknya. Sekiranya tiada waris-waris yang layak di Perenggan 10, tiada pemberian ex-gratia kematian akan dibayar.
- Pekeliling Perkhidmatan ini adalah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2020.
- Pekeliling Perkhidmatan ini terpakai kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Perkhidmatan Awam Negeri serta pekerja Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

## SURAT EDARAN

1. **SURAT EDARAN JPA.SARAAN(S) 43/35 Jld 9 (13) BERTARIKH 17 APRIL 2019: CUTI TANPA REKOD SEMPENA PERAYAAN GOOD FRIDAY BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG MENGANUT AGAMA KRISTIAN**
   Kerajaan bersetuju supaya pegawai perkhidmatan awam yang menganut agama Kristian diberikan kemudahan cuti tanpa rekod selama satu (1) hari sempena perayaan Good Friday mulai tahun 2019 kecuali bagi perkhidmatan awam di negeri-negeri yang perayaan Good Friday adalah merupakan hari kelepasan am.

2. **SURAT EDARAN JPA.SARAAN(S) 43/35 Jld 9 (18) BERTARIKH 25 APRIL 2019: CUTI TANPA REKOD SEMPENA PERAYAAN TAHUN BARU SIAM (SONGKRAN) BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG BERKETURUNAN SIAM**
   Kerajaan bersetuju supaya pegawai perkhidmatan awam yang berketurunan Siam diberikan kemudahan cuti tanpa rekod selama satu (1) hari sempena perayaan Tahun Baru Siam (Songkran) pada 13 April setiap tahun mulai tahun 2020 bagi memberi ruang kepada pegawai untuk menyambut perayaan tersebut bersama keluarga.

3. **SURAT EDARAN JPA.SARAAN(S)63/5/8 JLD.4 (4) BERTARIKH 4 JULAI 2019: PELAKSANAAN CUTI REHAT TAHUNAN BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU, KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**
   Kerajaan bersetuju supaya Cuti Rehat Tahunan dilaksanakan kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di Institut Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia bagi menggantikan Cuti Rehat Khas mulai 1 Januari 2020. Kadar Cuti Rehat Tahunan ditetapkan mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2015 dan Pegawai Perkhidmatan Pendidkan yang bertugas di Institut Pendidikan Guru tidak lagi menikmati Cuti Rehat Khas dan Cuti Penggal.

4. **SURAT EDARAN JPA.BPO(S)215/65/6 JLD.30 S.K.4(13) BERTARIKH 19 MAC 2019: PERTUKARAN KETUA PERKHIDMATAN KUMPULAN PELAKSANA GRED 11/14 DAN JAWATAN SEMENTARA LANTIKAN KONTRAK UNTUK PELANTIKAN TETAP (JSKT) (15 TAHUN CONTRACT OF SERVICE) DARI JABATAN/AGENSI JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) KE KEMENTERIAN**

5. **SURAT EDARAN JPA.BPO(S)215/65/6 JLD.30 S.K.5(23) BERTARIKH 30 MEI 2019: PENETAPAN KETUA PERKHIDMATAN BAGI PEGAWAI PEMBANGUNAN MASYARAKAT, PENOLONG PEGAWAI PEMBANGUNAN MASYARAKAT, PEMBANTU PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN PEMBANTU PEGAWAI LATIHAN DI JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI (JAKOA), JABATAN PERDANA MENTERI**

6. **SURAT EDARAN JPA.BPO(S)215/65/6 JLD.29 S.K.6(23) BERTARIKH 30 MEI 2019: PENETAPAN PENGARAH JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (JAWI) SEBAGAI KETUA PERKHIDMATAN BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP) DI JAWI.**

7. **SURAT EDARAN JPA.BPO(S)215/65/6 JLD.31(S.K.2) (12) BERTARIKH 8 NOVEMBER 2019.PENETAPAN KETUA PERKHIDMATAN BAGI PEMBANTU OPERASI GRED N11 DARI KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA (MINDEF) KE KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN (KBS)**




# PUNCA KUASA JPA

JPA'S SOURCE OF AUTHORITY

# PUNCA KUASA JPA

Dalam mengurus sumber manusia perkhidmatan awam, JPA menjalankan kuasanya berasaskan peruntukan undang-undang yang berikut:

## PENUBUHAN

- Perlembagaan Persekutuan
- Bahagian X – Perkhidmatan-Perkhidmatan Awam
- Butiran 6, Senarai Persekutuan, Jadual Kesembilan
- Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969 [Akta 2]
- Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan 2019 [P.U. (A) 132/2019]

## PENTADBIRAN

- Akta Prosedur Kewangan 1957 [Akta 61]
- Akta Perwakilan Kuasa 1956 [Akta 358]
- Akta Audit 1957 [Akta 62]
- Akta Kontrak 1950 [Akta 136]
- Akta Kontrak Kerajaan 1949 [Akta 120]

## PENGOPERASIAN

**i. PERKHIDMATAN**

- Perintah-Perintah Am 1974 (Bab B, C, E, F dan G)
- Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [P.U. (A) 1/2012]
- Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U. (A) 395/1993]
- Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam [P.U. (A) 396/1993]
- Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Pendidikan 1994 [P.U. (A) 458/1994]
- Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam 2010 [P.U. (A) 75/2010]
- Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pendidikan 2010 [P.U. (A) 24/2010]
- Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605]

**ii. PENCEN**

- Akta Pencen 1980 [Akta 227]
  - Peraturan-Peraturan Pencen 1980 [P.U. (A) 176/80]
  - Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 [Akta 239]
  - Peraturan-Peraturan Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1990 [P.U. (A) 134/90]
  - Akta Penyelarasan Pencen 1980 [Akta 238]
  - Akta Penghitungan Semula Pencen 1980 [Akta 228]
  - Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 [Akta 237]
  - Akta Saraan Hakim 1971 [Akta 45]
  - Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 [Akta 662]
  - Ketentuan Saraan Setiausaha Politik 1980
  - Akta Pencen Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj 1971 [Akta 22]
  - Akta Pencen Balu dan Anak Yatim 1915 (Semakan 2007) [Akta 681]
  - Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah Cap. 156)
  - Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim (Sarawak Cap. 90)

**iii. PSIKOLOGI**

- Akta Kaunselor 1998 [Akta 580]

www.jpagov.my
@jpagov
Jabatan Perkhidmatan Awam
@jpa2day
Jabatan Perkhidmatan Awam

Blok C1-C3, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 Wilayah Persekutuan Putrajaya
Malaysia